

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KEDUA**

---

**Bil. 24**

**Selasa**

**16 Jun 2009**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 2)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 30)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
- Rang Undang-undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008	(Halaman 30)
- Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008	(Halaman 65)
<b>USUL-USUL:</b>	
- Menarik Balik Rang Undang-undang Di Bawah P.M. 62	(Halaman 1)
- Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah P.M. 16(3)	(Halaman 102)
<b>UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:</b>	
■ Arahan Jemaah Menteri Harus Dilaksanakan Secara Adil berhubung Isu Pemelukan Agama - <i>Tuan M. Kula Segaran (Ipoh Barat)</i>	(Halaman 102)
■ Jenayah Menggunakan Pakai Nama Bank Untuk Tujuan Penipuan - <i>Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)</i>	(Halaman 105)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 16 Jun 2009**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**USUL**

**MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

**RANG UNDANG-UNDANG ORANG-ORANG PAPA (PINDAAN) 2008**

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datin Paduka Chew Mei Fun]:** Tuan Yang di-Pertua, bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon untuk menarik balik Rang Undang-undang Orang-orang Papa (Pindaan) 2008 yang dijadualkan di nombor 9 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baiklah.

**Datin Paduka Chew Mei Fun:** Terima kasih.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA  
(PERBADANAN) (PENGESAHAN) 2009**

**Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Dato' Hamzah bin Zainudin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon menarik balik Rang Undang-undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Perbadanan) (Pengesahan) 2009 bagi bacaan kali kedua dan ketiga seperti yang tertera sebagai perkara nombor 10 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Tuan Yang di-Pertua, apa sebab itu? Nampaknya ini tidak serius. Main-main sahaja. Satu demi satu tarik balik. Kalau tarik balik, kenapa ada taruk dalam Aturan Urusan Mesyuarat? Ini menunjukkan bahawa kerajaan ini tidak serius...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Atau mereka main-main sahaja. Bolehkah kita dapat penjelasan sebab itu kenapa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ipoh Timur, perkara usul menarik balik rang undang-undang dibenarkan dalam peraturan mesyuarat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Ya, tetapi... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat ya. Baik, baik.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tidak perlu buang masalah, Tuan Yang di-Pertua.

### **JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) langkah-langkah untuk mengatasi ketidakseimbangan bagi permohonan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); dan
- (b) jumlah bilangan (ikut kaum) yang berjaya mendapat biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 2009.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan Yang Berhormat Kota Melaka, Taiping, Pasir Mas dan Rasah yang dibangkitkan dalam Dewan pada hari ini serta Yang Berhormat Tanjung Malim pada 17 Jun dan Yang Berhormat Sibuti pada 18 Jun kerana kesemua soalan-soalan ini adalah mengenai isu yang sama iaitu biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam atau dikenali sekarang sebagai Program Ijazah Luar Negara 2009.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik, baik.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada dasarnya sentiasa berusaha untuk membangunkan sumber manusia yang berpengetahuan, terlatih dan kompeten untuk memenuhi keperluan strategik sektor awam dan negara. Setelah mengambil kira isu dan masalah Program Ijazah Luar Negara tahun 2008 dan untuk mengatasi ketidakseimbangan bagi permohonan biasiswa, Jabatan Perkhidmatan Awam, kerajaan telah bersetuju untuk menggubal dasar penajaan Program Ijazah Luar Negara 2009 berasaskan:

- (i) pembangunan modal insan yang menekankan pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran, modal intelektual termasuk ilmu sains, teknologi, keusahawanan, pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi;
- (ii) kepentingan integrasi nasional dan perpaduan demi keharmonian dan kesejahteraan negara; dan

- (iii) pendidikan sebagai agenda meningkatkan taraf sosioekonomi dan menyusun semula struktur guna tenaga negara agar mencerminkan masyarakat berbilang kaum.

Selain daripada itu, kecemerlangan akademik yang dipertimbangkan oleh JPA adalah berdasarkan kepada maksimum sembilan mata pelajaran utama sahaja mengikut kesesuaian bidang pengajian yang dipohon pelajar. Had ini ditetapkan bagi memastikan semua calon bertanding di atas *playing field* yang sama disebabkan tidak semua sekolah mempunyai kemampuan dan membenarkan pelajar mengambil lebih daripada sembilan mata pelajaran.

Contohnya, sekolah-sekolah luar bandar yang mempunyai tenaga pengajar yang terhad, Maktab Rendah Sains MARA dan sekolah berasrama penuh. Ini semua sekolah-sekolah yang tidak dibenarkan pelajar mengambil lebih daripada sembilan mata pelajaran. Kriteria ini diperlukan bagi memastikan semua calon yang menduduki SPM diberi peluang yang adil dan saksama. Setelah mengambil kira kriteria di atas, kerajaan pada 14 Januari 2009 telah memutuskan dasar penajaan 2009 di bawah PILN dibahagikan kepada empat kategori seperti berikut:

- (i) kecemerlangan akademik – bagi kategori ini penajaan yang diberi adalah tanpa mengira latar belakang kaum dan sosioekonomi.

■1010

- (ii) pemilihan adalah berdasarkan kecemerlangan akademik 85% iaitu mereka yang mendapat keputusan gred 9 1A dalam peperiksaan SPM bagi semua mata pelajaran teras dan kombinasi, mata pelajaran elektif berkaitan dengan bidang yang dipohonkan dan kokurikulum – 10% serta temu duga – 5%.

Kemudian kita pergi ke kategori dua iaitu berdasarkan populasi kaum:

- (iii) bagi penajaan mengikut populasi kaum semasa. Peruntukan penajaan yang tidak digunakan sepenuhnya oleh sesuatu kaum akan diagihkan kepada kaum-kaum yang lain; dan
- (iv) pemilihan berdasarkan kecemerlangan akademik iaitu mereka yang mendapat sekurang-kurangnya gred 2A dalam semua mata pelajaran teras dan kombinasi mata pelajaran elektif berkaitan dengan bidang yang dipohon – 75%.

Di samping itu, calon-calon juga dinilai menerusi kecemerlangan kokurikulum – 10% semasa di sekolah menengah. Latar belakang sosioekonomi – 10%, keluarga dan temu duga – 5%.

Kemudian kita pergi ke kategori 3 iaitu untuk bumiputera Sabah dan Sarawak:-

- (i) penajaan untuk kaum bumiputera Sabah dan Sarawak dengan bilangan tempat sebanyak 10% daripada jumlah yang kita hantar ke luar negara.

Berdasarkan agihan 5% untuk bumiputera Sabah dan 5% untuk bumiputera Sarawak. Peruntukan penajaan yang tidak digunakan sepenuhnya oleh bumiputera Sabah dan Sarawak akan diagihkan kepada kategori-kategori lain; dan

- (ii) pemilihan berdasarkan keputusan SPM sekurang-kurangnya gred 2A dalam kombinasi mata pelajaran yang bersesuaian dengan bidang pengajian yang dipohon dan sekurang-kurangnya lulus dalam semua mata pelajaran lain yang diambil – 65%.

Di samping itu calon-calon juga dinilai menerusi kecemerlangan kokurikulum – 5% semasa di sekolah menengah, latar belakang sosioekonomi – 25%, keluarga dan temu duga – 5%.

Kategori yang keempat, ini golongan *sosialist disadvantage*. Bagi kategori ini:-

- (i) penajaan ialah untuk pelajar dari sekolah luar bandar dan bandar yang mempunyai kemudahan dan suasana pembelajaran yang terhad dan dari keluarga yang berpendapatan rendah; dan
- (ii) pemilihan adalah berdasarkan keputusan SPM sekurang-kurangnya gred 2A dan kombinasi mata pelajaran yang bersesuaian dengan bidang pengajian yang dipohon dan sekurang-kurangnya lulus dalam semua mata pelajaran lain yang diambil. Itu pencapaian akademik mereka – 65%.

Di samping itu calon-calon juga dinilai menerusi kecemerlangan kokurikulum – 5%, semasa di sekolah menengah, latar belakang sosioekonomi – 25%, keluarga dan temu duga – 5%.

Dari segi bilangan bagi tahun 2009, seramai 2,100 pelajar telah ditawarkan biasiswa tajaan JPA bagi mengikut pengajian di luar negara iaitu 1,176 pelajar bumiputera dan 924 pelajar bukan bumiputera.

Pelajar-pelajar ini akan dihantar untuk mengikuti pengajian dalam bidang-bidang kritikal, profesional, strategik dan keutamaan yang ditetapkan oleh kerajaan. Pelajar-pelajar yang terpilih ini perlu menjalani program persediaan di dalam negara sebelum mereka di tempatkan di universiti luar negara bagi mengikuti pengajian di peringkat ijazah pertama. Pelajar-pelajar akan melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang ke negara United Kingdom, Ireland, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, New Zealand, Jepun, Korea Selatan, Russia, Jerman, Perancis, Republic Czech, Poland, Mesir, Jordan, India dan Indonesia.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, bilangan pelajar dan kos yang telah dibelanjakan bagi menghantar pelajar-pelajar tersebut ke luar negara dalam tempoh 10 tahun kerana ini juga permintaan dalam soalan, dari tahun 1998 sehingga tahun 2008 adalah seperti berikut:-

Jumlah Pelajar yang Ditawarkan Biasiswa JPA di Luar Negara		Tahun	
		Bumiputera (RM)	Bukan Bumiputera (RM)
1998/1999		Tiada	
2000		598	150
	Jumlah Keseluruhan	748	
	Perbelanjaan	109 juta	
2001		609	152
	Jumlah Keseluruhan	761	
	Peruntukan Kewangan	96 juta	
2002		999	250
	Jumlah Keseluruhan	1,249	
	Peruntukan Kewangan	116 juta	
2003		1,314	329
	Jumlah Keseluruhan	1,643	
	Peruntukan Kewangan	253 juta	
2004		1,187	297
	Jumlah Keseluruhan	1,484	
	Peruntukan Kewangan	281 juta	
2005		1,040	260
	Jumlah Keseluruhan	1,300	
	Peruntukan Kewangan	391 juta	
2006		1,143	357
	Jumlah Keseluruhan	1,500	
	Peruntukan Kewangan	436 juta	
2007		1,170	630
	Jumlah Keseluruhan	1,800	
	Peruntukan Kewangan	461 juta	
2008		1,100	900
	Jumlah Keseluruhan	2,000	
	Peruntukan Kewangan	659 juta	

Ini cuma untuk di luar negara kerana untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penajaan biasiswa JPA dalam negara hanya akan dibuka pada awal bulan Julai 2009.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada dasarnya sentiasa berusaha untuk menjamin dan mengekalkan hak-hak keistimewaan orang-orang Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak seperti mana termaktub dalam Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan dalam pelbagai cara termasuklah menerusi pemberian biasiswa kepada pelajar-pelajar cemerlang ini.

Walaupun bagaimanapun, Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan tidak menafikan hak individu lain untuk memiliki sebarang kemudahan yang diperolehi secara sah di bawah undang-undang yang ditetapkan.

**Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang diberikan. Kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang tinggi untuk mendidik dan melahirkan pemuda-pemudi yang berbakat dan berharap mereka balik berkhidmat untuk negara. Soalan tambahan saya ialah berapakah peratusan pelajar yang dapat biasiswa atau JPA menunaikan janji untuk berkhidmat dalam bidang perkhidmatan awam kerajaan sejak biasiswa diberikan? Sekian, terima kasih.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gelang Patah. Sememangnya harapan kerajaan, apabila JPA memberikan biasiswa kepada mereka dengan perbelanjaan yang begitu tinggi, ia sudah tentu bermaksud supaya mereka ini semua apabila lulus nanti akan kembali ke tanah air dan berkhidmat dengan kerajaan. Itu merupakan harapan kita dan sudah tentu merupakan perjanjian secara tersurat dan tersirat di antara kerajaan dan juga mereka yang mendapat biasiswa ini.

Namun pada tiap-tiap tahun, akan berlaku perkara-perkara yang luar daripada dugaan yang mungkin disabitkan oleh sebab tidak mempunyai jawatan yang cukup, kadangkala kerajaan tidak dapat untuk menampung mereka ini. Begitu juga masalah daripada pelajar pula, ada yang telah pun belajar di luar negara dan mereka tidak pulang balik ke negara kita kerana terus untuk belajar ataupun bekerja di sana.

Pada umumnya, pada tiap-tiap tahun ada segelintir mereka yang tidak kembali. Namun, kita cuba melihat perkara itu secara positif. Mungkin membenarkan dia terlebih dahulu mendapat pengalaman di negara-negara yang kita anggap negara di mana *health care*nya itu maju, kita boleh benarkan. Akan tetapi akhirnya dia mesti kembali balik ke negara dan bekerja dengan kerajaan. Saya tidak mempunyai peratusan sebenarnya berapa tetapi saya kira tidaklah satu jumlah yang membimbangkan.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila Yang Berhormat daripada Pekan menjadi Perdana Menteri, dia ada "Satu Malaysia" dan rakyat berharap bahawa dalam dasar-dasar kerajaan ada meritokrasi, khasnya dalam 20% yang dihadkan untuk *scholarships* JPA untuk meritokrasi dan akan ada satu dasar *race blind, colour blind, race blind*, supaya semua "Satu Malaysia" konsep.

Akan tetapi kenapa tahun ini berlaku lagi yang boleh disifatkan sebagai *annual begging season* di mana *top scorers* perlu meminta supaya dapat *scholarship*.

Di sini saya ada satu kompelin Tan How Chong, pelajar SPM tahun lalu yang sebenarnya *top seven in a premier school at Johor Bahru*, SPM - Sultan Ismail. Dengan izin, "*Immediately after SPM, I attended a seminar organized by MCA Youth in Johor Bahru and was excited to hear the announcement by Dr. Wee Ka Siong that 20% - that is 400 out of 2,000 scholarships will be awarded to students with good results regardless of race, economic background, CCA and interviews. Obviously, this was not done. We are disappointed with the MCA for failing to give us justice. The Head of JPA promised to publish the results of successful applicants and until now nothing was announced*". Orang yang dapat 6A boleh dapat *scholarship* tetapi 14A, 13A, 12A dan 11A dan dia 12A tidak boleh dapat! Bukankah ini Yang Berhormat Menteri ini sebagai menganiaya – *injustice at an operation*?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Soalannya, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Kenapa terus berlaku? Kenapa ini tidak boleh dibetulkan? Kalau semua *appeal* yang ada dibuat mereka dapat 9A yang atas dapat *scholarship*. Bukankah RM400 juta tambahan perlu dibelanjakan dan tentu Dewan boleh beri satu *supplementary estimate*. Bukankah lebih baik ini digunakan daripada buang masa, buang wang dalam PKFZ *scandal RM12.5 billion* yang membolehkan beberapa orang iaitu lebih daripada 1,000 orang pelajar boleh mendapat *scholarships* sebanyak RM10,000, sekurang-kurangnya RM100,000 setahun.

Akhirnya bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu kenapa berlaku lagi penganiayaan kali ini dan bolehkah satu jaminan bahawa boleh *review* perkara ini supaya mereka yang mendapat lebih daripada 9A diberi *scholarship*?

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Faham "Satu Malaysia" tak?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, tempat yang kita hantar itu 2,100 sahaja. Daripada jumlah 2,100 ini, 20% itu kita khaskan untuk mereka yang betul-betul cemerlang. Ini bermakna ada 417 lah - empat, satu, tujuh. Bukan sahaja MCA, DAP hendak buat pun tidak boleh, saya hendak bagi tahu. Memang tidak boleh.

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** "*One Malaysia*" mana?

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Yalah. Ini "*One Malaysia*" lah. Bawah 20% ini...

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat anti Malaysia.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Saya hendak bagi tahu tempat 417 terhad. Yang dapat keputusan baik banyak dan kita tidak boleh hendak bagi berdasarkan kepada jumlah A yang kita dapat kerana tidak adil. Ada sekolah yang boleh belajar 16A, boleh ambil subjek sampai 20, 21. Tidak adil juga kerana ada sekolah yang hanya dihadkan kepada 10 subjek

sahaja. Jadi, oleh sebab itu kalau betul hendak bercakap berlaku adil semua kena dibenarkan untuk mengambil subjek ikut suka hati mereka tetapi...

**Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]:** Umumkan senarai. Umumkan senarai. Tunjuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak boleh macam itu, Yang Berhormat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Jadi, kita berdasarkan kepada apa yang saya sebutkan sebentar tadi iaitu 9A1 itu baru adil. Saya hendak sebutkan di sini, dari segi bilangan tawaran mengikut kategori dan kaum iaitu bagi yang cemerlang, bumiputera 135 – ini Kategori 1 tadi, iaitu 32%. Ini bagi yang merit tadi. Bukan bumiputera 282 - 68%. Jadi tidaklah ini bermakna bahawa orang itu dianiaya kerana kulit dia bukan coklat, kulit dia kuning atau hitam. Tidak berbangkit perkara ini kerana dalam Kategori 1 satu tadi non-bumi 68%. Jadi, Yang Berhormat, kalau tidak tahu tidak usah bercakaplah. *[Tepuk]* Jadi, saya hendak sebut di sini iaitu kerajaan berlaku adil dalam perkara ini. Dalam soal kecemerlangan kita tidak mengira kaum, bangsa, agama ataupun tutur bahasa dia.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh dapat soalan tambahan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya pun ramai pelajar-pelajar Melayu yang *complaint* ini.

**2. Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan tidakkah kerajaan bercadang menerima tandatangan penggawa dan penghulu kerajaan yang diiktiraf dan tidak hanya tandatangan PPM untuk mendapatkan baja subsidi LPP seperti mana arahan pekeliling terbaru Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan juga Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) telah diberi mandat untuk melaksanakan pemilihan peserta dan penyaluran bantuan bagi projek-projek Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Melalui Pekeliling Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Bilangan 2/2009 bertarikh 28 April 2009 mengenai penyaluran bantuan dan pemilihan peserta bagi projek-projek pembangunan kementerian, pendekatan yang lebih telus telah dilaksanakan bagi manfaat golongan sasaran. Pemilihan peserta akan dibuat dengan penglibatan Jawatankuasa Masyarakat Tempatan.

Oleh kerana peruntukan ini merupakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan – Kerajaan Barisan Nasional, maka semua penyaluran bantuan dan pemilihan peserta mestilah dibuat melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKK) atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) untuk negeri Selangor, Kedah dan Pulau Pinang atau Penyelia Pembangunan Mukim (PPM) untuk negeri Kelantan. Hanya borang penyertaan dan permohonan yang disokong oleh Pengerusi JKK atau JKKP atau Ketua PPM

sahaja yang layak untuk ditimbangan. Ini memandangkan Penggawa dan Penghulu Kerajaan di negeri Kelantan adalah jawatan yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Kelantan - Kerajaan PAS. Terima kasih.

**Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan UMNO, Barisan Nasional sedar dasar melantik PPM ini bercanggah dengan konsep Satu Malaysia yang dilaungkan. *[Tepuk]* Ia menyebabkan adanya kerajaan di dalam kerajaan, menghina institusi demokrasi kerana tidak mengiktiraf kerajaan pilihan raya, pilihan rakyat di Kelantan; menghina Ke bawah Duli Sultan Kelantan *[Disorak]* kerana mengetepikan kerajaan negeri yang dilantik oleh Tuanku; memecahbelahkan rakyat kerana mereka yang tidak menyokong UMNO dan Barisan Nasional menjadi mangsa dan dilayan seperti warga kelas kedua.

**Ahli Pembangkang:** Ya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan berucap Yang Berhormat.

**Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]:** Menyusahkan rakyat kerana terpaksa menghadapi karenah birokrasi.

**Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]:** Selangor dan Perak ini sama sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tanya soalan, Yang Berhormat. Tidak payah berucap.

**Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]:** Soalannya.

**Seorang Ahli:** Ha, itu dia.

**Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]:** Tidakkah kerajaan bercadang memansuhkan amalan kerajaan dalam kerajaan ini dan memansuhkan tandatangan jawatan PPM ini?

**Seorang Ahli:** Ya, jawab. *[Tepuk]*

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat Tanah Merah. Banyak persoalan tadi timbul yang kalau didengar orang kampung mereka terpengaruh dengan apa Yang Berhormat cakap.

Pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, dakwaan "Satu Malaysia" ini nampaknya pihak pembangkang ini tidak faham. Sekarang ini ada dua kerajaan; satu Kerajaan Barisan Nasional – Persekutuan, dan satu lagi kerajaan negeri – PAS dan ada lagi Kerajaan PKR yang tidak berdaftar langsung. *[Ketawa]* Okey?

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita ada dua kerajaan kita ada dua peruntukan. Saya hendak beritahu Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Kelantan pun ada memberikan peruntukan baja ini tetapi peruntukannya tidak banyaklah hanya RM3 juta. Kita bagi RM43 juta. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat segala peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri

Kelantan, baja sebagai contohnya. Mengapa Kerajaan Negeri Kelantan tidak minta penyelia bangunan kawasan untuk tandatangan dan juga sokong, hanya beri kepada JKK dan juga Penggawa yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Kelantan?

■1030

Ini menunjukkan kalau kira *double standard*, Kerajaan Negeri Kelantan mendahulukan *double standard*. Kita ada kadar, kita ada kadar di negeri Kelantan, kita memberi peruntukan kepada semua petani tetapi apabila peruntukan daripada kerajaan negeri PAS, Kerajaan Negeri Kelantan hanya menggunakan jawatankuasa yang dilantik oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Tidak menggunakan jawatankuasa yang dilantik oleh Kerajaan Persekutuan.

Di negeri Selangor sebagai contoh, di negeri Selangor ini pun sama. Bila mereka memerintah, mereka juga menggunakan jawatankuasa yang ada menukar semua JKK yang ada kepada JKK yang baru. Borang yang ini, saya hendak beritahu Yang Berhormat...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Memanglah itu kuasa negeri.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Ha yalah, terima kasih Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tahu itu kuasa negeri, saya hendak beritahu ini kuasa Kerajaan Persekutuan. *[Tepuk]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi persekutuan kata 'One Malaysia' tapi berpecah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, ya.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya nak beritahu ini masalah dengan pembangkang.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Satu Malaysia.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Cap dacing.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Pembangkang ini Tuan Yang di-Pertua, dia tahu tapi dia buat-buat tak tahu. Bila diberi kuasa, dia pun salah guna kuasa, dia pilih orang-orang yang menyokong parti mereka sahaja. Saya lihat kalau kita tarik balik peraturan yang telah kita keluarkan, akan menjadi kelam kabut kerana pembangkang ini Tuan Yang di-Pertua, dah lihat dah, kalau pemimpin dalam Dewan pun tidak mengikut peraturan dan juga undang-undang, apatah lagi pemimpin di bawah. Ini saya ibaratkan seperti ...

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Tak jawab soalan.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Jawablah ni, jawablah ni nak beritahu bahawa ...  
*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, jangan menyampuk Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tak boleh pakai, tak boleh pakai.

**Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]:** Jawab soalanlah.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Peruntukan yang kita bagi dari Kerajaan Persekutuan, kita ada jentera kita sendiri. Di peringkat negeri, kita ada Jabatan Pembangunan Persekutuan, kemudian di peringkat jajahan kita ada pula ketua jajahan. Di bawah ketua jajahan pula, kita ada penyelia pembangunan jajahan. Jadi dah ada saluran kita. Oleh sebab duduk di persekutuan, maka kita mesti gunakan saluran-saluran yang kita lantik sendiri, kita tak perlu menggunakan jentera yang dilantik oleh kerajaan negeri. Terima kasih.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah saya nak ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri di atas usaha-usaha kementerian yang sentiasa membantu petani-petani melalui pelbagai peruntukan termasuklah baja subsidi ini.

Soalan tambahan saya, apakah terdapat elemen-elemen anak tiri terhadap kumpulan sasar ini seperti bayangan soalan asal dan tohmahan pihak pembangkang terhadap Kerajaan Barisan Nasional. Terima kasih.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, kita telah pun keluarkan arahan bahawa semua rakyat berhak mendapat baja tanpa mengira fahaman politik, jelas. Hanya yang kita minta supaya pengesahan penerima itu yang selama ini dibuat oleh JKK dan juga penggawa ataupun imam masjid yang dilantik oleh kerajaan negeri dan itu sahaja yang kita ubah. Kita telah pun memberi arahan bahawa sokongan mestilah berdasar kepada meritokrasi, tidak ada pilih kasih.

Di dalam pemilihan, kita juga ada Jawatankuasa Tapisan. Jika Jawatankuasa Tapisan tidak berpuas hati dengan permohonan yang disokong oleh JKKP ataupun JKK ini, maka Jawatankuasa Tapisan boleh melantik pula seorang lagi pemeriksa untuk turun ke bawah memastikan bahawa sokongan itu benar ataupun tidak. Terima kasih.

**3. Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah kerajaan untuk meningkatkan lagi hubungan dua hala terutamanya dalam bidang ekonomi di antara Malaysia dan negara-negara Asia Tengah seperti Uzbekistan dan Kyrgystan.

**Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia sentiasa menggalakkan program-program pertukaran lawatan dua hala di pelbagai peringkat sebagai inisiatif utama dalam meningkatkan hubungan Malaysia dengan negara-negara di rantau Asia Tengah. Pendekatan berkenaan sudah lama dilaksanakan semenjak Malaysia menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara tersebut iaitu sejak 70-an.

Melalui program tersebut, ia telah berupaya memperkukuhkan serta memperluaskan skop serta dimensi hubungan Malaysia dengan negara-negara berkenaan. Selain merintis jalan kepada kerjasama meluas dan produktif dalam banyak bidang penting seperti sains dan teknologi, pertanian khususnya bioteknologi, pembangunan modal insan, pelancongan serta ekonomi. Ianya juga turut membuka ruang kepada penyertaan meluas Petronas dalam

pembangunan sektor minyak dan gas di Uzbekistan dan Turkmenistan khususnya dan rantau Asia Tengah umumnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini penekanan akan dibuat bagi memperluaskan lagi program tersebut dengan melibatkan wartawan-wartawan dan tokoh-tokoh akademik serta badan-badan sosial dan badan bukan kerajaan yang bertujuan mengeratkan lagi persefahaman antara rakyat di negara ini dan negara-negara berkenaan. Pada masa yang sama, kemudahan-kemudahan latihan akan terus disediakan kepada penjawat-penjawat awam di negara-negara tersebut di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia.

Langkah-langkah berkenaan dapat meningkatkan lagi keupayaan dan kapasiti negara dalam membangunkan sepenuhnya potensi hubungan Malaysia dengan negara-negara berkenaan demi faedah bersama. Sekian.

**Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya, baru-baru ini saya dan beberapa Ahli Parlimen termasuk dari pembangkang telah menyertai Tuan Yang di-Pertua menyambut pelawaan dan melawat Uzbekistan dan Kyrgystan. Saya mendapati bahawa pemerintah negara tersebut kagum dengan imej baik negara kita di luar negara dan juga kejayaan ekonomi negara kita terutamanya dalam bidang industri halal, perbankan dan juga pelancongan. Negara-negara tersebut mempunyai potensi yang besar dan mahukan bantuan Malaysia untuk membangunkan negara mereka.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya khuatir bahawa penghormatan dan keyakinan mereka terhadap kita akan berubah sekiranya mereka jelik dengan tindakan biadab beberapa rakan pembangkang semalam yang jelas boleh menjejaskan imej baik antarabangsa negara kita. Soalan tambahan saya, apakah langkah proaktif yang diambil oleh kementerian untuk menjelaskan dan menangkis imej dan pandangan negatif mengenai negara kita yang mudah disiarkan di seluruh dunia melalui internet untuk menjamin imej negara kita terus baik di pandangan masyarakat dunia. Sekian, terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya hubungan dan kerjasama ekonomi Malaysia dengan negara-negara di rantau Asia Tengah keseluruhannya mencapai kemajuan memberangsangkan. Namun saya cukup setuju dengan tindakan beberapa pembangkang yang cuba menjejaskan imej negara kita di kalangan negara-negara di Asia Tengah ini. Ini cukup sedih dan sebenarnya ...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** *[Menyampuk]*

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Sebenarnya kalau kita lihat hubungan perdagangan antara kedua-dua negara ini memang cukup menguntungkan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya tak dengarlah, *you* setuju kah tidak setuju? *[Ketawa]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Keliru, keliru.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Saya sedih dengan tindakan beberapa pembangkang yang cuba menjejaskan hubungan antara kedua-dua negara ini.

**Seorang Ahli:** Itu bukan jawapan.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Sebenarnya kalau kita lihat hubungan antara dua negara ini memang kalau kita lihat seperti saya beritahu tadi iaitu cukup memberangsangkan. Di mana kalau kita lihat pada tahun 2008 dibandingkan dengan 2007, memang perdagangan kita meningkat lebih daripada 200%.

Di mana kalau kita lihat pada tahun 2007, ia hanya mencatatkan RM235 juta tetapi pada tahun 2008, ia meningkat kepada RM425 juta. Banyak inisiatif telah diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional khususnya melalui lawatan-lawatan yang telah dilakukan. Antaranya ialah lawatan Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah bersama-sama dengan... begitu juga dengan lawatan Tuan Yang di-Pertua untuk mengeratkan hubungan di antara kedua-dua negara ini. Jadi kita percaya dengan lawatan susulan seperti ini, hubungan kita akan lebih erat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat selain daripada itu Petronas juga dijemput oleh ketiga-tiga negara di Asia Tengah ini untuk melabur di negara mereka yang memang menguntungkan negara kita. Jadi saya minta supaya kita sama-sama mengeratkan lagi hubungan yang terjalin selama ini. Sekian.

#### ■1040

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya mengenai perhubungan bilateral. Adakah ia lebih berjurus kepada keadaan perhubungan ekonomi di antara Malaysia dan negara yang lain?.

Bagaimana dengan Myanmar? 20 tahun sejak tahun 1987, dengan izin *we are engaged in a constructive engagement*. Soalan saya dahulu jawapan dari Menteri adalah *constructive engagement*. Mengapa 20 tahun masih *constructive engagement* sedangkan Aung San Suu Kyi masih dipenjarakan, *house arrest* dan saya ingin tahu mengapakah Malaysia masih iktiraf Myanmar dan juga mengenai apa yang berlaku di Perak. Apakah bilateral *relation* dengan lain-lain negara.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini sudah jauh menyimpang. Ini pergi Kuala Pilah nampaknya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Soalan saya apakah taraf atau tahap bilateral *relation* di antara Malaysia dan Mongolia selepas kes Altantuya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia tidak faham-faham lah. Kena belajar dulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak payah jawab Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Sampai Bukit Putus. *[Menyampuk]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Jangan jawablah, jangan jawab. *[Menyampuk]*

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sri Lanka, Sri Lanka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, jika soalan tidak berkaitan tidak payah jawab Yang Berhormat.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Ya, ini memang tidak ada kena mengenalah..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Saya jemput Yang Berhormat Tuan Chong Chieng Jen.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Sri Lanka. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dah cukuplah Yang Berhormat.

**4. Tuan Chong Chieng [Bandar Kuching]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Bank Negara terhadap syarikat-syarikat insurans yang kini tidak lagi menerima "Third Party Insurance" untuk kenderaan lama dan memaksa semua pemilik-pemilik kenderaan itu agar membeli "First Party Insurance".

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Yang Berhormat Bandar Kuching bersekali dengan soalan-soalan yang berkaitan oleh Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Bagan Serai, kedua-duanya pada 15 Jun.

Memang terdapat kadangkala penanggung insurans yang menolak *Third Party Insurance* kerana risiko-risiko tertentu termasuk kenderaan yang lama, yang dianggap berisiko tinggi memandangkan pengalaman tuntutan yang tinggi bagi kategori kenderaan jenis ini. Walau bagaimana pun memandangkan insurans motor adalah diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan 1987 industri insurans am telah menubuhkan Malaysian Motor Insurance Pool (MMIP) yang bertindak sebagai penanggung insurans terakhir.

Sebagai penanggung insurans terakhir MMIP wajib menawarkan semua perlindungan insurans motor termasuk "*Third Party*" seperti mana yang diminta oleh pemilik kenderaan. Pemilik kereta boleh mendapatkan perlindungan insurans ini daripada MMIP melalui cawangan-cawangan dua penanggung insurans buat masa ini iaitu melalui Multi-Purpose Insurans Bhd. ataupun Uni.Asia General Insurance Berhad. Industri insurans sedang dalam proses mengkaji penambahan jumlah penanggung insurans yang menyediakan khidmat MMIP ini supaya ianya menjadi lebih meluas.

Bank Negara Malaysia tidak membenarkan penanggung insurans memaksa pemilik kenderaan untuk membeli perlindungan insurans yang tidak diinginkan oleh pemilik kenderaan sama ada perlindungan komprehensif mahu pun pihak ketiga. Pemilik kenderaan yang menghadapi masalah ini bolehlah berhubung terus dengan Bank Negara Malaysia khususnya hubungan

bersepadu Bank Negara seperti mana tertera dalam *websitenya* dan pihak bank akan membantu mereka ini untuk mendapat insurans yang dikehendaki daripada MMIP. Terima kasih.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya gembira bahawa atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Bank Negara tidak membenarkan apa-apa paksaan yang dikenakan oleh syarikat insurans atas pemilik kenderaan tetapi sekarang apa yang berlaku di seluruh negara adalah pemilik-pemilik kenderaan lama itu, mereka dipaksa, telah dipaksa untuk membeli sama ada *First Party Insurance* atau *Third Party Insurance* tetapi mereka diwajibkan, dipaksa oleh syarikat-syarikat insurans untuk membeli *personal accident* juga bersama-sama dengan *Third Party Insurance* di kalangan pemilik-pemilik kenderaan lama ini.

Sekarang mereka tidak dapat beli hanya beli itu *Third Party Insurance* sahaja untuk kereta lama mereka dan ini telah berlaku beberapa bulan sudah. Saya ingin tahu sekarang apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah ini tidak boleh dibenarkan. Akan tetapi soalan saya adalah ini sudah berlaku beberapa bulan dan apakah tindakan, soalan asal saya apakah tindakan dan langkah kerajaan akan ambil atau Bank Negara akan ambil atas syarikat-syarikat ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan dalam Dewan ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Awang Adek Hussin:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang jawapan yang telah saya berikan tadi bahawa sekiranya terdapat ketidakpuasan hati di kalangan pemilik kenderaan mereka boleh berhubung dengan Bank Negara. Itu untuk menangani masalah semasa yang mana belum berpuas hati.

Pada masa yang sama Bank Negara memang sedang dalam proses mengkaji sistem insurans motor ini kerana kita mempunyai satu sistem yang diwarisi sejak lama yang mana tidak ada negara-negara lain yang masih lagi mengamalkan sistem ini iaitu sistem yang berdasarkan kepada tarif dan tarif ini tidak diubah sejak dari tahun 1978. Jadi bermakna banyak negara-negara lain sudah berpindah kepada sistem yang tidak bergantung kepada tarif, bermakna tidak ada kawalan terhadap premium yang dikenakan, ianya dilandaskan kepada risiko yang berlaku. Saya ingin memberi contoh.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, ini di luar daripada soalan saya. Soalan saya apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah yang telah berlaku di negara kita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat cukup Yang Berhormat. Saya tidak izinkan macam ini Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Awang Adek Hussin:** Yang Berhormat, saya menjawab soalan, tunggulah. Tunggulah, tak faham kah? Tidak faham orang jawab soalan kah?

Langkah-langkahnya adalah langkah-langkah semasa, langkah jangka pendek dan langkah jangka masa panjang. Langkah jangka masa pendek kalau tidak dapat buat apa yang

dikehendaki hubungi Bank Negara. Pada masa yang sama industri insurans dikenakan, dikehendaki oleh pihak bank supaya mewujudkan satu *pool* insurans yang dinamakan MMIP yang mana masih lagi dapat diperolehi insurans pihak ketiga, *third party* masih lagi. Ini juga langkah-langkah yang dibuat dan langkah yang lebih panjang jangka masa untuk menyelesaikan masalah yang berpanjangan ini mestilah mengambil masa iaitu kita mesti mengubah sistem yang berdasarkan kepada tarif kepada sistem yang berdasarkan kepada risiko.

Saya hendak beri satu dua angka. Contoh ya, mana-mana sistem insurans mestilah berdasarkan prinsip, prinsip yang mana kerugian ini mesti ditampung dengan kenaikan premium. Dia mestilah *sustainable*, yang boleh berterusan. Itu yang berlaku dalam sistem insurans tetapi hari ini sistem insurans kita tidak membenarkan oleh kerana tarif yang ditetapkan sejak 1978 walaupun syarikat-syarikat insurans khususnya yang menawarkan insurans motor ini mengalami kerugian, dia tidak boleh menaikkan kadar premium.

Contoh ya Yang Berhormat. Jumlah semua insurans, *gross premium* yang dikutip oleh semua syarikat insurans daripada motor dan bukan motor, tahun 2008 RM10.9 bilion. Yang motor sahaja RM4.5 bilion tetapi bila ditolak dari segi *underwriting performance*, untungnya RM73 juta sahaja. Bayangkan daripada RM10 bilion premium yang dikutip. Dari segi *loss ratio* motor ini, Malaysia 80.9%, Thailand 60%, China 68%, Hong Kong 65%, Indonesia 70%, Korea 73% dan Taiwan 55%.

#### ■1050

Bermakna RM1 premium, 81 sen nya ialah atas tuntutan. Ini yang menyebabkan keadaan syarikat insurans, tidak berdaya maju hari ini, apakah tanggungjawab kita untuk membiarkan mereka ini gagal, atau kita mencari satu penyelesaian supaya syarikat insurans mampu berdaya tahan. Pada masa yang sama boleh memberi perkhidmatan yang baik kepada orang ramai, kepada pemilik kereta.

Jangan kita emosi Yang Berhormat, jangan nak itu, nak ini. Kita kena lihat masalah yang kita alami dan mengapakah negara-negara lain mempunyai *lost ratio* yang kecil berbanding dengan Malaysia. Pertamanya, kadar kemalangan di negara-negara ini adalah kecil berbanding dengan kadar kemalangan di Malaysia. Keduanya, negara-negara lain, apabila berlaku keadaan kerugian seperti ini, dia mampu menaikkan premium pada tahun yang berikutnya, supaya dia dapat menampung kerugian hasil daripada tuntutan.

Pada masa yang sama bagi penunggang atau pemandu kereta yang tidak mengalami masalah tuntutan ini, mereka masih dapat NCB, maksimumnya 55%. Jadi ini semua mesti diambil kira, inilah langkah-langkah yang dibuat oleh sebuah kerajaan yang bertanggungjawab. Bukan yang tidak bertanggungjawab, tak payahlah saya cakap panjang lagilah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Yang Berhormat, saya bersetuju dengan langkah-langkah

jangka pendek, jangka panjang yang diambil oleh kerajaan. Walau bagaimanapun saya ada keraguan, berapa banyak rakyat biasa dan pendapatan sederhana yang boleh berhubung dengan Bank Negara? saya wakil rakyat pun payah menghubungi, apa lagi rakyat biasa. Dalam sistem insurans yang kita ada, seolah-olah ada unsur-unsur paksaan, iaitu memaksa rakyat membeli *First Party Insurance*, sedangkan kereta dia sudah lapan tahun, 15 tahun.

Jadi apa langkah lebih drastik yang mungkin kita boleh ambil, membantu rakyat, bukan seperti andaian pembangkang yang mahu mencari *mileage* politik murahan. Kita mahu menyelesaikan masalah rakyat, 'rakyat didahulukan, pembangkang diketepikan.' Itu yang kita mahu... [Tepuk]

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Yang Berhormat masalahlah.

**Dato' Dr. Awang Adek Hussin:** Okey terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana soalan-soalan yang penuh bertanggjawab, yang diberikan oleh Kinabatangan. Jawapan cukup bertanggjawab Yang Berhormat, kecuali Yang Berhormat tak faham insuranslah, kalau tak faham insurans..., mungkinlah tak berapa faham.

Jadi memang saya akan memaklumkan atau meminta Bank Negara. Saya tak tahulah macam mana yang susah sangat nak hubungi Bank Negara ini. Jadi saya rasa mungkin Yang Berhormat boleh bantulah, kalau rakyat Yang Berhormat ada masalah, boleh bantu.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tulis surat tak ada jawab.

**Dato' Dr. Awang Adek Hussin:** Cuma saya nak bagi sedikit maklumat tambahan Yang Berhormat, iaitu berdasarkan kepada kadar *third party* yang ada terdapat hari ini di negara kita, berbanding dengan negara lain. *Third party* Malaysia ini, berdasarkan kereta 1.3 cc yang Malaysia, USD29 kadarnya, *Singapore*, USD299, Australia USD266, Malaysia sekali lagi USD29.

Jadi kita dapat melihat bahawa sistem yang ada pada negara kita hari ini, nampaknya tidak begitu selari dengan keadaan yang berlaku, terutama sekali dari segi kecurian kereta, *theft*. Setiap tahun syarikat insurans mengalami kerugian RM500 juta, berdasarkan kecurian semata-mata. Sebenarnya Bank Negara telah beberapa kali meminta supaya sistem ini diubah, tarif ini sekurang-kurangnya dikaji semula.

Akan tetapi oleh sebab rakyat kita yang memohon supaya jangan ada kenaikan kadar premium yang tinggi dan sebagainya, ada pemandu-pemandu kereta sewa yang membuat pelbagai *representation* dan sebagainya. Maka kerajaan masih lagi melihat dan mengkaji supaya tidak memberi beban kepada rakyat. Akan tetapi pada masa yang sama, ia menghasilkan satu sistem yang nampaknya tidak lagi dapat bertahan secara jangka panjang.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Tuan Yang di-Pertua, *third party insurance*, tidak melindungi kecurian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Polis tidak pandai tangkap pencuri, kita...

5. **Dato' Manan bin Ismail [Paya Besar]** minta Perdana Menteri menyatakan, memandangkan rancangan kerajaan membina pangsapuri bagi peneroka FELDA lebih menjimatkan daripada pembinaan rumah-rumah konvensional dan bagaimanakah pula kesan sosial yang akan dialami oleh masyarakat FELDA pangsapuri di masa akan datang.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Ahmad Maslan]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Paya Besar, bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat Lenggong, yang dijadualkan pada 23 Jun 2009, kerana kedua-duanya adalah saling berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Tuan Ahmad Maslan:** Terima kasih. Keadaan pembinaan rumah berkonsepkan pangsapuri berdasarkan kawasan kosong yang semakin berkurangan di tanah rancangan FELDA. Kos pembinaan rumah secara teres memerlukan keluasan yang besar, dan kos penyediaan prasarana yang tinggi. Usaha ini atas dasar untuk membantu rakyat, membantu generasi peneroka. Kerajaan menanggung subsidi prasarana di antara RM15 ribu hingga RM20 ribu seunit, untuk membina sistem perparitan, jalan raya, kemudahan asas, sistem perkumbahan dan lain-lain, tanpa ditanggung secara langsung atau tidak oleh pembeli rumah.

Justeru itu, kerajaan berpendapat adalah lebih menjimatkan dan memberi tidak kurang keselesaan kepada penghuni, jika premis kediaman merupakan jenis pangsapuri, walau di kawasan luar bandar. Beban prasarana yang ditanggung oleh kerajaan dijangka akan berkurangan, selain yang penting lebih ramai generasi baru boleh memiliki rumah. Untuk permulaan, kerajaan bercadang untuk membina konsep pangsapuri ini di Jengka 11, Pahang.

Mengenai kesan yang dialami berikutan pembinaan rumah jenis pangsapuri. Kerajaan akan menyediakan garis panduan kepada penghuni, tugas dan tanggungjawab yang perlu ditanggung oleh pembeli rumah berkenaan. Ini termasuklah *charge* kecil bulanan yang meliputi api, air, pengangkutan sampah, penyelenggaraan tempat letak kereta, padang, surau dan tempat guna sama yang lain.

Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita sentiasa mengkaji keperluan mengadakan lebih banyak projek perumahan untuk generasi FELDA di Tanah Rancangan. Projek ini bertujuan membantu generasi FELDA memiliki rumah sendiri yang selesa, berdasarkan harga yang rendah, sederhana atau mampu milik. Justeru itu, baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan enam lagi projek perumahan akan dilaksanakan iaitu di Jengka 11, Jengka 19, Chini Tiga, Triang Tiga, di Pahang, Neram 1, di Terengganu dan Ciku 5, di Kelantan. Kesemua projek ini membabitkan pembinaan sebanyak 1910 unit rumah. Sehingga kini FELDA telah siap melaksanakan empat projek perumahan dan satu lagi dalam pembinaan. Kesemuanya berjumlah 2119 unit rumah, dan daripada jumlah itu, sebanyak 830 unit rumah telah diduduki oleh generasi peneroka.

Kawasan tersebut ialah Bukit Goh, Lembah Hilir, Mempaga dan Keratong di Pahang, serta di Pasak, Kota Tinggi. Adalah diharapkan dengan pembinaan lebih banyak projek perumahan ini akan dapat membantu generasi FELDA, mentadbir rancangan dan mengurangkan penghijrahan ke bandar. FELDA akan terus melaksanakan projek perumahan di kawasan yang sesuai, bergantung kepada peruntukan dan dana yang diperolehi. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Paya Besar.

**Dato' Manan bin Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri, memandangkan kawasan-kawasan FELDA ini masih lagi banyak yang kosong kerana tidak *economic* untuk ditanam dengan kelapa sawit dan sebagainya. Adakah kerajaan bercadang untuk menambah peruntukan kepada FELDA, di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi, memandangkan permintaan bagi generasi baru FELDA terhadap kemudahan perumahan, di rancangan-rancangan yang semakin bertambah, terima kasih.

**Tuan Ahmad Maslan:** Terima kasih di atas soalan tambahan itu. Kawasan FELDA ini melibatkan 317 rancangan di seluruh negara. Kita ada 112635 keluarga peneroka, dengan jumlah generasi kedua dicampurkan berjumlah sekitar 1.2 juta orang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak RM190 juta telah diperuntukkan untuk membina perumahan generasi kedua oleh FELDA sendiri, dan alhamdulillah, kerajaan telah memberikan RM50 juta tambahan kepada tahun ini, dan RM50 juta tambahan untuk tahun hadapan, menjadikan jumlah peruntukkan yang diperuntukkan ialah RM290 juta. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Mas.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, banyak kali bangun baru dapat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Semua orang macam itu Yang Berhormat, ramai...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Yang Berhormat, saya nak tanya soalan Yang Berhormat. Soalan ini nampak *simple*, tapi pada saya penting sebagai ingatan.

■ 1100

Peneroka FELDA ini ia diibaratkan orang kampung yang belum lagi terdedah dengan pelbagai kemudahan termasuk penggunaan lif. Saya hendak tanya. Bila dibuat pangsapuri ini, berapa had tingkat jangkanya? Had tingkat. Sepuluh..., tujuh tingkat ataupun kalau empat tingkat selalunya tidak pakai lif? Namun kalau tinggi memakai lif, saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi perhatian bila melaksanakan pangsapuri ini, pastikan lif itu yang terbaik sebab di bandar-bandar ini pun banyak pangsapuri dan apartmen mudah sangat lifnya rosak.

Kalau di kawasan rancangan, apabila peneroka guna lif nanti, rosak dan terlekat dalam bilik lif itu, hendak cari mekanikal, macam-macam boleh berlaku. Jadi saya hendak ingatkan

apakah perkara ini diberikan perhatian dan bila pula Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak pergi menoreh getah? Sekian, terima kasih... *[Ketawa]*

**Tuan Ahmad Maslan:** Saya sudah menoreh getah, Ahli Yang Berhormat. Menoreh getah di Manek Urai, yang pembangkang tidak mampu hendak buat... *[Ketawa]*

Terima kasih atas ingatan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pasir Mas. Pangsapuri yang kita hendak laksanakan ini tidak mempunyai lif iaitu dipanggil istilahnya *walk up apartment*. Mungkin empat tingkat sebagaimana rumah-rumah guru yang ada di kawasan luar bandar sekarang ini. Kita lihat dibina secara pangsapuri dan ia telah dibina di pelbagai tempat. Itu adalah satu contoh yang kita hendak buat untuk generasi baru FELDA. Terima kasih.

**6. Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, kursus-kursus yang ditawarkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi setelah kementerian ini dibubarkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Mustapa Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, apabila Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dibubarkan pada 10 April lalu, fungsi kementerian dan agensi telah diserapkan oleh lapan buah kementerian yang lain. Tiga bahagian dan satu agensi di bawah MECD telah diserapkan ke Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri iaitu Bahagian Perancangan dan Penilaian, Bahagian Promosi dan Pemasaran, Institut Keusahawanan Negara atau INSKEN dan Bank SME. *SME Bank*.

Tuan Yang di-Pertua, INSKEN telah dilancarkan pada tahun 2006, bertanggungjawab melaksanakan program latihan dan bimbingan keusahawanan untuk meningkatkan dan mengukuhkan ilmu pengetahuan serta kemahiran para usahawan dan bakal usahawan. Pelaksanaan program INSKEN merangkumi pelbagai peringkat bermula di peringkat pembudayaan keusahawanan, asas keusahawanan, peningkatan dan pengembangan jaringan perniagaan. Apabila Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dibubarkan, beberapa urusan pemindahan perjawatan dan peruntukan kewangan terpaksa dilakukan. Ini mengambil masa beberapa minggu. Oleh yang demikian, beberapa kursus tidak dapat dijalankan. Walau bagaimanapun, INSKEN sekarang ini sudah pun mula berfungsi seperti biasa. Sebagai contoh, pada akhir April yang lalu, INSKEN telah menaja Seminar Gas dan *Petrol Chemical*, anjuran bersama PERDASAMA melibatkan peserta seramai 200 orang.

Dari tempoh Januari hingga Mei 2009, sebanyak 217 kursus telah diadakan. Daripada jumlah tersebut, 194 kursus di bawah Program Pemuliaan yang melibatkan 41,152 orang peserta manakala 23 kursus adalah kepada usahawan dan bakal usahawan melibatkan 169 orang peserta. Untuk tempoh seterusnya, sehingga Disember tahun ini, INSKEN merancang untuk mengendalikan 580 buah kursus. Daripada jumlah tersebut, 391 adalah di bawah Program Pemuliaan dan 199 adalah di bawah pengenalan dan peningkatan kepada usahawan. Ia dijangka melibatkan kira-kira 37,000 orang peserta semuanya. Saya ingin memaklumkan kepada Ahli-ahli

Yang Berhormat, selain daripada INSKEN, kementerian juga melaksanakan program latihan melalui Perbadanan Produktiviti Malaysia ataupun NPC dan sepanjang 2009, NPC dijangka melaksanakan 720 kursus semuanya sekali.

Selain itu, Perbadanan Industri Kecil dan Sederhana ataupun SMIDEC juga menjalankan pelbagai program kursus untuk usahawan. Saya ingin menegaskan di sini bahawa kursus dan latihan akan terus diperkasakan kerana ini adalah pendekatan yang penting untuk memastikan kejayaan usahawan-usahawan dalam negara kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli Yang Berhormat Parit Buntar.

**Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih. Saya ingin mengajukan soalan kepada kementerian tentang beberapa rasional. Kita tengok di bawah ada banyak rungutan kerana sudah sedia ada beberapa kursus yang disediakan untuk usahawan dan pembangunan. Namun apabila secara terkejut dibubarkan kementerian ini dan diserapkan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri. Maka, saya hanya membawa kekeliruan di peringkat peserta kursus di bawah yang masih lagi keliru di mana mereka akan pergi serta bagaimana mereka akan teruskan kursus itu.

Seterusnya, soalan tambahan saya ialah, apakah kementerian menganggap ataupun apakah dengan pembubaran ini akan menyebabkan fokus pembangunan usahawan secara kursus itu akan lari ataupun tersasar keluar setelah ia dibubarkan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mustapa Mohamed:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sedia maklum dalam jawapan tadi, beberapa minggu oleh kerana beberapa hal berkaitan pemindahan perjawatan dan peruntukan perlu kita laksanakan. Memanglah ada sedikit kekeliruan tetapi sekarang ini sudah tidak ada masalah. Sudah kembali seperti sedia kala dan sebarang masalah yang timbul masa tersebut sudah dapat diselesaikan. Mengenai bahagian kedua fokus, saya ingin memberi jaminan di sini. Walaupun Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dibubarkan, fokus tetap diberikan kepada latihan keusahawanan. Ini satu perkara yang penting khususnya dalam suasana ekonomi pada masa ini. Kita hendak galakkan lebih ramai lagi menjadi usahawan.

Oleh yang demikian, kita akan terus perkasakan program bermula daripada sekolah lagi. Sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti termasuklah kepada mereka-mereka yang sekarang ini menjadi usahawan. Jadi apa yang buat di kementerian, di MITI oleh kerana di MITI sudah pun ada beberapa program latihan keusahawanan di bawah Perbadanan Pembangunan Produktiviti Malaysia dan juga Perbadanan Industri Kecil Sederhana. Maka kita akan pastikan bahawa semua agensi ini akan menjalankan tanggungjawab latihan ini secara lebih bersepadu dan lebih berkesan. Dengan itu kita akan dapat memberi fokus yang lebih kepada perkara ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini terdapat banyak koperasi-koperasi yang kecil yang pengurusannya sangat lemah dan mereka juga tidak mampu

untuk melantik konsultan bagi menasihatkan mereka membuat pelaburan-pelaburan yang baik bagi mendapatkan keuntungan yang baik dalam koperasi. Bolehkah kerajaan melantik ataupun menyediakan pegawai-pegawai pakar dalam bidang penasihat pelaburan yang boleh menasihatkan koperasi untuk melabur dalam bidang-bidang tertentu dan seterusnya memantau koperasi tersebut khususnya dalam bidang pengurusan yang mereka amat lemah.

Adakah kemungkinan kerajaan menggabungkan koperasi-koperasi yang kecil ini supaya menjadi satu koperasi yang lebih besar?

**Dato' Mustapa Mohamed:** Seperti Yang Berhormat sedia maklum, soalan ini terkeluar daripada soalan asal. Secara umumnya saya boleh jawablah. Yang pertama berkaitan dengan penasihat pelaburan. Ini memang pentinglah. Memang benar terdapat beberapa ribu koperasi seluruh Malaysia dan ada di antaranya mungkin tidak berapa menjadi dari segi prestasinya. Memanglah perlu diberi bimbingan. Jadi kalau kita ada sesuatu agensi, perlu dipastikan ia berjaya. Maka, saya akan mencadangkan kepada kementerian berkenaan dua cadangan tadi.

Yang pertama berkaitan dengan pelantikan penasihat pelaburan supaya mereka dapat menjanakan keuntungan. Yang kedua, berkaitan dengan penggabungan. Oleh kerana memanglah banyak koperasi di Malaysia dan cadangan Yang Berhormat tadi ialah supaya digabungkan koperasi-koperasi berkenaan. Terima kasih.

**7. Datuk Juslie Ajirol [Libaran]** minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kerajaan melihat soal liberalisasi kewangan boleh membantu meningkatkan pembangunan kewangan dan ekonomi negara apatah lagi Malaysia dan dunia sekarang bergelut dengan kemelesetan ekonomi sejagat.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Libaran yang dijadualkan pada hari ini, bersama pertanyaan Ahli Yang Berhormat Tenom yang dijadualkan pada 23 Jun 2009, memandangkan kedua-dua pertanyaan tersebut menyentuh perkara yang hampir sama.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Baik.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, langkah liberalisasi sektor kewangan yang telah pun diumumkan pada 27 April 2009 adalah bertujuan untuk meningkatkan lagi peranan sektor kewangan sebagai pendorong dan pemangkin utama pertumbuhan ekonomi negara ini. Saya juga ingin memberitahu bahawa langkah-langkah yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ini memang ingin memperkukuhkan hubungan kait ekonomi Malaysia dengan negara luar.

Pakej liberalisasi ini meliputi sektor kewangan, konvensional, dan Islam. Usaha ini adalah sejajar dengan objektif yang disasarkan di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan ataupun *Financial Sector Master Plan* yang telah pun dikeluarkan pada tahun 2001 untuk membangunkan sektor kewangan yang berdaya tahan, pelbagai dan berkesan.

Sehingga kini lebih 90% daripada inisiatif *Financial Sector Master Plan* telah pun dilaksanakan atau pun sedang dalam pelaksanaan. Usaha ini adalah sebahagian daripada polisi liberalisasi di mana kerajaan telah pun mengumumkan pakej liberalisasi bagi sektor perkhidmatan dan juga bagi sektor pembuatan sebelum itu. Langkah liberalisasi sektor kewangan ini memberikan fleksibiliti aliran modal, pasaran dan tenaga kerja yang lebih baik kepada negara pengeluaran lesen kepada negara kita.

Pengeluaran lesen baru iaitu dua lesen perbankan Islam asing, tiga bank komersial bertaraf dunia, dua bank komersial asing, dan dua lesen pengendali takaful keluarga akan dapat meningkatkan lagi pengaliran masuk modal dalam sistem kewangan. Memperbanyakkan lagi tenaga pakar terutamanya dalam perbankan Islam serta mewujudkan pasaran baru yang lebih luas. Kelonggaran pemilikan ekuiti asing dalam institusi perbankan pula mampu menjadikan sistem kewangan negara lebih kompetitif dan lebih berdaya tahan.

Selain itu, fleksibiliti operasi dalam bentuk menambah bilangan rangkaian cawangan yang diberikan kepada institusi kewangan asing akan menggalak akses yang lebih meluas dan berupaya meningkat peranan dan penglibatan mereka dalam kegiatan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan liberalisasi dalam sektor perbankan di bawah PMSP sejak tahun 2001 telah pun menunjukkan hasil yang menggalakkan. Bank tempatan kini lebih berdaya tahan dengan tadbir urus korporat yang lebih teguh, struktur dalaman yang tetap, amalan pengurusan risiko yang terbaik dan sumber pendapatan yang pelbagai.

Kekuatan ini jelas terbukti apabila bank tempatan tidak terjejas walaupun dalam persekitaran sistem kewangan dan perbankan global kini sedang mengalami krisis. Kapasiti yang lebih kukuh juga telah membolehkan bank domestik meneroka ke luar negara dan meraih manfaat daripada peluang-peluang perniagaan baru. Sebagai contoh, bank tempatan telah pun diberi peluang untuk meneroka pasaran perbankan seperti di negara China, Indonesia, Cambodia, Vietnam dan lain-lain lagi.

Institusi kewangan kini telah bersedia untuk bersaing dalam persekitaran yang lebih liberal dan mencabar. Sektor perkhidmatan kewangan telah mencapai pembangunan yang melangkaui peranannya sebagai pembantu penjana pertumbuhan kepada satu sektor pertumbuhan yang dapat mewujudkan perniagaan nilai ditambah, menarik pelaburan dan membuka peluang pekerjaan.

Sejak beberapa tahun yang lalu, sumbangan sektor kewangan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah pun meningkat daripada 9% pada tahun 2000 kepada 11% pada

tahun 2008. Khususnya dalam tiga tahun kebelakangan ini, sektor kewangan dan insurans berkembang sebanyak 8.8% setahun mengatasi pertumbuhan KDNK sebenarnya.

Pertumbuhan sektor perbankan Islam dan takaful berpurata sekitar 20% dalam lima tahun kebelakangan ini. Walaupun kemajuan yang nyata telah dicapai oleh sektor kewangan, landskap kewangan domestik dan global telah berkembang lantas mewujudkan cabaran dan lain-lain peluang baru bagi sistem kewangan dan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Dengan langkah liberalisasi serta fokus yang diberikan oleh kerajaan terhadap sektor perkhidmatan sebagai pemacu pertumbuhan, sektor kewangan akan dapat menyumbang lebih tinggi dalam pertumbuhan ekonomi negara. Sekian, terima kasih.

**Datuk Juslie Ajirol [Libaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan. Kalau disentuh soal liberalisasi ini, ia bermaksud satu pasaran terbuka. Cuma yang kita takuti ialah sejauh mana sebenarnya kita boleh menerima *open market* dengan izin, dengan keadaan yang realiti sekarang ini di mana kebanyakan negara di dunia menunjukkan penurunan aras negatif dalam FDI.

Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan melihat secara serius mengenai hubungan kita dengan negara China? Di mana aspek pembangunan kewangan domestik mereka adalah lebih kukuh dan tidak perlu bergantung kepada tarikan modal luar negara. Jadi, apakah Bank Negara mempunyai peranan di dalam mengawal liberalisasi kewangan ini? Minta penjelasan, terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Libaran. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, mengikut Pelan Induk Sektor Kewangan yang dilancarkan pada tahun 2001, kerajaan kita amat berhati-hati. Kalau kita hendak membuka pasaran kita khususnya pasaran sektor kewangan, pasaran sektor perkhidmatan ke negara asing, maka kita harus bersedia sebelum kita membuat persiapan sebelum ini.

Melalui langkah-langkah di bawah Pelan Induk Sektor Kewangan yang lebih kurang sudah hampir 10 tahun ini, kita dapat membantu supaya sektor-sektor perkhidmatan, sektor-sektor kewangan seperti sistem perbankan kita begitu kukuh sekali. Pada mulanya, kita dapat melihat pelan induk itu dilancarkan sejak tahun 2001 sampai hari ini, sekarang kita dapat melihat pada puratanya saiz aset sistem perbankan kita. Maksudnya, aset kepunyaan semua bank-bank telah pun melebihi RM91.6 bilion.

Selain daripada itu juga, sumbangan dari sistem perbankan kepada negara kita itu begitu baik sekali dari segi prestasinya. Maka, kita tidak takut lah, kita tidak bimbanglah bahawa apabila pihak asing masuk ke pasaran kita maka segala institusi kewangan, institusi sektor dalam sektor perkhidmatan akan terjejas. Selain daripada itu, hubungan dua hala di antara Malaysia dengan negara China adalah begitu baik sekali sejak kita mula mempunyai hubungan dua hala 35 tahun yang lepas ini. Semasa 35 tahun ini, kedua-dua kerajaan di dua-dua negara ini telah mempunyai

hubungan yang baik dan kita sentiasa saling bantu-membantu sebab negara China merupakan sebuah negara yang besar, mempunyai penduduk yang begitu ramai sekali.

Maka, apa yang kita perlu eksport dekat negara China telah pun disokong oleh Kerajaan China sendiri. Negara kita pun sudah mula menggalak supaya bank-bank kita masuk dekat negara China dan pada masa yang sama juga, kita juga menggalak supaya bank-bank dari negara China masuk dekat sini supaya dapat membuka lagi pasaran yang lebih luas bukan sahaja kepada peniaga di negara China bahkan pada rakyat Malaysia yang ingin mempunyai pelaburan di negara China. Sekian, terima kasih.

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tekun mendengar jawapan Menteri berkenaan soalan asal, impak liberalisasi kewangan ke atas pembangunan kewangan. Itu banyak dijelaskan tetapi satu yang hilang di situ adalah impaknya kepada pembangunan ekonomi negara.

Soalan saya ialah apabila kita meneliti semua petunjuk ekonomi negara yang sihat, nampaknya semua petunjuk itu tidak memihak kepada kita Yang Berhormat Timbalan Menteri. Contohnya, eksport, saya tengok data Jabatan Perangkaan ini menggerunkan. Kalau boleh saya petik, jumlah eksport Januari, Disember 2008 ialah 663 bilion, hari ini cuma 162 bilion.

Kalau sektor barangan elektrik dan elektronik itu lebih parah menjunamnya. Itu baru petunjuk eksport belum lagi kadar kehilangan kerja dan kadar pengangguran. Belum lagi soal *falling and tumbling*, (GDP) dengan izin, belum lagi soal defisit. Saya fikir yang hilang daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi adalah kesan liberalisasi kewangan ini ke atas ekonomi Malaysia seluruhnya. Bolehkah dijelaskan lagi kesan liberalisasi itu di atas ekonomi yang memberikan kesan kepada rakyat terbanyak?

■1120

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat Machang. Saya percaya Yang Berhormat Machang pun sedar bahawa seluruh dunia ini sedang mengalami kegawatan ekonomi dan kegawatan ini bukan satu masalah yang agak senang ditangani buat masa ini dan Malaysia sebagai sebuah negara di dunia ini yang begitu aktif dalam perdagangan. Mengikut *report* atau laporan satu institusi antarabangsa, Malaysia pada tahun 2008 merupakan sebuah negara yang mempunyai tangga ke-18 aktif dalam perdagangan di seluruh dunia.

Maksudnya, jika sesebuah negara yang bergantung besar pada eksport adalah sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang baik dan jika berlakunya krisis ekonomi dunia, bukan di rantau Asia tetapi di seluruh dunia ini, maka eksport kita tidak payah kita jelas banyak pun akan terjejaslah dan Malaysia ini tidak dikecualikan. Kita pada setiap tahun mempunyai eksport yang begitu banyak sekali, yang lebih teruk pada kita lagi adalah Singapura di mana ekonomi mereka ini adalah *export driven economy* dan Malaysia pula adalah *export driven* juga tetapi bukan macam Singapura. Kita masih boleh bertahan walaupun pada Januari hingga bulan Jun eksport kita memang terjunam. Itu adalah satu perkara yang kita tidak dapat elak.

So kita juga harap dengan kerjasama semua kerajaan di seluruh dunia ini, kerajaan dari negara-negara besar, maju termasuk juga negara-negara di rantau Asia, kita bersama-sama dengan secepat mungkin melalui langkah-langkah fiskal, langkah-langkah *monetary* kita dapat memulihkan balik ekonomi dunia dan saya percaya eksport kita akan naik balik. Dengan liberalisasi sektor kewangan ini, mungkin adalah satu strategi dan *timing* yang cukup baik. Bila ekonomi dunia dia pulih balik, maka pada masa itulah pihak-pihak asing yang mewakili sistem perbankan asing dapat masuk di Malaysia membawa masuk modal yang lebih banyak dan ekonomi kita akan mempunyai impak yang positif. Itu tidak payah kita sebut. Kita semua pun tahu. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**8. Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah sebabnya pengusaha-pengusaha Melayu Islam masih ketinggalan dalam melahirkan produk halal dan apakah usaha kementerian dalam mengatasinya juga apakah peranan HDC di sini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Jamil Khir bin Baharom]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan daripada Yang Berhormat Titiwangsa. Secara umumnya, boleh dikatakan kenyataan pengusaha-pengusaha Melayu Islam di bidang pengeluaran terutamanya berasaskan makanan dan minuman serta produk dandanan diri telah menampakkan peningkatan. Namun bagi pengeluaran sijil halal, ianya adalah satu hal yang berbeza dan masih memerlukan kepada pendedahan serta ruang waktu. Antara sebab mengapa pengusaha-pengusaha Melayu Islam masih ketinggalan dalam mengeluarkan produk halal melalui pengamatan dan pemerhatian pihak HDC adalah seperti berikut:

- (i) kebanyakan pengeluar-pengeluar produk yang sememangnya halal namun tidak mempunyai logo Halal Malaysia memandangkan mereka tidak memohon untuk mendapatkan persijilan Halal Malaysia walaupun yuran pembayarannya adalah amat rendah di mana bagi industri kecil, yurannya adalah sebanyak RM100 setahun dan industri sederhana ialah RM400 setahun dan syarikat *multinational* RM700 setahun; Adalah menjadi tanggungjawab pengeluar-pengeluar memenuhi standard yang diperlukan untuk persijilan halal dan seterusnya memenuhi standard antarabangsa untuk pasaran eksport. Dalam erti kata lain, barangan halal disertai cara penyediaan yang mematuhi prosedur kebersihan dan pengawalan kualiti akan diberikan sijil halal seperti mana yang dipohon.
- (ii) kurang kesefahaman mengenai kaedah pemasaran antarabangsa;
- (iii) tidak mampu memenuhi permintaan dari segi kapasiti pengeluaran;
- (iv) kurang tumpuan kepada pendidikan dan pembangunan produk;
- (v) kekurangan bahan mentah tempatan; dan

(vi) rangkaian perniagaan yang kurang berkesan.

Bagi mengatasi atau menangani masalah-masalah tersebut, beberapa langkah dan inisiatif telah dilaksanakan. Di antaranya termasuklah:

- (i) menyediakan program latihan intensif halal yang komprehensif iaitu Latihan Kesedaran Halal, Latihan Industri Halal dan Latihan Profesional Halal untuk usahawan EKS;
- (ii) dari semasa ke semasa HDC sentiasa bekerjasama dengan semua agensi kerajaan yang terlibat dalam pembangunan industri halal termasuk MARA, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana ke arah melahirkan usahawan Islam dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengusaha-pengusaha Melayu Islam;
- (iii) seminar-seminar berkaitan industri halal juga sentiasa dikendalikan oleh HDC dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan bagi menyampaikan cara-cara untuk membangunkan kapasiti pengeluaran usahawan tempatan serta meningkatkan pengeluaran produk halal yang berkualiti;
- (iv) meningkatkan kesedaran mengenai halal dan kepentingan persijilan halal untuk tujuan meluaskan pemasaran dan sebagai pilihan utama pengguna;
- (v) menyediakan bantuan seperti geran kemudahan kewangan dan insentif cukai kepada usahawan-usahawan produk halal;
- (vi) mempromosikan produk-produk halal Malaysia melalui ekspo dan pameran antarabangsa; dan
- (vii) mewujudkan rangkaian perniagaan bagi produk-produk halal tempatan ke arah membangunkan daya saing yang seimbang di kalangan pengusaha produk-produk tempatan.

Sekian.

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Kita semua difahamkan bahawa HDC telah mewujudkan Global Halal Support Centre untuk memposisikan Malaysia sebagai pemain yang aktif dalam industri halal global. Namun begitu, dalam negara kita sendiri terbukti pengusaha-pengusaha Melayu Islam masih tidak mampu bersaing. Bukan sahaja ketinggalan dalam pengeluaran produk, juga ketinggalan untuk memastikan produk-produk itu mendapat tempat dalam pasar raya-pasar raya besar. Saya dapat kenyataan ini daripada Yang Berhormat Menteri sebelum ini iaitu di mana hanya lebih kurang, kurang daripada 30% pengeluar-pengeluar produk halal ini di kalangan pengusaha Melayu Islam. Jadi adakah kerajaan bercadang untuk mengambil langkah-langkah yang tegas atau *affirmative action* untuk memastikan bilangan tertentu pengusaha produk halal ini, macam dalam satu bulan sepuluh orang, sepuluh

pengusaha atau 20 pengusaha, diberi kelayakan halal dan seterusnya mendapat tempat dalam pasar raya-pasar raya tempatan atau pun adakah kerajaan bercadang mewujudkan satu bentuk konsortium pengusaha-pengusaha produk halal kecil dan sederhana bagi memastikan mereka mampu bersaing dalam negeri dan juga dalam industri halal global. Terima kasih.

**Dato' Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada perkembangan yang ada, ada dua perkara yang perlu saya jawab daripada Yang Berhormat Titiwangsa iaitu:

Yang pertamanya adalah pengeluaran sijil halal adalah satu hal yang berbeza daripada pemasaran di pusat-pusat pemasaran atau pun di pasar raya-pasar raya besar sebagaimana Yang Berhormat timbulkan. Walau bagaimanapun, kita melihat pendekatan yang diambil oleh pihak kerajaan ialah dengan kita memberikan persijilan halal ini kepada mereka supaya mereka mampu untuk membangunkan satu produk yang diyakini oleh masyarakat apatah lagi dalam keadaan pengguna-pengguna Malaysia yang ada pada hari ini mereka mencari produk-produk yang berasaskan kepada produk yang mempunyai persijilan halal.

Maka dengan kekuatan persijilan yang mereka miliki ini, pasaran-pasaran mereka akan meluas secara sendirinya kerana terbina di atas kekuatan sijil halal yang mereka miliki dan produk-produk halal yang menyentuh soal halal dan kebersihan barangan. Selain daripada itu juga, kepada persoalan yang disebutkan tentang soal pemasaran terutamanya di pasar raya-pasar raya besar, pihak HDC dan juga pihak kerajaan telah juga mengambil pendekatan-pendekatan melalui promosi-promosi yang diadakan termasuk mempertingkatkan kualiti barangan supaya dengan kualiti barangan yang dibangunkan ini akan memberikan kekuatan untuk pasaran mereka itu dapat menembusi pasar raya-pasar raya.

■1130

Kerajaan mendapati bahawa selain daripada soal barangan yang terkawal dan sebagainya, kekuatan kualiti juga mengambil tempat yang begitu besar dalam memasarkan barangan terutama di pasar raya-pasar raya besar dan dari semasa ke semasa, pihak HDC dan juga pihak kerajaan berusaha untuk mempertingkatkan ke arah pemasaran ini dapat dijayakan di pasar raya besar kepada pemain-pemain atau pengeluar-pengeluar produk yang diberikan dengan pensijilan halal. Terima kasih.

**Dato' Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Soalan tambahan saya, dari segi Islam konsep halal ini bukan sekadar makanan itu halal, lembu halal sebagainya tetapi sekarang ini ada lembu yang dicuri. Sebab itulah kita melihat halal itu dari segi makanan itu sendiri hasilnya, sumbernya dan juga dari segi kebersihan. Jadi saya dari segi mungkin pengeluar-pengeluar Islam Melayu mungkin tidak masalah sangat, kita biasa dalam konteks negara kita biasanya memang halal, insya-Allah halal apatah lagi dengan sijil-sijil halal ini.

Akan tetapi saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah yang dibuat oleh kerajaan dan kementerian supaya konsep halal dalam konteks Islam ini dapat kita

perluas kan supaya pengeluar-pengeluar ataupun pengusaha-pengusaha yang bukan Islam juga yang mengeluarkan barang-barang tadi yang kita anggap dapat sijil halal memenuhi kriteria ataupun kehendak-kehendak yang kita senaraikan dalam pandangan Islam itu sendiri. Apakah usaha yang dibuat? Terima kasih.

**Dato' Jamil Khir bin Baharom:** Terima kasih Yang Berhormat Maran. Saya suka menjelaskan bahawa dalam memenuhi kriteria permohonan persijilan halal yang dikeluarkan oleh HDC dan juga oleh majlis-majlis agama Islam negeri, ianya bukan hanya terletak dan bergantung sepenuhnya kepada barangan yang bersifat halal semata-mata, bahkan ianya termasuk dalam konteks penyediaan makanan, kebersihan dan juga bagaimana barangan itu diuruskan, maka ianya termasuk di dalam perkiraan di dalam mengeluarkan persijilan halal. Maka sebab itu saya katakan tadi bahawa dalam menentukan barangan-barangan ataupun produk-produk halal ini yang merangkumi semua produk-produk dan termasuk kepada premis-premis makanan, ianya amatlah bergantung bukan hanya kepada barangan tetapi termasuk penyediaan-penyediaan kebersihan.

Untuk makluman Yang Berhormat Maran bahawa dalam pensijilan halal bukan hanya sekadar pemohon-pemohon daripada yang ada dalam negeri semata-mata bahkan kita mendapati ada terdapat 13 permohonan produk daripada *international*, dengan izin dari peringkat antarabangsa telah memohon dengan pihak HDC untuk diberikan pensijilan halal. Mereka ini melihat daripada perkembangan ataupun daripada produk yang mempunyai nilai pensijilan halal in mendapat tempat dari dalam masyarakat. Maka sebab itu pihak peringkat *international* juga memohon. Jadi dalam konteks sekarang ini terutama kepada negara-negara Islam di luar dari negara Malaysia, mereka juga mengamalkan amalan-amalan untuk mendapat sijil halal ini dan ianya sedang berkembang luas di peringkat negara dan kita dari masa ke semasa mendapat permohonan-permohonan daripada luar negara untuk persijilan halal ini. Terima kasih.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT****RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA 2009****Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi kewujudan berterusan Bank Negara Malaysia dan bagi pentadbiran, matlamat, fungsi dan kuasa bank, dan bagi perkara berbangkit atau bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Dr. Awang Adek Hussin]; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG LATIHAN KHIDMAT NEGARA (PINDAAN) 2008****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguh atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[15 Jun 2009]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Dijemput Yang Berhormat Kota Melaka untuk menyambung perbahasan.

**11.35 pg.**

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, pada petang semalam semasa saya ambil bahagian perbahasan undang-undang ini, saya ada sentuh tentang iaitu untuk kali ini, untuk tahun ini peserta diminta buka akaun dengan Agrobank sahaja. Saya juga kemukakan beberapa masalah iaitu terutama tentang di bandar raya utama, kita dapat mungkin satu dua cawangan sahaja Agrobank sebab ini sudah menjadi kesulitan kepada ibu bapa dan peserta kerana terpaksa menunggu berjam-jam untuk membuka akaun mereka.

Dalam perbahasan pada sidang yang dulu, saya juga dapat jawapan daripada kementerian yang katakan kerana lain-lain bank komersial yang tidak berminat untuk mengusahakan proses ini kerana mereka tidak mampu menampung kos *dormant account* iaitu kerana peserta selepas mereka habis latihan, mereka mungkin tidak menggunakan akaun Agrobank lagi atau akaun bank komersial tadi. Saya memang setuju dengan jika *dormant account* ini jadi satu alasan yang utama atau sebab utama tetapi pada masa kini pemuda dan pemudi kita jika umur 18 tahun, ramai di antara mereka memang sudah ada akaun simpanan

mereka. Jika mereka dibenarkan gunakan akaun mereka sendiri, maka masalah *dormant account* ini tidak akan wujud atau tidak akan menjadi teruk.

Sebab itu saya anggap bahawa satu *optional* atau satu pilihan perlu diberikan kepada peserta dan saya harap pihak kementerian mengambil perhatian tentang perkara ini dan dapat benarkan peserta-peserta, *intake* yang akan mendatang supaya mereka dapat membuat pilihan sendiri, adakah buka akaun dengan Agrobank atau menggunakan akaun mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya tentang syarat-syarat pengecualian penyertaan PLKN. Adakah selain dari melanjutkan pendidikan atau kerana kesihatan atau sakit tertentu, adakah lain-lain sebab boleh dikecualikan untuk penyertaan? Adakah satu jawatankuasa telah ditubuhkan di kementerian untuk mengkaji atau meluluskan permohonan-permohonan untuk dikecualikan penyertaan PLKN.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi menegaskan keselamatan dan kesihatan peserta tidak boleh di kompromi.

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** *[Bangun]*

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Ya sila.

**Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka. Saya tertarik apabila Yang Berhormat Kota Melaka menyebut tentang pengecualian memasuki PLKN ini kerana pada minggu lepas dua hari yang lepas, saya berada di klinik dan ada seorang ibu yang datang mengadu kepada saya tentang anaknya berat 120kg, nak berjalan pun tidak seberapa boleh sebab terlalu berat. *Then* dia kata pergi ke pusat kesihatan kerajaan, doktor tidak membenarkan pengecualian, maknanya mesti pergi juga. Dia minta saya tolong, saya kata memang dalam peruntukan dari kerajaan bahawasanya pemeriksaan kesihatan hanya dijalankan oleh klinik-klinik kerajaan.

Jadi saya ingin Yang Berhormat Kota Melaka masukkan soalan ini juga kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, apakah ada alternatif lain untuk mereka ini mendapat pengecualian jika sekiranya benda ini memang sudah nampak sah dan dia tidak berupaya untuk menghadiri latihan PLKN ini. Terima kasih Yang Berhormat Kota Melaka.

■1140

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Pendang. Memang saya setuju masukkan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam ucapan saya. Sebab ada juga kes yang anak mereka terpaksa bekerja dan menjaga ibu bapa yang sakit teruk. Jagaan harian, tiap-tiap hari selama beberapa jam perlu diberikan untuk jaga ibu bapa mereka. Akan tetapi jika mereka tidak diberikan pengecualian ini, susah mereka hendak meneruskan kehidupan. Sebab itu mungkin salah satu sebab mengapa ada peserta tidak ingin hendak meneruskan dengan PLKN ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan keselamatan dan kesihatan peserta tidak boleh dikompromi. Maka saya mengalu-alukan pihak PLKN supaya mengkaji semula tentang skim

insurans untuk peserta. Dewan sedia maklum bahawa jangkitan beberapa jenis virus hanya boleh dikesan hanya berapa hari, atau berapa minggu selepas itu. Kita tidak boleh nafikan bahawa dalam kem latihan yang terbuka, peluang untuk dijangkiti virus ini adalah lebih besar jika dibandingkan dengan taman kediaman atau di kawasan bandar.

Seperti contoh peserta program di Kem Asahan Melaka, Ricky Lim yang meninggal dunia sembilan hari selepas beliau pulang dari kem pada tahun yang lepas. Dalam laporan bedah siasat atau *post mortem report*, sebab kematian adalah *myocarditis* bermakna menjangkit virus sehingga kegagalan fungsi jantung. Saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini dan juga kepada kementerian, selepas peserta Ricky Lim balik dari kem latihan, beliau hanya tinggal di rumah pangsa Tanjung Lereh Melaka dan tidak ke mana-mana. Beliau juga tidak sakit atau dirawat oleh doktor pada masa beliau balik ke rumah. Dan Ricky Lim ini, tubuh badan dan juga kesihatannya memang baik dan dia seorang ahli sukan juga.

Akan tetapi malangnya semasa beliau berada di dalam Kem Asahan Melaka, dalam masa yang singkat beliau terpaksa dirawat oleh kem doktor sebanyak lapan kali. Saya berpendapat bahawa peluang dijangkiti oleh virus itu memang lebih besar dari kem latihan tersebut. Kem Asahan yang bersebelahan dengan satu ladang ternakan ayam yang besar dan juga terdapat empat buah lagi ladang penternakan ayam berhampiran dengannya. Bolehkah Dewan yang mulia ini dibekalkan dengan laporan dari NIOSH atau atas Kem Asahan ini, juga apakah keputusan tuntutan insurans oleh ibu bapa mendiang Ricky Lim.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa, dalam jawapan diberi oleh kementerian dalam Dewan yang mulia ini, insurans *coveragenya* hanya sampai 72 jam selepas peserta keluar dari kem atau habis latihan mereka. Saya juga baca dalam *paper* bahawa kementerian ingin kaji tentang *coverage* dia, iaitu berapa jam atau berapa hari selepas peserta habiskan latihan mereka. Saya juga diberitahu semasa tahun 2004 semasa PLKN ini baru diperkenalkan ada laporan katakan insurans *coverage* ini sampai satu bulan selepas peserta sudah keluar dari kem. Sebab itu saya ingin dapat penjelasan dari kementerian tentang syarat-syarat yang akan dikaji semula dan juga dia punya tempoh masa untuk insurans *coverage* ini.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini amat tidak wajar jika kita mewujudkan lebih kem dan bertambah lebih peserta. Saya berpendapat usaha-usaha dan tindakan-tindakan untuk memastikan PLKN pada masa kini boleh mencapai *zero death* atau kematian sifar lebih penting untuk meyakinkan rakyat Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ledang.

**11.44 pg.**

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini terutamanya dalam meluluskan Rang Undang-

undang Latihan Khidmat Negara (Pindaan) 2008 dan saya memerhati semalam ramai rakan-rakan yang mengambil bahagian. Umumnya menjurus kepada bersetuju untuk pindaan rang undang-undang ini yang lebih ke arah menghukum peserta yang gagal hadir.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini yang saya kira lebih kurang hampir setengah juta peserta yang telah pun mengikuti kursus PLKN dan ramai juga yang tercicir, yang tidak dapat turut serta dan ramai juga merayu supaya mereka yang tercicir ini dapat turut serta mengambil bahagian di dalam program PLKN. Ini menunjukkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa program PLKN ini amat diminati ramai. Ramai yang suka untuk turut serta di dalam program PLKN kerana mereka telah pun melihat impak yang besar, kesan yang mendalam terutamanya dari segi nilai tambah kepada peserta-peserta yang telah pun menyertai program PLKN.

Kalau kita tanya kepada ibu dan bapa di seluruh negara di mana anak-anak mereka telah pun menyertai program PLKN, ibu bapa sendiri kagum dengan anak-anak mereka yang telah berjaya melepasi program PLKN ini.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Dan saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri yang telah pun berpengalaman ada seorang anak. Sekejap lagi Yang Berhormat Batu Gajah. Anak saya sendiri pun saya akui saya adil dalam bab ini, anak saya ada satu nilai tambah yang saya dulu tidak terfikir setelah mereka melepasi program PLKN. Sila, Yang Berhormat Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Ledang. Yang Berhormat nampaknya sesuara dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara, pegawai Jabatan Khidmat Negara, Pengerusi Majlis Latihan Khidmat Negara, di mana menyatakan sambutan baik, menyatakan amat diminati, Yang Berhormat juga kata ibu bapa kagum dengan program PLKN. Apakah Yang Berhormat akan mencadangkan kepada kerajaan untuk meminda akta ini agar menjadikan ia tidak diwajibkan ke atas generasi muda kita. Biar ia jadi bebas, *volunteer*, sukarela memandangkan Yang Berhormat melafazkan, meluahkan bahawa orang ramai dan ibu bapa begitu yakin dengan program ini. Apakah Yang Berhormat akan membuat cadangan yang sedemikian untuk menyokong kenyataan Yang Berhormat tadi bahawa kononnya ramai kagum, yakin dan meminati dengan PLKN ini.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Batu Gajah, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebutkan tadi sejak ditubuhkan, sejak program ini berjalan bermula daripada tahun 2004, umumnya program ini telah mendapat sambutan dan kesan atau impak yang baik, yang tinggi daripada masyarakat. Ini tidak boleh dinafikan. Saya tidak menafikan kecuali adalah beberapa insiden atau pandangan daripada beberapa kerat manusia, penduduk Malaysia yang tidak setuju ataupun mungkin secara kebetulan anaknya kemalangan dan kesan trauma keluarga berkenaan yang tidak setuju dengan program PLKN. Itu saya tidak nafikan Tuan Yang di-Pertua.

Akan tetapi saya bercakap tadi soal keseluruhan, umum. Sekiranya, oleh kerana ini masih di peringkat proses, walaupun mungkin panjang program berjalan dengan lancar dan tidak mustahil suatu masa nanti kalau hendak menyambut saranan daripada Yang Berhormat Batu Gajah yang meminta saya mencadangkan, tidak mustahil, saya yakin suatu masa nanti seluruh rakyat Malaysia memikirkan bahawa program ini penting demi masa depan negara, demi masa depan generasi muda. Kalau itu pandangan dan insya-Allah telah diterima pakai, telah diterima baik oleh seluruh rakyat Malaysia, tidak mustahil kalau suatu masa nanti tidak diwajibkan. Tidak mustahil. Macam makan, makan nasi tidak perlu diwajibkan. Akan tetapi orang perlu makan, tidak mustahil Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sekadarkan saya...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan Yang Berhormat Ledang.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** *[Ketawa]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan. Yang Berhormat Ledang nampaknya tidak berdiri dengan tegas atas pendirian Yang Berhormat. Tadi dalam ucapan mukadimah Yang Berhormat kata bahawa orang ramai di seluruh negara kagum, amat meminati, tetapi sekarang Yang Berhormat nampaknya telah bergoyang.

**Seorang Ahli:** *[Ketawa]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Apabila saya meminta Yang Berhormat untuk cadangkan agar kerajaan jangan memaksa atau menjadikan ia wajib ke atas generasi muda kita ini.

■1150

Yang Berhormat mestilah berdiri dengan tegas pendirian apa yang telah diucap. Mengapa sedemikian Yang Berhormat telah bergoyang?

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Saya tak perasan saya goyang atau tidak goyang. *[Ketawa]* Namun Tuan Yang di-Pertua saya dengan pandangan saya. Saya kata tidak mustahil. Tidak mustahil kita ke arah di mana rakyat Malaysia memerlukan program PLKN dan sekiranya tahap itu sampai dan tidak mustahil satu masa nanti tidak perlu ada undang-undang kuat kuasa seperti makan nasi, seperti minum, seperti bersenam dan sebagainya tidak mustahil. Tidak mustahil satu masa nanti tetapi kalau sekarang masih lagi mustahil lebih-lebih lagi apabila ada suara-suara seperti Yang Berhormat Batu Gajah.

Tuan Yang di-Pertua, tapi saya juga akui ada beberapa kes di mana calon-calon gagal hadir dan kita sedia maklum kegagalan mereka adalah banyak faktor kerana mungkin sikap mereka yang degil atau sebab-sebab tertentu, mungkin kerana pengaruh orang lain seperti Yang Berhormat Batu Gajah, mungkin juga kerana sebab keluarga yang terlalu miskin yang mereka fikir tiba-tiba dihadapkan dengan kos yang tinggi dan sebagainya tetapi di sinilah peranan wakil rakyat untuk membantu dan lain-lain lagi.

Akan tetapi umumnya daripada maklum balas yang kita terima mereka ini tidak hadir adalah atas sebab-sebab peribadi yang saya rasa boleh dibantu seperti soal kemiskinan dan

sebagainya. Akan tetapi ada beberapa kes Tuan Yang di-Pertua di mana peserta-peserta atau calon-calon yang memang degil ataupun yang mereka masih lagi belum faham tentang kebaikan dan saya yakin untuk mengatakan bahawa tentang keseronokan untuk turut serta di dalam program PLKN.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua saya lebih suka kalau PLKN walaupun sekarang ini ke arah ke sana menggunakan pendekatan untuk mencari satu kaedah supaya peserta-peserta yang dalam kategori ini lebih rela, lebih suka dan lebih minta untuk turut serta setelah mereka mengetahui tentang kebaikan-kebaikan, tentang faedah yang rakan-rakan lain telah pun perolehi.

Saya hendak ucapkan tahniah Tuan Yang di-Pertua kepada RTM kerana RTM dan saya harap TV lain pun sama mereka menggunakan...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pasir Salak bangun Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** ...saluran media menarik minat dengan memberi contoh-contoh, mereka memaparkan dialog ibu dan bapa dengan anak-anak mereka yang pelbagai kaum. Kalau dahulu mereka sedih tiba-tiba mereka suka. Kalau dahulu mereka takut tiba-tiba mereka menerima berita baik tentang program PLKN. Ini salah satu kaedah yang dibuat oleh RTM dan tidak mustahil kita harapkan supaya media lain juga mengambil bahagian kerana ini pada saya adalah tanggungjawab bersama Tuan Yang di-Pertua dan saya juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Pasir Salak bangun Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Ya Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat. Saya juga berasa banyak kejayaan yang telah dicapai oleh program ini. Namun begitu ringkasnya saya ingin juga membangkitkan untuk melihat bahawa program ini bertambah baik apabila memandangkan ada perkara-perkara yang perlu kita lihat.

Saya hendak bertanya dan mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat. Kalau sekiranya begitu laporan yang kita terima mengapa agaknya pelajar-pelajar terutama pelajar-pelajar Melayu walaupun telah melalui PLKN dengan program disiplin, program berdikari, program yang menanamkan nilai-nilai kebertanggungjawaban dan juga menanam semangat kepada cintakan negara dan juga menanamkan semangat supaya mempunyai cita-cita yang tinggi dan mencapai kejayaan yang cemerlang. Kita dapati prestasi pelajar-pelajar yang dahulunya telah mengikuti PLKN masih agak meleset. Mengapa? Bolehkah Yang Berhormat beri penjelasan ataupun memberikan gambaran setakat mana kejayaan telah dicapai dari segi akademik berbanding sebelum adanya program PLKN ini dengan telah dilaksanakan PLKN ini, satu.

Yang kedua saya minta penjelasan ialah kenapa ramai pelajar universiti pada hari ini masih lagi walau mereka itu menjadi produk kepada PLKN masih seolah-olah tidak bersyukur, tidak berterima kasih kepada peluang yang mereka perolehi untuk belajar dengan membuang masa, terlibat dalam kegiatan politik, berdemonstrasi, anti sana anti sini. Kenapa ini boleh berlaku? Dan banyak juga yang sudah lupa kepada cintakan bangsa dan negara. Kenapa ini boleh berlaku? Di mana silapnya program PLKN ini? Tidak adakah kursus-kursus kenegaraan, kursus sejarah yang perlu ditampung untuk melengkapkan program ini supaya ianya menjadi lebih berjaya di masa yang akan datang? Terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak. Tuan Yang di-Pertua, seingatan saya dan daripada laporan yang saya terima saya belum dapat lagi laporan mengatakan bahawa pelatih-pelatih ataupun peserta-peserta yang telah pun berjaya mengikuti kursus PLKN ini mereka menerima keputusan ataupun prestasi tidak elok dalam bidang pelajaran tapi sayugia kita sedia maklum bahawa ramai peserta yang menjadi peserta PLKN datangnya daripada latar belakang yang berbeza. Ada yang cemerlang, ada yang pendidikan mereka yang cemerlang, ada yang tidak sekolah dan sebagainya. Ada yang kaki rempit ke sana pun ada. Maksudnya daripada latar belakang yang berbeza-beza. Ada kumpulan yang memang daripada awal dilonggokkan daripada kumpulan yang bermasalah dididik di PLKN supaya menjadi manusia berguna pun ada.

Ini tidak boleh kita nafikan tetapi kalau kita menjurus kepada prestasi akademik masing-masing saya yakin perkara itu tidak timbul tetapi perkara kedua yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi ialah tentang semangat warganegara yang apabila mereka masuk ke universiti tidak menunjukkan rasa cinta kepada negara, mungkin hilang semangat patriotik setelah mereka menerima mungkin impak negatif satu pihak yang lain. Itu kemungkinan.

Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan dan ramai semalam mencadangkan supaya alumni PLKN ini diperkasakan. Saya yakin alumni telah pun ditubuhkan di mana peserta-peserta yang telah pun berjaya melepasi program tersebut dari rangkaian masing-masing dan tindakan susulan juga penting. Melalui alumni ini ada tindakan susulan daripada pihak kerajaan, daripada pihak jabatan supaya prestasi mereka terus diperhatikan, terus disemak dan diikuti dengan program-program lain sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Peserta PLKN yang telah berjaya mungkin di universiti ada alumni di peringkat universiti. Peserta PLKN di peringkat sekolah di tingkatan enam bawah dan atas ada alumni di situ dan lain-lain lagi supaya tindakan susulan daripada pihak-pihak lain tidak semestinya daripada Majlis Latihan Khidmat Negara mungkin boleh diselaraskan dengan Kementerian Pelajaran, di sini ada Timbalan Menteri Pelajaran.

## ■ 1200

Begitu juga dengan Kementerian Pengajian Tinggi. Mungkin dengan sektor perkilangan dan sebagainya. Mungkin dengan kolej-kolej komuniti, pusat-pusat kemahiran lain mungkin boleh dibuatkan satu tindakan susulan yang menyelaras prestasi mereka secara berterusan sampai bila-bila setelah mereka keluar daripada PLKN. Sampai ke tahap mereka lulus di pusat-pusat pengajian tinggi ataupun sehingga mereka berjaya menjadi manusia yang berjaya pada tahap atau *cohort* umur remaja mereka Tuan Yang di-Pertua, itu pandangan saya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sikit.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Mesti ada tindakan lanjutan yang diselaraskan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta laluan? Bagaimana Yang Berhormat mengatakan tidak timbul soal prestasi akademik? Berapa pencapaian maksimum yang cemerlang dalam SPM? Ada baca laporan kah tidak? Ada baca laporan? Berapa persen peningkatan dapat 10A, 8A, 7A berapa persen? Jangan buat *statement* secara orang kata *political statement*. Kita ini bukan soal politik sekarang. Soal perjuangan bangsa, negara. Betul tidak? Berapa ramai pelajar yang masuk universiti yang dapat *first class honours* Tuan Yang di-Pertua? Berapa dapat *second class honours, second class lower and third degree*.

Sudah bagi macam-macam kursus, bagi biasiswa, bagi itu bagi ini, macam-macam. Kenapa prestasi pelajar masih tidak cemerlang sebagaimana yang sepatutnya. Tadi kita dengar Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengumumkan tentang pengeluaran biasiswa untuk belajar di seberang laut. Di mana kedudukan pelajar-pelajar bumiputera di luar bandar? Berapa persen peningkatannya? Sebab apa? Kalau bumiputera yang telah mendapat latihan PLKN betul-betul bersemangat, berdisiplin, rajin belajar dan sebagainya, tentulah mereka juga meningkat bilangan dan nisbahnya.

Ini kita mesti beri tahu dengan ikhlas dan jujur supaya bukan kita hendak menentang atau mempertikaikan mana-mana pihak. Kita hendak memperbaiki program yang sedia ada supaya ianya berjaya. Supaya pelajar kita betul-betul berjaya. Bangsa kita boleh berjaya. Ini belanja PLKN bukan sikit. Satu tahun berapa? RM400 juta, RM500 juta bukan sikit. Kita tidak mahu macam orang kata menjadi seperti menjirus air ke daun keladi ataupun menjirus air ke pasir. Pelajar pun ramai di belakang ini, jadi pemerhati. Kita hendak beri ingatan kepada mereka...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Jadi sebagai pemimpin, kita kena bercakap jujur dan ikhlas memberitahu perkara yang benar dan supaya kita memperbaiki keadaan ini. Mungkin kursus, *content of the PLKN Program* itu perlu dilihat, dirombak atau disusun semula supaya ianya betul-betul berjaya. Jangan ianya memberikan peluang perniagaan

kepada mereka-mereka, tauke-tauke kem. Tauke-tauke kem ini pun kita tahu, saja jadi *fronting* kepada orang-orang tertentu. Jadi ini kena diperbetulkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat Ledang, saya nasihatkan, kalau... saya dengar soalan daripada Yang Berhormat Pasir Salak tadi. Dia menjurus kepada kalau ada *research* yang tertentu, penyelidikan yang tertentu jawapannya menjurus ke arah itu. Jadi Yang Berhormat Pasir Salak tidak hendak dengar jawapan politik Yang Berhormat. Jadi serah kepada Timbalan Menteri menjawab soalan itu tadi. Sila Yang Berhormat Ledang, berapa minit lagi.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Elok juga Tuan Yang di-Pertua kalau di buat satu *research* supaya lebih akademik, lebih tepat dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Sepatutnya Yang Berhormat cadangkan daripada awal lagi itu.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Tak ada... *[Ketawa]* Tidak faham Yang Berhormat Pasir Salak. Tuan Yang di-Pertua, itu ulasan saya. Elok juga dibuat *research* supaya ada bukti yang... supaya bukti itu terserlahlah. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nafikan ada perkara-perkara yang perlu pembaikan. Masih banyak lagi ruang yang boleh dibaiki supaya peserta-peserta yang keluar daripada Program PLKN ini lebih baik mutunya. Itu kita tidak boleh nafikan. Sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, pertamanya kita mesti optimis dengan program ini. Kita sentiasa berlapang dada, terbuka fikiran untuk membaiki setiap catatan.

Oleh yang demikian semalam saya mencadangkan dalam cadangan saya, salah satunya ialah saya mencadangkan supaya setiap PLKN di seluruh negara, banyak ada, di tempat saya pun ada. Diwujudkan satu jawatankuasa sama ada Lembaga Penasihat, Lembaga Pelawat dan sebagainya. Timbalan Menteri yang mendengar hari ini dia memang pakar Lembaga Pelawat klinik-klinik, Lembaga Penasihat.

Mungkin beliau boleh cadangkan. Kalau akta tidak membenarkan mungkin satu masa nanti akta boleh digubal boleh dipinda semula. Akan tetapi yang penting kita, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Tangga Batu semalam kita hendak memasyarakatkan PLKN dengan orang ramai. Kita perlukan kerjasama daripada semua pihak supaya PLKN ini berjaya. Oleh yang demikian, wajar kalau setiap PLKN diwujudkan Lembaga Pelawat ataupun Lembaga Penasihat yang mungkin terdiri daripada wakil mereka-mereka yang pakar dalam bidang psikologi, panel doktor yang pakar.

Mungkin daripada NGO yang memang mereka lebih khusus dalam bidang remaja dan sebagainya. Banyak lagi yang saya fikir boleh memberi ruang kepada masyarakat untuk mengambil bahagian di dalam memberi idea yang bernas juga sebagai pemerhati kepada setiap

PLKN. Ini boleh membantu syak wasangka ataupun kalau tidak syak wasangka setiap yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi dapat membaiki kalau ada kecurangan ataupun salah guna kuasa dalam perniagaan di kalangan pihak-pihak tertentu.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan sikit.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Jadi Tuan Yang di-Pertua, wajar kalau Lembaga Pelawat ini atau Lembaga Penasihat boleh mengambil bahagian di dalam Program PLKN di mana mereka menjadi sekurang-kurangnya pemerhati dan mengulas serta menyumbang kepada kebaikan kepada PLKN.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ringkas Yang Berhormat.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik dengan pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan perwujudan pasukan lembaga, termasuklah juga Lembaga Pemantau yang saya kira sangat penting di dalam kita memastikan kejayaan dan keberkesanan Latihan Pusat Khidmat Negara kita. Apa yang saya tertarik di sini ialah saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Bagaimana wujudnya kes-kes yang telah berlaku, sebagaimana satu kes yang berlaku baru-baru ini. Pelajar - saya dapat maklumat sendiri daripada ibu bapa bagaimana apabila anak beliau berdepan dengan isu kemalangan semasa latihan.

Akan tetapi maklumat ini tidak diberi secara jelas di peringkat awal kepada ibu bapa. Kebetulan ibu bapa datang melawat anak-anak barulah mereka dapat maklumat yang jelas. Barulah mereka tahu sebenarnya anak mereka berdepan dengan kemalangan yang agak serius sehingga membawa kepada kematian akhirnya. Ini adalah satu perkara yang sangat menyedihkan.

Sedangkan dalam laporan yang diberi kepada pihak atasan adalah berbeza dengan apa yang berlaku sebenarnya. Saya kira perkara ini amat penting supaya tidak akan berulang kes-kes seperti ini. Ini menyebabkan masyarakat sudah hilang keyakinan apabila tidak ada ketelusan di dalam pengurusan pentadbiran dan menyebabkan ibu bapa hilang keyakinan untuk menghantar anak-anak mereka, sebagaimana kita telah dengar pendedahan yang dibuat Ahli Yang Berhormat bagaimana banyak kes kematian yang berlaku.

Di antaranya ialah di atas kecuaian itu sendiri. Saya juga minta pandangan Yang Berhormat berkaitan dengan apa pandangan Yang Berhormat tentang masalah pencampuran pelatih lelaki dan wanita yang banyak meninggalkan kesan yang agak negatif. Apakah Yang Berhormat bersetuju sekiranya pusat latihan ini kita asingkan antara pelatih lelaki dan pelatih wanita. Minta pandangan, terima kasih.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya pun pendek sahaja tinggal beberapa minit. Cuma hendak menjawab saranan ataupun pandangan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang. Pertama, tahniah dululah kerana telah pun dilantik,

dipilih sebagai Timbalan Muslimat PAS. Kena tahniah juga jangan tahniah kepada Yang Berhormat Pasir Salak sahaja. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itu tadi saya mencadangkan, saya setuju pandangan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang, saya setuju.

■ 1210

Dan kita kena telus dalam bab ini. Sebab itu saya cadangkan tadi mesti ada lembaga-lembaga pelawat, lembaga-lembaga pemantau kah, supaya mereka juga bertanggungjawab ke atas keharmonian pusat-pusat latihan kemahiran tersebut. Saya setuju pandangan itu. Tidak boleh kita nafikan dan tentang hendak mengasingkan antara lelaki dan perempuan. Pada saya yang penting ialah kawalan. Sebab itu kalau lembaga, sebab itu lembaga pelawat kah penasihat mesti ada juga wakil daripada NGO wanita, kan? Sekurang-kurangnya mereka tahu bagaimana hendak mengawal keadaan.

Hendak mengasingkan kepada saya nanti satu masa nanti biasanya Tuan Yang di-Pertua, kalau kita asingkan antara lelaki dan perempuan juga ada kesan buruknya, kan? Kita tidak boleh terlalu khusus di situ. Apa yang penting ada kawalan yang sempurna dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua, apabila segala-galanya berjalan lancar, barulah kita boleh ukur dan perlunya ada KPI seperti yang dicadangkan oleh rakan-rakan semalam bagi setiap PLKN supaya setiap PLKN dalam negara Malaysia berlumba-lumba menjadi KPI. Berlumba di kalangan mereka mendapatkan KPI yang terbaik dan mungkin boleh diadakan satu pertandingan dan sebagainya. Ini dapat menggalakkan mutu PLKN dan akhirnya sudah tentulah impaknya kepada peserta-peserta PKLN tahun ini dan pada masa-masa akan datang. Sekian jua, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, kita sudah ada dua hari sudah 20 orang membahas. Sembilan orang daripada Pakatan Rakyat, sembilan daripada Barisan, dan dua orang bebas. Had saya bagi satu orang sahaja yang bercakap, nanti kalau ada persoalan boleh dibangkit dengan Menteri yang menjawab, Yang Berhormat, ya? Saya bagi Yang Berhormat Wangsa Maju.

**12.02 tgh.**

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian membahas suatu akta, untuk meminda Latihan Khidmat Negara 2003. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya tertariklah dengan apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak. Ini pertama kali yang saya boleh sokong dengan sepenuhnya apa yang dinyatakan oleh beliau mengenai dengan *content* latihan khidmat ini. Biasanya, saya tak boleh bersetuju langsung dengan apa-apa yang disentuh oleh beliau. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, Program Khidmat Nasional telah diwujudkan lebih daripada lima tahun tetapi saya tidak nampak golongan muda-mudi kita dapat menerap nilai-nilai murni seperti cinta negara, dari segi ketulusan, keadilan, *accountability* dan sebagainya.

Nilai-nilai tersebut adalah fitrah rakyat jelata dan hemat saya program ini tidak dapat membantu golongan muda mendekati atau menghayati nilai-nilai murni ini. Tuan Yang di-Pertua, terdapat Menteri-Menteri dan pegawai-pegawai kerajaan tertentu yang tidak memaparkan iktibar yang baik kepada golongan muda-mudi kita kerana mereka ini bersikap leka atau bertindak tidak wajar dalam melaksanakan amanah mereka mentadbir dan mempertahankan keutuhan harta negara serta kepentingan rakyat sejajar dengan dasar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bergelar "*ONE MALAYSIA*" itu. Saya percaya dengan adanya tindak-tanduk Menteri-Menteri dan pegawai-pegawai kerajaan tersebut mustahillah hasrat Perdana Menteri mencapai "*ONE MALAYSIA*" itu akan direalisasikan kerana cita-cita Yang Amat Berhormat itu telah diancam dan akan dibinasakan serta dikhianati oleh tindak-tanduk pihak-pihak tertentu yang tidak mengambil berat tentang kepentingan dan keutuhan tanah tumpah darah kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Parlimen sendiri pun terdapat kepincangan yang nyata dan contoh yang buruk untuk tatapan golongan muda-mudi di mana Menteri-Menteri tertentu tidak menyerahkan jawapan mereka kepada soalan-soalan untuk sesi Parlimen pagi. Para wakil rakyat terpaksa bekerja mengingatkan pentadbir Parlimen untuk dapatkan jawapan dan sering kali dapati bahawa Pegawai Pentadbir sendiri mengingatkan Kementerian mengenainya. Umpamanya, kelmarin soalan saya untuk Kementerian Wilayah Persekutuan bernombor giliran 108. Saya terpaksa mengingatkan pihak berkenaan berapa kali sebelum saya dapatkan jawapan pada pukul empat lebih petang. Inilah sikap tidak apa yang terkenal itu. Saya ingin menasihatkan Menteri berkenaan, dia hanya seorang Senator dengan pengalaman Parlimen yang terhad atau pun tiada langsung supaya Yang Berhormat memastikan pegawainya melaksanakan tanggungjawab dengan baik supaya dapat menunjukkan teladan yang baik kepada golongan muda-mudi kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Baik. Baik balik kepada rang undang-undang.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya hendak memberi contoh ini, yang, seperti hari ini, Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah 60. Sampai sekarang kita belum dapat lagi sedangkan mereka, Menteri-Menteri mesti sediakan semua jawapan pada sesi pagi seperti itu. Sepertinya mereka sedia menjawab soalan. Mereka hendak tengoknya nombor 60, 30 soalannya tak akan timbul. Inilah sikap...

**Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid Endut [Kuala Terengganu]:** Penjelasan, penjelasan, Yang di-Pertua.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Dan kalau sikap begini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Kalau soalan berhubung dengan perkara ini saya tidak benarkan, Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ya, ya ini. Bagaimanakah kita dapat mengukuhkan nilai murni di kalangan muda-mudi kita sedangkan para pegawai kerajaan sendiri

bersikap seperti 'harap pagar, pagar makan padi' dan pelaksanaan tugas mereka dan pentadbiran dan penjagaan kepentingan serta harta benda negara. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, atas sebab-sebab pertimbangan apakah Pejabat Pendaftaran Negara di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah meluluskan satu kewarganegaraan atau penghuni tetap kepada Pn. Chen Au Yong Yun Sai dan anaknya Chin Fook Kun yang berasal daripada Taiwan? Kedua-dua orang ini tidak pernah menetap di Malaysia secara berkekalan, ya? *Permanent*, ya? Bagaimana? Patut kita dimaklumkan bahawa terdapat banyak rakyat kita sendiri yang dilahirkan di Malaysia, dan menganggapkan Malaysia sebagai tanah air mereka masih tidak diiktirafkan sebagai rakyat Malaysia dan mereka terpaksa memegang kad pengenalan seperti kad pengenalan merah sedangkan kedua rakyat Taiwan ini sering mengiklankan hubungan rapat mereka dengan isteri seorang ahli politik yang amat berkuasa ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, banyak panjang sangat cerita hal lain,.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *No. No.* Saya hendak beri ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya faham undang-undang ini Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *No*, ini sangat itu sangat.

Saya tahu dia penting, Yang Berhormat, saya tahu dia penting, tetapi mesti relevan kepada Rang Undang-undang yang kita bincang, Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Memang kita relevan di sini, Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Saya tahu Yang Berhormat ini patut tahu mana satu relevan, mana satu tak relevan.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** *No*, dari segi dasar, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kita hendak cakap mengenai dengan nilai murni untuk muda-mudi kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ini bukan rang-rang nilai murni, Yang Berhormat, ini Rang Undang-undang *National Service Training*.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ya, ini latihan. Latihan Khidmat Negara. Latihan ini untuk apa?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Untuk memberikan satu nilai murni kepada muda-mudi kita supaya mereka boleh dapat cinta negara. Dan di sini, saya hendak beri contoh bahawa dalam...Ya memanglah ini tak mahu dengar sebab semua itu tidak cinta negara, tak ada ketulusan, tak ada *accountability*. Dan seperti banyak di sini saya hendak beri contoh di mana dua-dua orang warga asing ini bukan dapat *citizenship* sahaja, tanpa duduk di negara kita, mereka dapat projek, banyak projek daripada Kementerian Pelancongan seperti di Darul Worldwide Sendirian Berhad. Mereka diberikan *call centre*, mengendali *call centre* di negara kita.

Itu Darul Worldwide yang beralamat di Jalan Cerdas, Taman Connaught. Dan syarikat ini dikawal oleh siapa? Oleh Chen Au Yong Yun Sai ini, menggunakan *nominee* sahaja. Ini bukannya itu sahaja. Ada banyak lagi mengenai dengan Au Yong Yun Sai ini. Mereka menubuhkan Venture Farm Sendirian Berhad dengan alamat yang sama dengan Darul Worldwide dan pengarahnya Au Yong Yun Sai juga. Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi...

■1220

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat .

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** ...Telah meluluskan projek.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya mintalah Yang Berhormat, saya bagi peluang Yang Berhormat bercakap walaupun...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Sedikit lagi saya hendak habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** ...Tiga orang yang berdiri tadi. Tiga orang yang berdiri tadi, saya bagi Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ya, saya hendak habiskan ini oleh kerana saya ingin menunjukkan bahawa kerajaan kita ini 'cakap tidak serupa bikin' dan tidak memberikan nilai murni yang baik kepada muda mudi kita. Techno Farm projek bernilai RM56 juta diberi kepada Venture Farm. Venture Farm ini tiada pengalaman untuk *research biotech* pun, tetapi mereka diberikan kontrak RM56 juta. Kontrak itu, Venture Farm ini pula kena buat satu perjanjian secara 'back to back' dengan satu syarikat yang palsu XLW Incorporation di US. Juga saya hendak sentuh juga kedua-dua orang asing ini menggunakan wang negara kita. Mereka mendapat keuntungan yang banyak dan wangnya diambil keluar daripada negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat boleh, boleh, Yang Berhormat. Yang Berhormat...

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Jadi kita tidak jaga, kita tidak jaga, harta benda negara kita.

**Timbalan Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:**  
*[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ya, saya akan. Ini sebab saya hendak menggunakan kesempatan ini memberitahu kerajaan kita bahawa, janganlah 'menanam tebu di tepi bibir sahaja'. Mengatakan "Oh, Latihan Khidmat Negara untuk menjaga kepentingan negara, untuk memberikan satu nilai yang baik untuk rakyat jelata dan khasnya kepada pemuda kita." Padahalnya, mereka sendiri, sikap mereka sendiri tidak menjaga itu kepentingan negara kita. Mereka tidak cinta negara, dan juga harta benda kita diberi dengan sewenang-wenangnya kepada orang asing. Bukannya itu, *citizenship* sahaja dengan izin memberi kepada orang asing. Harta benda kita diberi kepada orang asing.

Saya harap Kementerian Pelancongan khususnya, yang banyak projek yang diberi kepada Oi Yang Yun Sai ini dan anaknya itu Ching Fook Wung. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Dengan ini saya menyokong Akta ini untuk meminda Latihan Khidmat Negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Itu *compensation*lah itu. Sokong Yang Berhormat . [Ketawa] Sila Menteri jawab.

**12:23 tgh.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, saya, ingin mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada 21 Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat dengan perbincangan pindaan kepada Akta Latihan Khidmat Negara 2003 dan saya kena sebut nama-nama mereka.

Yang pertama Yang Berhormat Bachok, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Rembau, Yang Berhormat Sungai Petani, Yang Berhormat Jasin, Yang Berhormat Kubang Kerian, Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Teluk Intan, Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Tawau, Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Parit Buntar, Yang Berhormat Silam, Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Ledang dan yang ke-21 tadi, Yang Berhormat Wangsa Maju.

Kebetulan, Tuan Yang di-Pertua, saya hadir kira-kira enam tahun yang lepas dalam dan waktu di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pada ketika itu Menteri Pertahanan membentangkan Akta Latihan Khidmat Negara pada tahun 2003 dan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua sendiri terlibat dalam perbincangan tersebut. Saya sempat baca Hansard pada tahun 2003. Saya ingin menjelaskan dan membuat kesimpulan bahawa daripada 21 Ahli-ahli Yang Berhormat yang berhujah tentang akta tersebut, saya boleh bahagikan hujah-hujah yang dibahaskan itu kepada tiga perkara.

Pertama, kesedaran kesemua Ahli-ahli Yang Berhormat tentang betapa pentingnya pembentukan negara bangsa melalui apa juga proses dan yang terakhir dan diwajibkan melalui pembentangan Akta Latihan Khidmat Negara pada 2003.

Semua kita faham dan kita tahu bahawa rakyat yang patriotik cintakan bangsa sudah tentu dapat dan berupaya membina negara bangsa yang berdaya tahan, dapat menangani apa juga rintangan yang datang dari dalam mahupun dari luar. Elok saya perkatakan bahawa objektif PLKN sewaktu mula-mula rang undang-undang ini dibentangkan adalah untuk menyemai, memupuk semangat patriotisme dan cintakan negara pada generasi muda dan remaja. Pada waktu yang sama, ia juga diharapkan dapat memupuk perpaduan kaum serta integrasi nasional.

Kedua, membentuk perwatakan positif melalui, dengan izin, *character building* melalui nilai-nilai murni. Ahli-ahli Yang Berhormat juga pada dasarnya bersetuju program yang telah dijalankan selama lima tahun ini perlu ada nilai tambah dan pembaikan. Ramai Ahli-ahli Yang

Berhormat menyatakan dan memberi komen serta saranan yang sangat positif mengenai sistem penyampaian umpamanya, dengan izin, *housekeeping*, perkhidmatan makanan, pengangkutan, keselamatan di kem, dan tidak lupa juga ramai di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat menyatakan dan melahirkan rasa bimbang mereka tentang kejadian kemalangan dan juga kematian di kem-kem latihan.

Ketiga, semua Ahli-ahli Yang Berhormat menyarankan perlu ada satu audit atau *review*, ataupun *research* mengenai keberkesanan program tersebut. Oleh yang demikian,

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya, yang mana sempat, saya akan pergi secara *detail*, andai yang tidak sempat, saya akan jawab secara bertulis. Merujuk kepada perkara yang diutarakan oleh Yang Berhormat Bachok, mengenai persepsi, mengenai modul-modul yang diselaraskan di PLKN. Ia ada empat modul iaitu di mana objektif program itu adalah menyediakan remaja yang patriotik dan mempunyai nilai peribadi yang tinggi.

Selain itu juga, program ini telah berjaya mempengaruhi remaja untuk menyertai badan-badan sukarela seperti sukarelawan ATM, PDRM, Pertahanan Awam yang baru-baru ini dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri dan melalui kajian dalaman yang dibuat oleh jabatan dan kita mendapati bahawa pertama, respons tentang patriotisme, cinta pada negara, di kalangan mereka yang telah menjalani latihan khidmat negara ini – 81.83%, kedua, kesukarelaan – 82.93%, jati diri – 89.67% dan integrasi kaum – 87.92%.

#### ■1230

Yang Berhormat Bachok juga ingin menanyakan mengenai kes-kes disiplin yang berlaku. Ingin saya maklumkan di Dewan ini, walaupun kita sudah melatih lebih daripada 417,000 orang, hanya 704 kes sahaja yang direkodkan daripada tahun 2004 sehingga sekarang. Kita juga prihatin dan sedia maklum bahawa 7,004 ini wajar kita kurangkan dengan membuat penambahbaikan bagi memastikan disiplin di antara peserta dengan jurulatih dapat dipertingkatkan. Justeru itu, kita mengadakan beberapa program tambahan seperti mengadakan program bersama Polis Diraja Malaysia di mana kita mengadakan juga program *Criminal Awareness*, di mana setiap jurulatih berkomunikasi dengan pelatih agar mempunyai kesan-kesan dan juga impak perbuatan jenayah dan hukuman yang bakal diterima.

Yang Berhormat Bachok juga menyatakan bahawa adakah penggunaan senjata itu boleh menjebakkan pelatih-pelatih kepada anasir-anasir negatif seperti rompak, atau lebih daripada itu. Kita memperkenalkan latihan senjata adalah untuk memupuk keyakinan diri remaja dan kita dapati pendedahan ini sangat diminati oleh remaja kerana proses ini menjadikan remaja itu lebih yakin dan pada waktu yang sama mereka mendapat asas pengendalian senjata.

Yang Berhormat Rembau ingin mengetahui tentang komposisi jurulatih. Memang saya akui, komposisi jurulatih memang majoritinya terdiri daripada kaum Melayu dan bumiputera dan sangat sedikit etnik-etnik lain. Ini disebabkan oleh beberapa pendekatan yang sedia ada dan kita maklum penerangan dan juga pendekatan kepada jurulatih etnik lain perlu di perhebatkan supaya

ia tidak tertumpu kepada jurulatih terdiri daripada satu bangsa sahaja. Jadi, bilangan jurulatih yang ada sekarang adalah seramai 2,898 orang iaitu orang Melayu seramai 2,589 orang, bumiputera Sabah seramai 99 orang atau 3.4%, bumiputera Sarawak seramai 142 orang atau 4.9%, sementara etnik Cina dan etnik India masing-masing 40 orang dan 24 orang atau 1.4% dan 0.8%.

Saya tertarik dengan ungkapan daripada Yang Berhormat Rembau yang mengatakan bahawa sewaktu beliau melakukan lawatan sewaktu berada di dalam majlis latihan dua, tiga tahun yang lalu, beliau dapati bahawa walaupun ada integrasi perbualan, pergaulan di antara kaum, tetapi apabila dia makan atau minum, dia akan duduk di dalam *group* dia. Saya rasa ini adalah satu fitrah kerana kalau kita ke lobi di luar pun, wakil rakyat PKR hanya duduk dengan PKR sahaja. Jarang dia duduk dengan orang UMNO. *[Ketawa]* Jadi ia adalah satu fitrah, tetapi jangan disebabkan fitrah itu, kita berhenti mengenali di antara satu sama lain. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]* “*Jadi lelaki dan perempuan, bersuku-suku dan berpuak-puak untuk kamu mengenali satu sama lain*”. Hendak kenal ini ia mengambil masa dan saya dapati sewaktu... Tadi saya sempat berinteraksi dengan ibu bapa dan juga bakal-bakal pelatih yang semuanya berkumpul di Stadium Komanwel Bukit Jalil, kerana hari ini dan hari esok adalah hari mereka mula dihantar ke kem-kem untuk sesi ketiga. Saya sempat berbual-bual dengan peserta dan juga ibu bapa dan mereka semua amat positif tentang latihan tersebut. Dua, tiga bas saya masuk, kalau duduk, kerusi yang sebelah-sebelah itu ada juga etnik Melayu dengan Melayu, tetapi ada juga etnik Melayu dengan etnik Cina, etnik Cina dengan etnik India duduk sebelah-sebelah.

Oleh kerana mereka akan dihantar pada satu kem, sifat terbuka ini sudah pun dipaparkan sewaktu mereka duduk di dalam bas lagi. Jadi, proses pengenalan ini akan mengambil masa yang lama dan melalui pengalaman-pengalaman, sembang-sembang saya dengan jurulatih, pada mulanya memang susah sedikit tetapi apabila habis dekat-dekat 85 hari, sebulan terakhir itu, kemesraan ini dapat dirasakan oleh wira dan wirawati.

Timbalan Yang di-Pertua, ingin saya maklumkan bahawa program kita ini berlainan daripada program di Singapura seperti Yang Berhormat Tangga Batu cakap. Di Singapura itu kerahan tenaga, wajib, hanya untuk lelaki dan selama dua tahun. Kita Khidmat Negara, hanya 85 hari, wajib dan cara kita buat adalah dengan proses rambang atau *rules or probability* di mana kesemua mereka yang diwartakan mengikut akta tersebut, dengan kuasa yang ada pada Yang di-Pertuan Agong, dia akan wartakan sesiapa sahaja yang lahir pada tahun tersebut, maka sesiapa juga yang dengan izin, kenalah melalui sistem komputer itu. Maka sama ada dia bersekolah, dia bekerja atau dia sudah bersekolah kemudian dia tidak lagi bersekolah, adalah diwajibkan. Oleh sebab itu, apabila mereka ini apabila ditempatkan di 80 kem, mereka datang daripada pelbagai latar belakang, pengalaman, sekolah, pra sekolah, yang tidak bersekolah.

Justeru itu, meletakkan mereka dan memberi latihan kepada mereka memang merupakan satu cabaran, itu satu. Kedua, hanya kita sahaja yang membuat program ini dalam dunia. Semua negara maju membuat kerahan tenaga, *military in nature*, dengan izin, tetapi kita seperti yang dibentangkan program ini pada tahun 2003, ia adalah mengikut acuan kita dan *style* kita. Justeru itu, proses penambahbaikan itu berlaku tahun demi tahun agar anak-anak kita mencapai ketiga-tiga objektif yang dinyatakan tersebut. Yang Berhormat Bachok dan Yang Berhormat Batu Gajah juga mencadangkan supaya menyemak kembali modul-modul dan ini memang sudah pun di dalam perancangan dan kita sudah pun mengenal pasti pakar-pakar dan *consultant* yang akan kita lantik untuk membuat kajian terperinci dan saintifik dan memang menjadi arahan Kabinet selepas lima tahun program ini perlu di *review* dan diaudit keberkesanannya.

■1240

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan. Yang Berhormat, dari mula Yang Berhormat menjawab kepada perbahasan hujah yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli dalam Dewan sebelum ini saya merasa semakin risau. Tadi Yang Berhormat kata bahawa pihak kami ada mencadangkan untuk menangguhkan tetapi Yang Berhormat juga kalau ada dalam Dewan saya meminta Yang Berhormat menangguhkan. Bukan setakat menyemak semula sahaja tetapi menangguhkan keseluruhannya. Apa ruginya kalau kerajaan menangguhkan program ini sementara menyemak sebab yang paling atas Yang Berhormat tadi kata... Maaf, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata bahawa...

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Ini *floor* saya.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Kekurangan jurulatih dalam kaum etnik yang lain itu sudah jelas mencerminkan kelemahan...

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Duduk, Yang Berhormat Batu Gajah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Kelemahan pelaksanaan program ini.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** *Sit. Sit. Sit.* Ini *floor* saya.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jurulatih dari etnik yang lain pun tidak dapat diambil masuk dalam kem-kem bagaimana kita boleh menyampaikan satu program dan untuk mencapai tiga objektif yang begitu penting ini.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Duduklah, saya sudah faham.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi, saya pohonlah Yang Berhormat, tadi saya minta. Saya hendak tanya apakah ruginya kerajaan menangguhkan program ini sementara membuat penyemakan semula? Saya pohonkan jawapan ini.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Yang Berhormat Batu Gajah, pada tahun 2003 dulu pun dia sudah hendak tangguh. Semasa Yang Amat Berhormat bentangkan itu dia sudah hendak tangguh menggunakan perkara 453, saya ingat. Dari dulu sampai sekarang Yang Berhormat Batu Gajah tidak pernah berubah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Dengarlah, saya punya *floor*.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Inilah maksudnya konsisten. Kalau kerajaan dengar pada masa itu ...

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Kita tidak akan tangguh.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** ....sebelas nyawa anak muda kita tidak akan diambil macam itu!

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Oh! Yang Berhormat duduk. Duduklah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tidak payah buat pindaan.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Duduk, duduk. Kalau itu hujah Yang Berhormat ada sebelas kematian, kalau ada sebelas kematian di IPTA, ada dua belas kematian di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau ada dua belas kematian di sekolah menengah, maka kita hendak tangguhkan sekolah? Kita hendak tangguhkan...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jangan buat perbandingan sedemikian. Ini perbandingan tidak masuk akal!

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Yang Berhormat yang tidak masuk akal!

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Perbandingan yang tidak masuk akal. Tadi yang saya bangkitkan adalah menyedari pelbagai kelemahan. Ahli-ahli dalam Dewan ini juga meminta disemak semula.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Kelemahannya sedikit, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Apa rugi menanggukannya untuk membuat penyemakan. Itu sahaja.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Kelemahannya adalah kelemahan Yang Berhormat untuk menerima. Dari dulu sampai sekarang tidak hendak terima. Menanggukkan bukanlah menyelesaikan masalah. Kalau inilah tabiat nanti bila Yang Berhormat jadi kerajaan... Saya ingat janganlah jadi kerajaan, sikit-sikit tangguh, sikit-sikit tangguh.

**Seorang Ahli:** Lingkup.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Lingkup, Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat, saya tanya soalan yang sangat-sangat ringkas. Apa ruginya...

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Eh, saya tidak bagilah! Saya tidak bagi.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Apa ruginya ditanggukkan sementara membuat penyemakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya tahu tetapi *decorum* dalam Dewan Yang Berhormat kena ikut sikit. Jangan ikut macam di rumah sendiri.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Lain. Ini lain.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Sebab itu kalau boleh Yang Berhormat sepatutnya pergi awal-awal lagi jadi peserta PLKN. Saya merujuk kepada soalan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ini perkara lain, boleh?

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Tunggu sekejap. Mengenai kontrak kepada pembekal. Kontrak-kontrak kepada pembekal ini kita bahagi dua termasuk apa Yang Berhormat Kota Melaka katakan dan juga beberapa Ahli Yang Berhormat lain. Ia ada kontrak perkhidmatan seperti bantuan perkhidmatan dobi, jahitan, kenderaan statik dan sewaan bas. Ia ada juga kontrak peralatan baju dan kasut peserta. Semua tender tersebut adalah dibuat secara terbuka dan kontraktor yang dipilih adalah berasaskan kepada peraturan-peraturan kewangan yang sedia ada. Tidak ada tender bagi sahaja, semua tender terbuka. Yang Berhormat Indera Mahkota.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya cuma hendak tanya berkenaan dengan aspek *cost effective* sebab baru sekejap tadi Yang Berhormat bercerita tentang soal kos, pengurusan mengendalikan makanan dan sebagainya. Rakan saya semalam, Yang Berhormat Telok Intan ada menyebut dalam ucapannya yang operator memberitahu ada menyebut bahawa separuh daripada kos itu dibayar kepada dia sedangkan peruntukan asalnya sekali ganda lebih tinggi. Contohnya, RM20 kepada RM10. Satu perkara lain...

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya baru hendak jawab.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, satu perkara lagi iaitu kalau dibandingkan sehingga selepas lima tahun program ini berjalan kerajaan ataupun kementerian telah membelanjakan sebanyak RM2.4 bilion peruntukan untuk menjayakan lima tahun bagi melatih lebih kurang 250,000 calon. Ini bermakna *cost effectiveness* per kepala hampir RM10,000 untuk masa latihan tiga bulan sahaja. Jauh lebih tinggi daripada kos yang kita bayar untuk melatih seorang pelajar di institusi pengajian tinggi mengikuti kursus peringkat diploma atau ijazah.

Dari segi *cost effective* ini kita lihat RM2.4 bilion yang dibelanjakan satu pun tidak ada kem yang dipunyai oleh baik majlis ataupun pihak Kementerian Pertahanan sendiri. Adalah lebih baik sebenarnya kalau kos ini dimasukkan untuk tujuan mengambil alih ataupun kementerian memiliki kem-kem ini.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Faham. Saya faham.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Jadi, saya rasa kalau diteruskan program ini untuk lima tahun akan datang dengan satu kali ganda peruntukan yang sama, jawapannya tetap sama kementerian tidak punya satu aset pun yang boleh dinilai untuk dilihat sebagai pemilikan kepada kementerian.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Faham, Yang Berhormat. Pertama sekali kita perlu sedar bahawa membina manusia ini kita tidak boleh pegang, tidak boleh rasa. Kalau

*infrastructure* kita boleh tengok, kita boleh rasa. Membina manusia ini susah sebab dia *intangible*, dengan izin.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Saya cakap pasal aset tadi, Yang Berhormat. Pemilikan aset.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya hendak pergi ke situlah itu. Sabarlah, Yang Berhormat Indera Mahkota. Justeru itu sewaktu mula-mula dulu kalau kita fikirkan kita hendak latih 100,000 orang setahun, kalau kita bina semua kem ia mendatangkan beban kepada kerajaan. Kos membina aset lebih terbeban. Jadi, kerajaan menggunakan pendekatan *outsourcing* di mana pengendali kem diminta menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan berikut sementara perkhidmatan-perkhidmatan lain akan dikendalikan oleh Jabatan Latihan Khidmat Negara.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** [Bangun]

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Sabar dulu. Sebenarnya kalau kita bina kem dengan kita *outsource* ia jauh lebih rendah dari sudut *cost effective* nya. Sebagai contoh, selama 85 hari...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** [Bangun]

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Duduklah. Tidak bagi, duduklah. Selama 85 hari kita bagi pengusaha kem sebanyak RM45 sehari termasuk semua sekali; dobi, makan, tempat tidur, bil api dan bil air. Semua ini dan daripada RM45 sebanyak RM20 itu diberi untuk perkhidmatan makanan sahaja dan perkhidmatan makanan ini tidak boleh di sub kepada mana-mana orang. Jadi, Yang Berhormat Telok Intan kata ada kes yang berlaku, sila lapor kepada saya. Kita akan ambil tindakan jika terjadinya proses sub ini. Kita hendak supaya pengusaha kem mempunyai kredibiliti dan kemahiran menguruskan perkhidmatan hospitaliti.

#### ■1250

Jadi hujah Yang Berhormat kata kena ada banyak aset, apa semua. Kalau begitu caranya, ia akan melambatkan lagi program tersebut, satu. Kedua, ia akan melibatkan kos yang lebih mahal kerana kos RM45 itu termasuk juga pengurusan *maintenance* yang perlu diurus sendiri oleh pihak kem, dan pelbagai sistem yang kita guna pakai bagi memastikan kem-kem yang kita pilih itu memenuhi segala standard, kriteria baik dalam keselamatan mahupun kesihatan dan sistem penyampaian makanan supaya tidak ada kejadian keracunan makanan. Sekarang kita sudah *introduced demerit*, di mana kalau ada kejadian keracunan makanan, kita potong satu hari bayaran kepada pembekal ataupun ...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ringkas sahaja, jadi maknanya Yang Berhormat bersetuju RM10,000 satu kepala untuk tiga bulan itu adalah satu kos yang sangat munasabah?

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Yang Berhormat, RM700 juta itu adalah termasuk gaji yang kita bayar kepada pelatih dan semua sekali. Kalau hanya untuk makan minum sahaja...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Yang Berhormat faham tak apa kos per kepala?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, duduk ya.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Tak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Tak, tak Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya nak beritahu sikit, seorang berdiri dan duduk ini Yang Berhormat. Kalau di *House of Common* Yang Berhormat, mereka mempunyai 600 ahli, mereka boleh berdiri kerana tempat duduk tak cukup. Akan tetapi di Dewan kita, ada imbasan menentukan bahawa kita kena duduk semasa siapa sahaja yang lain bercakap melainkan setelah dipanggil oleh Tuan Yang di-Pertua untuk mencelah ataupun bercakap. Jadi saya mintalah tolong sikit, kalau tak puas hati Yang Berhormat...

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Akan tetapi saya tunggu tadi Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, tidak boleh buat macam itu Yang Berhormat. Ini tempat bukan untuk debat macam ini Yang Berhormat, kita kena tahu juga peraturan sedikit-sedikit etika ini Yang Berhormat. Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawablah.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Ramai Ahli Yang Berhormat menyatakan kerisauan mereka tentang keselamatan, kejadian-kejadian kemalangan dan juga kematian. Saya tidak nafikan bahawa perkara ini berlaku, saya amat simpati kepada keluarga yang terlibat. Cuma yang kita nak urus, nak pastikan adalah dengan izin *preventable death*...

**Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Boleh mencelah Yang Berhormat, Maran.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Sekejap. Jadi saya sendiri dah beritahu kepada ketua pengarah supaya satu jawatankuasa keselamatan dan kesihatan di kem diwujudkan sejajar dengan kuasa-kuasa *Occupational Safety and Health Act* supaya satu jawatankuasa keselamatan ini ditubuhkan bagi memastikan ada standard-standard yang perlu dipatuhi, ritual-ritual yang perlu dipatuhi dan juga perlu di *reduce* masa bagi memastikan kematian ini dapat dielakkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya Maran.

**Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terpanggil masuk ke dalam kerana saya tengok sikap pembangkang. Sebenarnya tidak usah bimbanglah Yang Berhormat Timbalan Menteri, memang perangai mereka dah begitu, kita buat baik pun semua tak elok. Saya tertarik tadi bila sebut ini seolah-olah kita kerajaan buat program semua nak bunuh orang. Ini satu keadaan yang cukup mengecewakan saya dan ini tidak berlaku, rasionallah sikit bila bercakap.

Saya rasa setakat yang saya lihat dalam PLKN ini, memanglah kelemahan itu ada tetapi kita usaha bagaimana memperbaikinya. Peranan PLKN ini baik, bagaimana kita nak membina

anak muda menjadi orang yang mempunyai jati diri, sayangkan negara, hormat orang tua, hormat budaya, hormat sesama kita, persahabatan dan sebagainya, cukup besar ertinya. Akan tetapi oleh sebab sifat yang kita sentiasa hendak memburukkan kerajaan, inilah yang berlaku.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Bukan soalan, mencelah saya, ini bukan soalan tambahan, saya nak mencelah minta pandangan, berikan pandangan saya. Saya tengok dari segi tadi yang disebutkan, dengan adanya PLKN kita banyak melibatkan usahawan-usahawan yang boleh menjalankan perniagaan. Bagaimana hendak menguruskan satu pusat latihan, bagaimana hendak menjaga 400 – 500 orang pelatih-pelatih dengan menyusun program yang cukup baik. Ini satu pendedahan yang dibawa oleh kerajaan, inilah namanya rakyat didahulukan.

Ini kalau kita jadi pemerintahnya, semua hendak kita belaka. Bila pertahanan, semua projek Kementerian Pertahanan, apa makna ini semua? Setuju Yang Berhormat?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Menteri dah berdiri, makna dia kata habislah Yang Berhormat.

**Dato' Ismail bin Haji Abd. Mutalib [Maran]:** Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih. Cuma akhir sekali saya nak rujuk terus kepada pertanyaan mengenai khidmat masyarakat. Yang Berhormat Batu Gajah kata kita macam bertoleransi dan kita pergi ke belakang atau mengalah kerana kita hapuskan denda dan juga penjara. Sebenarnya sewaktu akta tersebut digubal, masa itu perintah khidmat masyarakat mengikut aturan Kanun Tatacara Jenayah belum lagi wujud, dipinda pada 2007. Hanya selepas 2007 itu kita merasakan elok benar kita pastikan yang penjara dan denda itu diubah kepada khidmat masyarakat.

Saya difahamkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat, mereka mempunyai kekuatan untuk melaksanakan apa juga bentuk hukuman yang dijatuhkan oleh mana-mana mahkamah. Saya bacakan sedikit, mengikut perintah khidmat masyarakat sepanjang tahun lepas, pemulihan bangunan, landskap, penyajian makanan kepada penghuni institusi, penyelenggaraan surau, menguruskan jenazah. Itu adalah sebahagian daripada perintah khidmat masyarakat yang dikenakan pada mana-mana mereka yang dijatuhkan hukuman perintah khidmat masyarakat.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Nak bagi jalan Kota Raja, Yang Berhormat? Ada tiga minit lagi Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Jadi tidak perlulah seperti saranan daripada Yang Berhormat Pasir Mas supaya ada satu akta khas atau pindaan khas yang patut dimasukkan dalam fasal 4 dalam pindaan tersebut. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dah habis Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan berkenaan khidmat masyarakat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Dah habis Yang Berhormat.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Sikit sahaja mengenai tadi hendak berpatah balik.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Yang Berhormat Batu Gajah saya bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya Batu Gajah, ringkas Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih. Saya ingin penjelasan sebab sebelum ini kami telah diberi rang undang-undang berkenaan pindaan seksyen 18, selepas itu ditarik balik dan diberi rang undang-undang yang baru yang memberi definisi kepada khidmat masyarakat.

Saya ingin tahu apa bezanya sebab sebelum ini yang diberi rang undang-undang yang lama itu, seksyen 18 mengatakan, "Hendaklah diperintahkan melaksanakan khidmat masyarakat di bawah perenggan 293(1)(e) Kanun Tatacara Jenayah". Saya baca seksyen 293 ini, nampaknya adalah sama dengan definisi yang dikemukakan dalam rang undang-undang yang baru ini. Jadi saya hendak tanya persoalan berkenaan ini.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih. "Khidmat masyarakat" definisinya:

- (a) adalah apa-apa kerja, perkhidmatan pelaksanaan arahan bagi kebaikan orang awam keseluruhannya, dan termasuk apa-apa kerja yang dilaksanakan yang melibatkan pembayaran kepada pihak berkuasa, penjara atau tempatan, daripada apa-apa jenis dan dilaksanakan pada bila-bila masa dan mana-mana tempat yang tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan oleh mana-mana mahkamah";
- (b) tidak boleh melebihi 240 jam;
- (c) hendaklah berada di bawah tanggungjawab menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi khidmat sosial dan masyarakat."

Terima kasih Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, dia tak faham soalan saya. Saya nak tanya apa bezanya dengan seksyen 293(1)(e) Kanun Tatacara Jenayah yang memperuntukkan khidmat masyarakat. Apa bezanya dengan yang diperuntukkan di bawah rang undang-undang ini, apa bezanya?

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Apa yang saya faham, mengikut apa yang ditakrifkan di bawah seksyen 13, khidmat masyarakat ialah perkara yang saya nyatakan tadi, tidak ada bezalah.

**Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin satu sahaja penjelasan yang saya bawa dalam ucapan saya. Satu cadangan, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut mengenai kematian *preventable death and non preventable death*. Jadi cadangan saya, tidakkah ada skim insurans yang tertentu kepada kemalangan-kemalangan ataupun kematian yang mengejut ini kerana baru lima tahun kita ada 17 kematian. *So in future what's next?*

Kedua, saya ada bawa cadangan mengenai adakah keperluan dikaji sama ada kita boleh mewujudkan kem-kem di mana pelatih wanita sahaja atas pilihan mereka kerana kebimbangan-kebimbangan ibu bapa.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. Insurans ini memang kita perbaharui, tiap-tiap tahun semua orang dapat insurans, tiga hari sebelum dan tiga hari selepas. Jika apa Yang Berhormat Kota Raja katakan, mendiang Ricky Lim kita akan kaji balik, ini *very flexible* tetapi mereka semua peserta ada *insurance coverage*. Jangan bimbang dan kalau kes-kes macam *myocarditis* yang dikenal pasti sebab kematian mendiang Ricky Lim, memang lama nak *detect* selepas sembilan hari baru dia keluar daripada pusat latihan, baru kena sakit dan dikesan oleh doktor kerana keupayaan untuk mengetahui sejenis penyakit ini adalah sangat kompleks.

Jadi kalau perlu dua minggu sebelum masuk dan dua minggu selepas masuk itu ada *coverage*, kita lapang dada. Kita terima cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat, masa sudah cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan sesi pagi ditangguhkan dahulu dan Dewan akan bersidang semula pada pukul 2.30 petang nanti.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.35 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri sudah habis menggulung?

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, sudah habis menggulung.

**Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak cukup kuorum, sangat tidak cukup.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bunyikan loceng.

*[Loceng dibunyikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah kiralah. Saya tengok pun sudah lebih daripada cukup.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

#### **Fasal-fasal 1 hingga 7 -**

**Tuan Pengerusi:** Sila Batu Gajah seperti biasa. PLKN *favorite subject matter*. Sila.

#### **2.36 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada fasal 2, tadi Yang Berhormat ada memberi definisi kepada khidmat masyarakat. Saya hendak tanya, sejak pelaksanaan PLKN, setakat ini berapakah jumlah pelatih yang gagal melaporkan diri dan saya sedar bahawa kerajaan terpaksa meminda undang-undang ini kerana sukar untuk menguatkuasakan seksyen 18 yang sebelum ini mengenakan hukuman denda atau penjara atau kedua-duanya.

Saya juga ingin tahu daripada fasal 3, seksyen 18 ini apakah niat sebenarnya mengenakan khidmat masyarakat ini? Adakah ia bertujuan untuk pemulihan atau niatnya untuk menjatuhkan suatu hukuman. Jika satu hukuman, saya berpandangan bahawa kegagalan untuk melaporkan diri atau menghadiri PLKN kerana telah dipilih, itu bukan satu jenayah yang serius. Jika niat seksyen 18 adalah satu hukuman bermaksud untuk menghukumnya dengan mengenakan hukuman berbentuk khidmat masyarakat ini, saya rasa adalah keterlaluan lah sebab kalau kita membaca seksyen 18(2) ia memperuntukkan bahawa walaupun telah menjalani khidmat masyarakat ini, pelatih itu masih perlu untuk mengikuti PLKN ini. Jadi saya hendak tahu niat seksyen 18 ini. Sekian terima kasih

**Tuan Pengerusi:** Sila.

#### **2.38 ptg.**

**Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya hendak merujuk kepada seksyen 18(3) iaitu menggantikan denda dengan khidmat masyarakat. Soal yang timbul sekarang ini dua perkara, yang pertama sekali apa kata kalau semua sekali mengambil mudah dan akan menyertai khidmat masyarakat, tidak melaporkan diri. Ini kerana saya rasa Tuan Pengerusi, ramai daripada peserta-peserta ini akan lebih senang untuk berkhidmat atau terlibat dalam perkhidmatan masyarakat dan *turndown* atau mereka yang

melaporkan diri untuk menyertai pusat-pusat PLKN ini akan berkurang ataupun akan lebih serius daripada hari ini iaitu kalau dahulu boleh dikatakan 30% atau 40% tidak melaporkan diri dengan pelaksanaan atau penukaran akta ini menyebabkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar kita, anak-anak kita tidak akan pergi lagi ke pusat-pusat PLKN kerana lebih senang untuk berkhidmat dalam aktiviti masyarakat ini,

Yang keduanya, kalaulah akta ini diluluskan nanti, bagaimana kita hendak melaksanakan khidmat masyarakat ini. Adakah akan dilaksanakan di pusat itu juga ataupun terpaksa menubuh badan lain untuk melaksanakan aktiviti ini. Kalau begitu kesudahannya perbelanjaan untuk tujuan ini akan menjadi lebih besar dan berganda lagi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya silakan.

**2.40 ptg.**

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merujuk kepada seksyen 18 dan 19 di mana hukuman khidmat masyarakat diberikan.

■ 1440

Saya bercadang jikalau boleh memberikan lebih *depression* kepada mahkamah dan untuk memberikan pengecualian, kerana bukan semua yang tidak dapat menjalani Latihan Khidmat Negara ada niat membuat jenayah. Ada juga mereka yang tidak mampu oleh sebab..., di dalam beberapa kes di mana mereka bekerja mencari rezeki dan tidak mampu pergi ke Latihan Khidmat Negara selama tiga bulan.

Ini memberikan lebih kuasa kepada mahkamah untuk menentukan adakah sepatutnya mereka didenda dengan penalti walaupun ini khidmat masyarakat atau memberikan amaran dan sebagainya, dan juga di seksyen 19 di mana tiap-tiap orang yang sedang menjalani Latihan Khidmat Negara yang memujuk..., dan ikhtiar untuk memujuk mendapat atau cuba untuk mendapatkan mana-mana orang lain yang sedang menjalani Latihan Khidmat Negara supaya tidak hadir tanpa kebenaran juga menjadi satu kesalahan.

Ini juga hendak dikaji semula kerana ada kemungkinan ini juga tidak sepatutnya menjadi satu jenayah. Kita hendak tengok, berikan kuasa kepada mahkamah untuk mengambil kira fakta-fakta yang lebih luas supaya ada keadilan kerana kita di dalam dewan ini, walaupun diberikan mandat untuk meluluskan undang-undang. Kita hendak membuat dengan cara yang adil dan bermoral.

Terdapat beberapa kes di mana, abang telah mati dalam latihan dan keluarga bimbang tentang risiko kepada anak perempuan dan meminta pengecualian. Ini adalah alasan yang munasabah tetapi tidak ada undang-undang diadakan yang memberikan fleksibiliti ini. Saya minta kalau boleh diberikan pengecualian untuk kes-kes di mana munasabah mereka tidak dapat menjalankan latihan. Sekian, terima kasih.

**2.43 ptg.**

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Berkenaan dengan seksyen 18, saya mahu kemukakan satu kes yang baru datang ke saya di Sungai Siput di mana orang yang dipilih adalah anak sulung kepada seorang ibu tunggal. Oleh sebab bapanya sudah meninggal dunia, dia sudah mula kerja sekarang dan jika dia pergi untuk tiga bulan untuk Latihan Khidmat Negara, ada kemungkinan besar bayaran rumah yang dibeli oleh bapa dia tapi belum habis bayar akan ditarik balik oleh bank.

Untuk kes macam ini, di mana ada satu isu ekonomi oleh sebab kemiskinan keluarga, mesti diberi kelonggaran. Jadi itu saya harap ada ruang macam ini untuk kanak-kanak daripada keluarga yang miskin dikecualikan kerana masalah ini. Terima kasih.

**2.44 ptg.**

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang subseksyen 18(i). Tadi berapa contoh yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Semasa perbincangan saya ada minta adakah kementerian akan tubuhkan satu Jawatankuasa Penilaian tentang permohonan atau apakah syarat-syarat pengecualian yang peserta ini boleh dikecualikan untuk menjalankan latihan ini. Jika kita ada satu syarat-syarat pengecualian yang amat jelas supaya dalam keadaan-keadaan tertentu, peserta boleh dikecualikan.

Maka saya anggap bahawa jawatankuasa boleh nilai tentang permohonan mereka adakah perlu diberikan mereka peluang untuk dikecualikan atau ditangguhkan pada masa yang lain? Sebab itu..., pada masa sekarang sebab mereka anggap tiada peluang untuk mereka dikecualikan, sebab itu mereka tidak buat permohonan dan mereka langsung tidak menghubungi dan tidak turut serta. Sebab itu jawatankuasa ini amat penting. Harap kementerian boleh ambil perhatian.

**2.46 ptg.**

**Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pindaan seksyen 28 dan seksyen 31. Nampaknya ini semua menyentuh mengenai kesalahan-kesalahan tapi tidak ada seksyen yang menentukan..., bertanggungjawab dan juga memberi satu perlindungan kepada pelatih-pelatih ini. Contohnya kalau terjadi kesalahan ini, dia diberi penalti, tapi bagaimana dengan perlindungan mereka? Apakah perlindungan itu tidak perlu? So, ini yang saya rasa kita minta penjelasan supaya perlindungan tu harus juga dinyatakan di sini. Terima kasih.

**2.47 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad Kasim [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada seksyen 2 berkaitan dengan soal takrifan kepada khidmat masyarakat supaya seperti mana pandangan di peringkat dasar tadi supaya pihak kementerian memberikan senarai yang spesifik apakah yang dimaksudkan..., bukan secara umum.

Akan tetapi tugas secara spesifik, senarai panjang, kerja-kerja yang hendak dilakukan di bawah khidmat masyarakat ini supaya tidak ada satu diskriminasi. Bermakna kalau pelajar ataupun peserta-peserta PLKN ini melanggar peraturan ini, hanya senarai ini sahajalah yang boleh dikenakan tindakan kepada mereka dalam definisi khidmat masyarakat. Jadi ini lebih memberikan keadilan kepada mereka.

Keduanya, kalau kita merujuk kepada tempoh mereka yang hadir dalam khidmat masyarakat dengan..., di bawah perkara (b) iaitu 240 jam jumlah agregat. Kalau kita bahagikan dengan lapan jam bekerja sehari, bermakna tempoh yang mereka melakukan khidmat masyarakat hanyalah 30 hari berbanding dengan mereka tidak hadir. Oleh sebab itu mereka mempunyai dua pilihan sama ada mereka tidak hadir dan mereka sanggup menerima denda ini dengan hanya melakukan 30 hari. Berbanding dengan mereka hadir di dalam PLKN yang mereka terpaksa mengikuti lebih daripada 30 hari.

Jadi ini memberikan satu *advantage* kepada mereka untuk dikecualikan. Jadi oleh sebab itu mereka akan membuat pilihan. Mungkin lebih baik lagi mereka tidak hadir kerana mereka sanggup menjalani denda 240 jam dengan jumlahnya hanyalah 30 hari dan mungkin diberi kawalan yang lebih baik dan sebagainya, jadi mereka buat pilihan. Jadi saya rasa pihak kementerian perlu mengkaji semula tentang perkara tersebut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, kalau tidak ada, sila Menteri.

#### **2.49 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan pengerusi. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang membahaskan dalam fasal-fasal yang dinyatakan. Elok saya nyatakan di sini bahawa bilangan pelatih yang gagal untuk hadir ke..., tanpa mendapat kelulusan penangguhan daripada Jabatan Latihan Khidmat Negara daripada 2004 agak *detail* tetapi bilangan ini, daripada tahun 2004 hingga 2008 merangkumi etnik bumiputera, etnik cina, dan etnik India makin meningkat.

Walau bagaimanapun, hanya tiga kes sahaja. Ahli-ahli Yang Berhormat pun dah nyatakan terutamanya, Yang Berhormat Batu Gajah. Hanya tiga kes sahaja yang di bawa kepada mahkamah dan menerima hukuman, menjelaskan hukuman dan kemudian menjalani latihan tersebut selepas mereka didapati bersalah oleh mahkamah.

#### **■ 1450**

Jadi, niat seksyen 18 dan semua seksyen lain adalah semata-mata untuk menyedarkan dan meringankan persepsi hukuman penjara dan denda kepada mana-mana pelatih yang ingkar atau yang tidak mendapat kebenaran daripada jabatan untuk penangguhan mahupun pengecualian. Namun perlu saya nyatakan, walaupun hukuman khidmat masyarakat ini berjalan, mereka yang dalam kategori penangguhan masih lagi wajib menjalani Program Latihan Khidmat Negara selama 85 hari itu seperti biasa.

Jadi, sama ada denda atau penjara sekarang ditukar kepada khidmat negara. Program Latihan Khidmat Negara itu masih perlu dipenuhi oleh pelatih-pelatih. Jadi, seperti saya nyatakan, roh dan semangat kenapa kita menukar denda dan penjara atau kedua-duanya sekali adalah kerana kita berniat ikhlas. Kita tidak mahu menjadi satu titik hitam kepada mana-mana pelatih bila mereka tidak menjalankan latihan ini, mereka dipenjarakan pada peringkat yang begitu muda. Jadi niat kita ikhlas. Ekoran daripada itu, kita ganti kepada khidmat masyarakat dan khidmat masyarakat ini waktu mula-mula undang-undang ini digubal pada tahun 2003, Peraturan Akta Kanun Tatacara Jenayah, Perkara Akta 593 masa itu belum dikuatkuasakan. Hanya selepas pindaan yang dibuat pada 2007 baru dikuatkuasakan dan jabatan yang menguatkuasakannya adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Maka, saya dimaklumkan oleh jabatan bahawa bila Kanun Tatacara ini dikuatkuasakan, walaupun tidak ada mana-mana pelatih PLKN yang dikategorikan untuk menjalankan khidmat, tetapi sepanjang tahun lepas dengan berkuat kuasanya pindaan ini, dengan takrifan khidmat masyarakat yang saya nyatakan semasa di peringkat dasar, didapati bahawa aktiviti yang dijalankan adalah pemuliharaan bangunan, landskap, penyediaan makanan kepada penghuni-penghuni institusi, penyelenggaraan surau, pengurusan diri, penghuni institusi menguruskan jenazah, menguruskan tempat riadah, mencuci pakaian penghuni institusi, penyelenggaraan taman-taman bunga serta tanam-tanaman sekitar institusi dengan izin, *house keeping* dan mengikuti kem-kem jati diri.

Kami amat berharap dengan adanya rangkaian dan jaringan di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dengan adanya program yang tersusun rapi, saya pasti tujuan untuk kita memastikan mereka yang didapati bersalah oleh kerana tidak mahu melibatkan diri dalam Latihan Khidmat Negara ini memberi satu pengajaran, kaunseling dan ia bukanlah berbentuk hukuman yang boleh mewarnakan sejarah hidup mereka. Jadi niat kita ikhlas. Sudah pasti saya memohon Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyokong pindaan-pindaan tersebut. Yang Berhormat daripada...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri telah berulang kali mengatakan bahawa kerajaan telah ikhlas. Ia bukan berbentuk satu hukuman dengan pindaan ini di bawah seksyen 18(1). Jadi saya hendak tahu apakah rekod dalam mahkamah jika seseorang pelatih dijatuhkan hukuman di bawah seksyen 18(1). Saya telah mendapat nasihat daripada seorang peguam memaklumkan bahawa ia adalah berupa rekod jenayah jika di bawah seksyen 18(1) walaupun ia bermaksud untuk menghukum mereka menjalankan khidmat masyarakat. Jadi inilah kerisauannya.

Yang Berhormat Timbalan Menteri berulang kali mengatakan tidak mahu meninggalkan titik hitam dan ikhlas. Namun bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan apakah bentuk catatan rekod dalam mahkamah kalau dijatuhkan bersalah di bawah seksyen 18(1). Satu

kerisauan yang kita tidak boleh ketepikan ialah apakah pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat boleh menjalankan beban tugas yang begitu berat ini sebab pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sudah ada banyak tanggungjawab yang lain.

Kita tengok Projek Cari. Mereka pun tidak mempunyai pegawai yang mencukupi. Jadi apabila kerajaan meng *enforce* kan menguatkuasakan seksyen 18(1), ia melibatkan pegawai polis pergi mencari orang, kemudian AG untuk membuat tuduhan, pergi ke mahkamah dan Jabatan Kebajikan untuk melaksanakan hukuman itu. Jadi itu kerisauannya. Akhirnya saya hendak tanya sama ada tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada beri angka berapakah berapa sehingga hari ini belum melaporkan diri tanpa kebenaran untuk penangguhan. Saya rasa beribu-ribu orang. Jadi dengan penguatkuasaan ini, itulah kerisauan saya di mana Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mungkin tidak dapat melaksanakannya juga. Sebab itulah saya hendak ulangi dan tidak rugi kalau kerajaan tangguhkan lagi PLKN.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Tidak apalah, Yang Berhormat.

**Tuan M. Manogaran [Telok Intan]:** Sambung soalan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin tahu dalam seksyen ini sebelum pindaan ini dibawa. Berapakah angka atau jumlah pelatih-pelatih yang dihukum di mahkamah yang ingkar hadir di projek tersebut. Berapakah jumlah sehingga hari ini sejak tahun 2004? Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Yang Berhormat tidak masuk lagilah semasa saya terangkan tadi. Tiga orang sahaja yang kita bawa ke mahkamah dan kita dakwa. Ketiga-tiga orang ini pun sudah bayar denda dan sudah pun menjalani Latihan Khidmat Negara. Saya begitu prihatin tentang apa yang Ahli Yang Berhormat Batu Gajah nyatakan. Ahli Yang Berhormat menyatakan rasa kebimbangan sebab undang-undang ini belum lagi diluluskan. Kita sudah ada Kanun Tatacara Jenayah Khidmat Masyarakat dan sudah pun dijalankan oleh Jabatan Kebajikan dengan begitu baik. Sebab itu kita buat pertukaran itu sekarang. Kalau infrastrukturnya tidak baik, mustahil kita *proceed*, dengan izin, mengubah daripada hukuman denda kepada hukuman khidmat masyarakat.

Yang Berhormat, saya doakanlah Ahli Yang Berhormat supaya terbuka hati Ahli Yang Berhormat supaya menerima cadangan ini dengan berlapang dada dan terbuka. Dalam mana-mana peraturan dan perundangan, oleh kerana dia wajib, mengikut akta ini wajib, maka perlu ada elemen-elemen hukuman. Kalau tidak ada elemen-elemen hukuman, orang yang membuat salah akan terlepas.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri habis. Duduk. Nanti saya jemput Ahli Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Jadi, sewaktu kita gubal dulu, kita rasa denda RM3000 atau penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali adalah sesuai pada ketika itu.

■ 1500

Akan tetapi bila sudah kita menjalani, pengalaman-pengalaman kita selama lima tahun di dapati bahawa mereka-mereka yang lari semua itu sikit sangat. Mereka yang menanggungkan itu mungkin ramai. Akan tetapi dia kena juga buat khidmat tersebut. Saya bagi contoh tahun 2004 hingga 2009, bumiputera yang menanggungkan lelaki semua kali sejak lima tahun itu 8,408. Bumiputera perempuan ada 10,397. Etnik Cina lelaki 19,429. Etnik Cina perempuan daripada 2004 hingga 2009 18,657. Etnik India lelaki 2,988.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** [*Bangun*]

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Yang Berhormat Selayang duduklah.

**Tuan Pengerusi:** Duduk, duduk. Nanti saya jemput.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** India 3,173 menjadikan selama lima tahun 63,549. Akan tetapi ada sebab-sebab dia mengapa mereka tidak dapat bersama-sama menyertai PLKN. Bukan kerana saja-saja mereka memberikan alasan kerana bawah seksyen 18 dan 20 pengecualian dan juga penangguhan ada sebab-sebab dia kerana kita dapati bahawa ramai etnik Cina dia sudah *moved*.

Jadi bila kita hantar surat bagi penyertaan kursus tersebut, 18 tahun itu mereka tingkatan 5. Jadi mereka masih berada di sekolah. Jadi bolehlah tangguh, tidak ada masalah. Dalam kes-kes tertentu ada juga pengecualian. Jadi Yang Berhormat Kota Melaka berkata adakan, wujudkan jawatankuasa. Sebenarnya kita amat *transparent*, amat telus kerana sewaktu undang-undang ini dibentangkan pada 2003 janji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pada ketika itu Menteri Pertahanan, kita ada objektif, tujuan yang tertentu dan dia berlapang dada untuk berbincang. Jadi sebagai contoh pengecualian bakal-bakal pelatih selain daripada isu kesihatan.

Macam tadi Yang Berhormat Pendang cakap dia 120 kilogram, saya 70 kilogram sahaja. Jadi bayangkan 120 kilogram itu memang seksalah hendak bawa diri dia. Jadi ada elemen kesihatan. Bolehlah walaupun pegawai perubatan kerajaan di sahkan. Akan tetapi hal-hal pengecualian adalah hal-hal yang ada pada Menteri. Jadi saya bacakanlah pengecualian yang boleh diluluskan, orang yang bercelaru mental, tidak ada dalam Dewan inilah. Orang yang diperakukan oleh Pegawai Perubatan kerajaan, orang yang menjalani hukuman pemenjaraan, orang yang menjadi tahanan pencegahan, orang yang menjalani rawatan dan pemulihan dadah, orang yang menjalani tahanan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 ataupun orang yang mengikuti program sepenuh masa di institusi seperti Angkatan Tentera, PDRM, Pasukan Bomba

Penyelamat dan Jabatan Penjara Malaysia. Akhir sekali, wanita yang mempunyai anak kandung. Ini boleh dikecualikan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kuala Kedah berkata subseksyen 18(2) memperuntukkan bahawa jika sabitkan tidak menghadiri Khidmat Latihan Negara mengikut tafsiran beliau Khidmat Masyarakat itu 240 jam, itu maksimum Yang Berhormat. Maksimum boleh hukum tapi terpulanglah pada hakim. Kalau hakim kata 10 jam sahaja, hakim baik dia rasa sebab dan musabab yang dihujahkan sewaktu dalam mahkamah itu bagus maka dia bagi 10 jam. Kita bukan pentingkan jam, yang kita pentingkan adalah kesedaran. Dalam masa 10 jam itu dia boleh dapat kesedaran. Malah dalam 10 jam itu kita boleh mengadakan kaunseling.

Tidak semestinya kita hendak 'dera' dia Tuan Pengerusi untuk dia lakukan kerja-kerja khidmat masyarakat yang berat. Pada pendapat kami jam itu tidak penting. Akan tetapi yang paling penting ada nilai kesedaran supaya dengan niat itu sekali lagi kerajaan tidak menghitamkan rekod hidup generasi muda ini. Sekian.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Sila. Saya *promise* Yang Berhormat Selayang. Yang Berhormat Selayang dulu.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih. Tadi Timbalan Menteri mengatakan tiga orang itu telah di *charged*. Mengikut laporan Ketua Audit Negara kedudukan pada 13 Disember 2007 selain daripada tiga kes yang di *charged* dan dituduh ada 3,856 kes yang masih dalam penyiasatan. 751 kes dalam proses merujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya. Adakah kes-kes ini akan dilaksanakan kalau pindaan ini diluluskan?

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Itu kita serah kepada pihak AG kerana kita maklum bahawa salah satu sebab kenapa kita tidak dapat hendak sampai surat, pemberitahuan itu kerana alamat yang dibekalkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara itu adalah alamat yang dululah. Jadi surat itu tidak sampai dan hendak cari beribu-ribu orang di kalangan 20 juta rakyat Malaysia ini bukan mudah Yang Berhormat Selayang. Jadi kita serah kepada budi bicara. Selepas Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju akan dikuatkuasakan itu maka mereka akan tertakluk kepada kelulusan baru dalam fasal-fasal yang kita persetujui Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]:** Tuan Pengerusi, soalan pendek Tuan Pengerusi.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Penjelasan sedikit tentang.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat sudah habis berucap barangkali?

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusof [Balik Pulau]:** Sikit sahaja, boleh?

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya rasa sudah Tuan Pengerusi.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Tuan Pengerusi, tadi itu tentang.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya rasa cukup.

**Tuan Pengerusi:** Nanti dulu Yang Berhormat. Peraturan mesyuarat kita, apabila Menteri sudah duduk yang sebenarnya sudah habis. Maka tak ada lagi penjelasan.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Sebab tadi saya tidak mahu ganggu.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya tengok Yang Berhormat Batu Gajah pun sudah boleh sembang, maknanya dia sudah puas hatilah itu. Kalau dia masih duduk, dia bangun tanya itu.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Mahu jawab lagi atau tidak

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Amat penting.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Kota Melaka.

**Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]:** Yang Berhormat bukan tadi, terima kasih Tuan Pengerusi. Tadi dalam keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri ada katakana ada jugalah syarat-syarat untuk pengecualian. Salah satu iaitu *recommend doctor*. Saya dapat dari borang-borang yang doktor kena penuhi dia ada jenis penyakit yang boleh *recommend*.

#### ■1510

Saya hendak minta Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab saya dapati asma itu tidak dalam jenis penyakit yang boleh diambil kira dan kita pun tahu bahawa pesakit asma ini ada dapat rawatan tradisional sebab amat susah. Sungguhpun mengikut doktor dalam kem ini dia akan bagikan satu teks supaya dia tidak jalankan *exercise* yang berat tetapi amat segan juga untuk peserta jika orang lain jalankan *exercise* itu dan dia dikecualikan kerana dia pun tidak anggap itu. Ini disebabkan membahayakan diri sendiri dan ini juga membimbangkan ibu bapa sebab adakah asma itu boleh dimasukkan dalam salah satu...

**Tuan Pengerusi:** Okey terima kasih. Yang Berhormat Balik Pulau. Penghabisan Yang Berhormat Balik Pulau selepas itu Yang Berhormat Menteri hendak jawab.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Ya sedikit sahaja. Okey, saya sebenarnya walaupun saya tidak setuju rejim perundangan digunakan dalam aspek pendidikan, saya tidak setuju kerana sekarang ini Akta Latihan Khidmat Negara adalah bersifat punitif dari aspek perundangan dan pendidikan yang mana bagi saya anti kepada pendidikan tetapi hendak buat macam mana benda sudah dipersetujui kerana itu semua indoktrinasi ialah anti pendidikan. Akan tetapi soalan saya, penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bukan tidak yakin dengan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang

hebat saya yakin tetapi bolehkah untuk keyakinan semua orang membentangkan satu kajian yang profesional, yang objektif bahawa di dalam menilai kejayaan atau pun kegagalan program ini yang telah berlangsung selama lima tahun kerana saya tanya teman saya tadi, adakah kertas itu atau kajian saintifik boleh diberikan kepada semua Ahli Parlimen untuk saya meyakinkan orang Balik Pulau bahawa program ini bagus. Mohon penjelasan.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Itulah. Ini duduk luar sahaja. Kalau dia datang daripada pagi tadi, semalam saya sudah cakap. Kajian memang hendak dibuat, arahan Kabinet selepas lima tahun. Kajian dalaman yang dibuat oleh jabatan saya sudah bentangkan tadi. Memang berjaya tetapi Yang Berhormat Menteri dan saya juga kata tidak bolehlah. Kita tidak boleh syok sendiri. Kita buat soalan semua. Jadi kita kena panggil *researcher* dan juga juru perunding yang bebas untuk menilai kembali semua aspek Yang Berhormat 21 orang tadi nyatakan.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, maksudnya belum dibuatkah? Hendak kepastian. Belum dibuat kah kajian itu?

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Arahan Kabinet selepas lima tahun, baru kita buat.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Belum dibuat lagilah?

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Ya.

**Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]:** Okey. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** Jadi kita sudah pun berbincang di peringkat majlis supaya *frame work* sebab bila hendak buat kajian mesti ada *frame work*, strategi-strategi yang perlu kita penuhi sejajar dengan objektif dan tujuan asal Khidmat Negara itu dilakukan. Jadi bila sudah siap nanti kita akan bentang, Yang Berhormat Balik Pulau. Jangan bimbang. Mengenai kes...

**Seorang Ahli:** Asma.

**Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad:** ...Bilangan penyakit, Yang Berhormat Kota Melaka, yang saya ingat ada 32 penyakit yang telah pun dikategorikan sebagai yang boleh disahkan dikecualikan. Jadi kalau asma tidak tergolong dan asma ini adalah *debatable*. Ada pakar asma kata boleh tidak ada hal, dia mesti ada rejim-rejim kriteria rawatan-rawatan yang perlu diperoleh. Ada juga yang kata pakar pernafasan kata kalau dia tidak *exercise* dia kena asma, ada juga. Jadi *there are exercises induce* asma. Jadi perkara-perkara ini boleh kita pertimbangkan supaya apa juga penyakit-penyakit yang dirasakan perlu kita boleh masukkan dalam *index* bukan 32 mungkin 33, 34 ya. Apa pun ini mestilah diperbincangkan oleh pakar Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**Fasal-fasal 1 hingga 7** diperintah jadi sebahagian daripada rang undang-undang. Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA HASIL DALAM  
NEGERI MALAYSIA (PINDAAN) 2008****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**3.15 ptg.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua saya memohon untuk membentangkan Rang Undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. Di dalam menjalankan peranan dan fungsinya, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia selepas ini dirujuk sebagai LHDNM berpandu kepada peruntukan prosiding lembaga seperti mana yang terkandung di dalam Jadual Pertama Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia iaitu Akta 533. Sebagai langkah penambahbaikan dan bagi mempermudah lagi perjalanan prosiding LHDNM, beberapa pindaan adalah dicadangkan khususnya yang berkaitan dengan tatacara mesyuarat lembaga. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan sekarang bagi sub perenggan 1(i) jadual pertama Akta 533 menghendaki mesyuarat lembaga LHDNM diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan. Adalah dicadangkan bahawa mesyuarat lembaga LHDNM diadakan dalam tempoh sekali dalam tiap-tiap dua bulan. Ini adalah kerana ahli lembaga seperti diperuntukkan dalam Seksyen 6(1) Akta 533 tersebut yang mewakili sebagai sektor teknikal yang bertanggungjawab maaf mewakili sebagai sektor terikat dengan tanggungjawab dan komitmen di jabatan atau pun organisasi masing-masing.

Mereka adalah terdiri daripada:

- (i) Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai Pengerusi Lembaga;
- (ii) Peguam Negara atau pun wakilnya;
- (iii) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam atau wakilnya; dan
- (iv) tidak lebih daripada dua orang lain selaku wakil kerajaan yang hendaklah dilantik oleh Menteri dan tidak lebih dua orang lain yang dikehendaki dilantik oleh Menteri sendiri.

Adalah diharapkan dengan pindaan ini, ketidakhadiran mana-mana ahli lembaga dapat dielakkan dan mesyuarat lembaga LHDNM tidak tertangguh. Selain daripada itu, suatu peruntukan baru iaitu perenggan 4A diperkenalkan dengan Jadual Pertama Akta 533 tersebut

untuk membolehkan ahli lembaga meluluskan sesuatu ketetapan tanpa bermesyuarat tetapi melalui resolusi sekular.

Seterusnya pindaan kepada perenggan lima Jadual Pertama Akta 533 dibuat mengenai kesahan prosiding lembaga yang mana adalah merupakan penambahbaikan kepada peruntukan yang sedia ada pada masa sekarang. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang ini mengandungi dua fasal secara terperinci Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008 memperuntukkan seperti berikut:

Fasal pertama memperuntukkan tajuk ringkas dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh kuat kuasa peruntukan dalam Rang Undang-undang melalui warta. Fasal kedua mengandungi pindaan yang dicadangkan iaitu Jadual Pertama pindaan kepada sub perenggan 1(1) bertujuan untuk membenarkan lembaga bermesyuarat sekali dalam tiap-tiap dua bulan berbanding dengan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan sebagaimana yang dikehendaki oleh peruntukan yang sedia ada. Perenggan baru 4A bertujuan untuk membolehkan lembaga meluluskan ketetapan tanpa bermesyuarat manakala pindaan kepada perenggan lima bertujuan untuk menambahbaik lagi peruntukan mengenai kesahan prosiding lembaga.

Tuan Yang di-Pertua saya dengan ini memohon supaya Rang Undang-undang Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008 seperti dijelaskan diluluskan oleh Dewan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa yang sokong?

**Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Puan Noriah Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

■1520

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama satu akta untuk meminda satu Akta Lembaga Dalam Negeri 1995 dibacakan untuk kali yang kedua dan sekarang terbuka untuk dibahas. Sila, Yang Berhormat Permatang Pauh.

**3.21 ptg.**

**Datuk Seri Anwar Ibrahim [Permatang Pauh]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mengatakan sokongan terhadap pindaan beberapa peruntukan, tetapi juga menjelaskan bahawa terdapat kekurangan yang harus diberikan perhatian. Ini kerana pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995, patut mengambil kesempatan, mengambil kira keadaan kegawatan ekonomi dan keperluan untuk meningkatkan usaha dan keberkesanan lembaga dalam mengutip cukai, terutama yang dianggap bocor. Tuan Yang di-Pertua, saya akui bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri merupakan di antara lembaga yang menyempurnakan tanggungjawab dengan membanggakan.

Status jabatan ini setelah menjadi lembaga, nyata lebih kemas dan kita lihat ada kemajuan dari sudut keupayaan mereka mendapatkan jumlah pendapatan negara yang

bertambah. Saya ingin juga menekankan di sini bahawa masalah yang di hadapi masih banyak iaitu tentang kegagalan kita menangani satu masalah yang besar, yang dikaitkan dengan ekonomi yang tidak formal. Sepatutnya, dalam pindaan ini, kementerian mengambil kira bagaimana hal ini boleh diselesaikan.

Saya ingin merujuk umpamanya, satu kajian yang terbaru dari Universiti New South Wales, bagaimana seorang pakar Jabatan Hasil Dalam Negeri, Najeeb Memon membangkitkan fokus tentang apa yang disebut beliau sebagai *presumptive income tax*, iaitu melaksana taksiran kutipan cukai dalam ekonomi yang tidak formal atau ekonomi bawah tanah yang berleluasa di negara berkembang. Sepatutnya Malaysia dapat atasi masalah ini dari semasa ke semasa walaupun hal ini sudah ada, dan menjangkau selama puluhan tahun. Seperti mana yang kita faham, ada yang menganggap bahawa transaksi tunai di negara kita, yang di bawah kategori cukai tidak formal, kegiatan ekonomi tidak formal ini, menjangkau sehingga 40%, ini yang dianggap ekonomi bawah tanah. Ekonomi ini termasuklah kegiatan perjudian yang tidak berlesen.

Istilah kerajaan perjudian tidak lesen dikata perjudian haram. Saya tidak tahu kalau ada perjudian halal. Jadi sebab itu, saya cadangkan Timbalan Menteri ambil perhatian. Untuk memahami, bukan sahaja pemahaman Islam, tetapi juga pemahaman semua agama. Ada perjudian berlesen, ada perjudian tidak berlesen. Bukan perjudian halal dan perjudian haram. Akan tetapi, perjudian ini besar dan malangnya Lembaga Hasil Dalam Negeri sukar untuk mengambil tindakan. Apatah lagi, sekiranya kegiatan ini bersekongkol dengan beberapa kalangan bidang penguatkuasaan, termasuk polis. Saya tidak mahu Timbalan Menteri, menjawab mengatakan ini tidak berlaku. Dari maklumat saya sendiri selaku Menteri ketika itu, perkara ini telah dibangkit dan berbangkit di sebuah negeri melibatkan peringkat atasan dan ada usaha untuk menyasat dan mengambil tindakan walaupun tidak sepenuhnya berhasil.

Ini juga termasuk selain daripada perjudian haram, pelacuran, tempat hiburan haram, pengedaran dadah, penyeludupan, kecurian hasil negara seperti balak, pasir dan sebagainya. Jumlah ini ditaksirkan, menelan, menjangkau lebih dari puluhan bilion ringgit. Apakah cara dan saya kita tangani masalah ini. Saya percaya dengan kepakaran dan komitmen yang ada, di kalangan sebahagian pegawai-pegawai kanan Lembaga Hasil Dalam Negeri, mereka harus diberikan tugas untuk mengenal pasti berdasarkan pengalaman beberapa negara lain menangani masalah ini kerana jika tidak perkara ini akan menjadi satu besar kerana kebocoran dalam sistem yang berlaku sekarang ini.

Menteri Kewangan baru-baru ini, pertama kalinya menyebut bahawa ekonomi negara mengucup lebih dari enam peratus negatif, lima, enam peratus. Ini satu pengakuan, yang berani, tetapi tentunya agak terlambat kerana ini, setelah dinyatakan oleh pakar-pakar ekonomi beberapa bulan yang lalu, tetapi kita dalam keadaan *denial*. Sebab itu, kita lihat ada beberapa kenyataan, sebab saya mencadangkan tugas ini dikendali oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri

ialah kerana kenyataan pimpinan negara termasuk Menteri berkenaan mengutip pandangan pakar ekonomi dunia Edward Prescott yang mengatakan dengan izin, sudah sampai waktunya negara-negara berkembang termasuk Malaysia *to move its economy from a middle income to a high income model*. Mengangkat kekuatan ekonomi dari kedudukan sederhana ke peringkat lebih tinggi juga melibatkan kecekapan dan ketelusan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Ini kerana pendapatan negara tentunya akan terjejas dengan banyak tanpa beberapa langkah yang lebih inovatif dalam mengambil, dalam menghadapi masalah tersebut. Ini berkaitan tentunya dan saya tidak bermaksud mengulang panjang kerana mengikut transparansi indeks, masalah kita masih lagi berat. Kita masih lagi di tangga yang ke 58 dari sudut ketelusan, dan kebebasan menyalurkan maklumat. Transparansi indeks di tangga 58, lebih tercorot dari Indonesia, Vietnam, Filipina dan Thailand dengan markah 35%.

Satu perkara yang lain berdasarkan maklumat yang saya peroleh dari dulu ialah kesukaran Lembaga Hasil Dalam Negeri mengutip cukai dari tokoh-tokoh dan korporat besar. Oleh sebab itu, Lembaga Hasil Dalam Negeri ditubuhkan sejak dulu itu untuk memberikan mereka mandat dan kekuatan supaya lebih bebas dan tidak terikat dengan pengawasan politik yang berlebihan. Ini adalah kerana didapati mereka agak lebih sederhana sikapnya dalam menghadapi tokoh-tokoh besar yang cukup berpengaruh, yang untung tercatat berbilion ringgit tetapi kadang-kadang ada tindakan yang di anggap yang ditafsirkan sebagai kurang sihat bila mereka mengambil kesempatan menekan kalangan bawahan termasuk rakan-rakan dari parti politik yang berbeza.

Saya harap perkara ini tidak berlaku kerana saya mewakili pandangan walaupun selaku Ketua Pembangkang memberikan pengiktirafan dan penghormatan atas khidmat Lembaga Hasil Dalam Negeri yang cemerlang selama ini. Saya harap dalam keadaan ekonomi yang gawat ini, semata-mata untuk menambahkan dana daripada untuk kerajaan untuk kepentingan negara, janganlah kita terlalu menekan sehingga di anggap membebankan rakyat di peringkat rendah dan peniaga-peniaga kecil kita berikan sedikit kelonggaran. Yang di-Pertua, undang-undang lembaga setakat ingatan saya itu memberikan ruang, skop dan keluwesan fleksibiliti yang cukup baik untuk pegawai-pegawai kanan lembaga memberi pertimbangan kerana maksud kita ialah mengutip cukai, bukan mendera orang yang lambat atau minta menanggungkan pembayaran.

■1530

Jadi harus adil, tetapi juga harus telus dan berikan ruang yang cukup supaya hasil boleh dikumpulkan, tetapi tidak dengan maksud merosakkan atau mendera sehingga terjejas ekonomi mereka. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**3.31 ptg.**

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam pemindaan dalam Akta Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)

***mempengerusikan Mesyuarat***

Seperti yang dikatakan bahawa tujuannya ialah untuk mengutip hasil, tetapi saya rasa dalam keadaan politik yang telah berubah di dalam Malaysia ini, saya rasa yang perlu dipertimbangkan ialah juga caranya ia diagihkan kepada negeri-negeri kerana dahulunya semua kerajaan negeri adalah sama dengan Kerajaan Persekutuan.

Jadi tidak ada masalah untuk mengagihkan semua hasil ini. Semua negeri juga menyumbang kepada hasil Persekutuan. *Income tax* kita semua adalah dikutip oleh Kerajaan Persekutuan. Selepas itu barulah diagihkan kepada negeri-negeri. Jadi ada tanda-tanda menunjukkan bahawa pengagihan ini kadang-kadang berasaskan persefahaman politik. Ada dikatakan bahawa kerana negeri Kelantan ia diperintah oleh kerajaan PAS. Jadi ada banyak hasil yang tidak melalui kerajaan negeri. Begitu juga ada tanda yang mengatakan bahawa ada projek-projek yang sebenarnya telah dirancang di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Akan tetapi kerana sekarang Pulau Pinang bukan di bawah perintah Barisan Nasional, jadi dia kata ada projek-projek yang telah diberhentikan. Saya rasa ini tidak boleh digunakan sebagai satu pertimbangan dalam pengagihan hasil kerana:

- (i) kerajaan yang dipilih oleh rakyat haruslah dihormati tidak kira kerajaan yang mana sama ada Pakatan ataupun Barisan Nasional kerana ini adalah hak rakyat untuk memilih;
- (ii) mereka yang menyumbangkan kepada hasil ini, cukai ini jadi rakyatlah yang harus menikmati pengagihan ini. Jadi projek yang memerlukan harus dilaksanakan.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta penjelasan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Yang Berhormat ada menyebut bahawa terdapat diskriminasi terhadap negeri-negeri di bawah pemerintahan Pakatan. Pengagihan dibuat berdasarkan kepada politik. Saya bersimpati dengan kenyataan itu. Walau bagaimanapun saya inginkan fakta daripada Yang Berhormat untuk menyokong tuduhan tersebut, tuduhan yang kalau tanpa fakta merupakan satu tohmahan kepada pihak Kerajaan Barisan Nasional.

Yang saya tahu ada beberapa projek tetap diteruskan umpamanya Jambatan Kedua Pulau Pinang. Bukankah telah diumumkan oleh kerajaan ia akan dilaksanakan, berapa bilion itu? Begitu juga ada projek lain pelancongan dan sebagainya pun diberi perhatian. Ada beberapa projek yang seperti *Pulau Pinang City Centre something like that* dengan izin, menghadapi masalah kerana Ketua Menteri Pulau Pinang mempunyai dasar-dasar ataupun membuat keputusan yang menyusahkan pelabur, pemaju untuk meneruskan projek mereka. Ini bukan salah Kerajaan Barisan Nasional.

Kalaupun hendak diberhentikan ianya adalah atas keputusan komersil daripada pihak syarikat swasta. Itu bukan bermaknanya perbuatan atau tindakan Kerajaan Barisan Nasional. Begitu juga di Kelantan walaupun Kelantan merupakan negeri yang tidak banyak menyumbang dari segi cukai, tidak banyak, industri tidak ada, perusahaan tidak ada, yang ada apa di Kelantan? Akan tetapi walaupun sedikit sumbangan cukai daripada negeri Kelantan, Kerajaan Barisan Nasional meneruskan projek-projek pembangunan pembinaan sekolah-sekolah, pembinaan pejabat-pejabat, itu dan ini banyak ratusan juta dicurahkan kepada negeri Kelantan berbanding dengan cukai tidak sampai puluhan juta. Apakah ini bukan merupakan satu pemberian, pengagihan yang adil lebih daripada adil sebenarnya. Jadi tuduhan perlu disampaikan dengan bukti-bukti dan fakta yang nyata.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Terima kasih.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Jadi ada penjelasan di sini. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya mintalah Yang Berhormat jawab bukan orang lain pula.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. *[Ketawa]* Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat. Sudah menjadi tanggungjawab kerajaan yang memerintah yang menerima cukai daripada rakyat di Kelantan supaya memberi hak kepada setiap rakyat yang memberi cukai termasuklah juga di negeri kami. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat bagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi tidak ada diskriminasi sedangkan pendaratan gas contohnya yang seharusnya didaratkan di Kelantan dilarikan ke Songkla, Thailand yang sudah tentu memberi keuntungan kepada rakyat asing.

Begitu juga dalam projek yang terbaru yang berlaku dalam kawasan saya sendiri, Projek Pakej Rangsangan Ekonomi melalui JPP, Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan yang mana projek ini ialah untuk membaik pulih longkang-longkang di sekitar Parlimen saya yang telah diminta kelulusan melalui pejabat daerah. Akan tetapi kelulusannya hanya diterima apabila ditandatangani oleh Ketua Bahagian UMNO, dan apabila Ketua Bahagian UMNO tidak mahu tandatangan dengan alasan projek tidak melalui dia, maka projek ini tidak dapat dilaksanakan sedangkan ini adalah keperluan rakyat. Saya minta pandangan apakah ini bukti tidak ada keadilan sedangkan rakyat Kelantan membayar cukai yang begitu banyak yang menyumbang kepada negara.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya. *[Ketawa]*

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh tambah sedikit, minta penjelasan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya jawab dulu ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Bagi dia jawab dahulu Yang Berhormat. Dengar dahulu.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya. Saya rasa...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yalah Yang Berhormat Bukit Mertajam boleh pindah sebelah sinilah jawab.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya. Saya hendak kata bahawa apa yang dikata oleh Yang Berhormat Pasir Salak telah dijawab oleh Yang Berhormat Rantau Panjang. Jadi tidak payah saya jawab apa-apalah. Saya yang akan tumpu kepada negeri Pulau Pinang sahaja. Yang saya hendak kata bahawa rakyat Pulau Pinang...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta penjelasan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Nanti-nanti.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk dulu Yang Berhormat, bila dia kata habis penjelasan. *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Rakyat Pulau Pinang merasa gembira bahawa mereka mempunyai kerajaan baru iaitu kerajaan negeri pakatan. Akan tetapi mereka pun sudah kekalkan Kerajaan Pusat adalah Barisan Nasional. Akan tetapi apa yang perlu diagihkan kepada Pulau Pinang perlulah diagihkan. Jadi yang katakan Projek Jambatan Kedua itu memang dahulu telah dirancang. Ia patutlah dilaksanakan, tetapi ia sudah dilambat-lambatkan kerana UEM tidak setuju dengan harganya. Jadi saya rasa ini...

**Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Patutlah diselesaikan dengan cepat supaya pembangunan di Pulau Pinang tidak mendatangkan kesan yang negatif.

**Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh [Putatan]:** Yang Berhormat, Putatan minta laluan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Rakyat Pulau Pinang pun merupakan rakyat Malaysia. Ini "Satu Malaysia". Sekiranya satu Malaysia ini adalah benar, jadi semua rakyat mesti dijaga. Ya, Yang Berhormat Putatan.

#### ■1540

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Saya amat tertarik dengan hujah Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soal pembahagian kesaksamaan ini harus difikirkan lebih mendalam. Kalau kita bagi bandingan pendapatan hasil cukai di negeri Sabah dan Sarawak dan kalau kita baca belanjawan kita, memang tidak adil kalau kita bandingkan dengan negeri-negeri yang kurang hasil pendapatan seperti Perlis, Kelantan.

Adakah Yang Berhormat bersetuju kerana penubuhan satu negara Malaysia ini memberi pembahagian yang secukup-cukup atau sama rata kepada semua rakyat majmuk negara ini.

Kalau Yang Berhormat sentuh soal pembangunan yang akan dilaksanakan di Pulau Pinang sahaja, sedarkah Yang Berhormat apa yang berlaku di negeri Sabah dan di Sarawak? Kalau tidak sedar saya fikir Yang Berhormat... *[Disampuk]*

**Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]:** Kami sedar. Yang Berhormat Putatan itu yang tidak sedar.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat Putatan sedar atau tidak. Yang Putatan masih dengan BN?

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ya. Cukuplah itu.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Kami memang sangat sedar. Itulah kami kata, kalau Pakatan yang memerintah Sarawak dan Sabah rakyat Sabah dan Sarawak akan dilayan dengan lebih adil.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta penjelasan.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Itulah kita katakan bahawa... Nanti.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Saya sudah nanti daripada tadi lagi, nanti.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Nanti, nanti.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Nanti, nanti. Sampai bila nanti?

**Seorang Ahli:** Habis.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Nantilah. *[Ketawa]* Itulah Yang Berhormat Putatan yang saya rasa yang saya wakili Bukit Mertajam dan Pulau Pinang, Putatan ialah mewakili di Sabah dan Sarawak dan ramai lagi yang mewakili Sabah dan Sarawak dan mereka selalunya di bawah Barisan Nasional. Jadi, kalau hendak salahkan tidak adil itu ialah Barisan Nasional yang tidak adil!

**Beberapa Ahli:** Ya.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini pun nampak ada diskriminasi juga. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Eh, dia patutlah lepas BN, Pakatan Rakyat. Ini adillah ini. Saya pun setuju sokong dengan apa yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam. Saya pun terkejut juga apabila dengar Yang Berhormat Putatan kata bahawa macam kita ini tidak sedar apa yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Saya rasa oleh sebab kita sedarlah apa yang berlaku di Sabah dan Sarawak yang kita bentuk Pakatan Rakyat untuk membantu rakyat di Sabah dan Sarawak yang telah lama terabai. Saya rasa mungkin Yang Berhormat Putatan yang tidak sedar-sedar ini.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Sila, sila duduk Yang Berhormat. [Ketawa] Dan begitu juga...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Itu dekat sangat Yang Berhormat. Saya ingat Yang Berhormat...

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...dan begitu juga saya hendak...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk Putatan, duduk.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Begitu juga tentang Kelantan ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Duduk Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya cukup kecewalah sikap yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak. BN ini macam ini ya, apabila orang dalam negeri itu tidak sokong dia, dia perlekehkan negeri itu. Saya dengar cara ucapan dia, apa ada pada Kelantan. Hakikatnya, negeri Kelantan dia berdikari dan keadaannya, dalam keadaan sekarang ini walaupun ianya dianaktirikan, ia dapat membangunkan negeri Kelantan dengan jayanya.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Tanpa bantuan daripada kerajaan Barisan Nasional?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tanpa. Satu layanan yang adil daripada Kerajaan Barisan Nasional. Barisan Nasional asyik berkata Kelantan apa ada? Tidak ada industri, tidak ada industri. Memanglah tidak ada industri kerana Barisan Nasional sekat! Betul tidak? Ini yang kita cukup geram ini dengan sikap Barisan Nasional. Dia yang menjadi punca, lepas itu dia perlekehkan. Macam UMNO lah, dia hendak ajak kita baik, lepas itu dia ketuk kepala. Ajak baik lepas itu ketuk kepala. Cakap fasal *unity government*, tetapi rampas kuasa di Perak. Lalu ini merupakan satu sikap...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Lepas itu bertanding kalah. [Ketawa]

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...yang memang tidak sesuai. Ya, apa dia? Apa dia?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bertanding kalah. [Ketawa]

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Bertanding kalah. Siapa yang takut bertanding, ya. Kalau di negeri Perak itu kita sudah minta bertanding. Akan tetapi, tidak mengapalah kita balik kepada soal Lembaga Hasil Dalam Negeri.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Bertanding Jawatankuasa Pusat PAS.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Orang PAS pun tidak terima. [Ketawa]

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Soalnya, apabila kerajaan sudah terima cukai, ia merupakan suatu amanah. Amanah ini perlu dilakukan, dijalankan tanpa

mengambil kira kepentingan politik. Inilah apa yang disampaikan oleh Pakatan Rakyat dan juga yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam. Terima kasih.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Ya. Saya rasa yang Kerajaan Pusat Barisan Nasional harus sedar bahawa di mana-mana satu negeri kalau mereka gagal dalam ekonomi, ia akan mendatangkan kesan kepada seluruh Malaysia dan bukan sahaja negeri itu, khasnya negeri Pulau Pinang kerana negeri Pulau Pinang merupakan satu ekonomi yang sangat penting kepada *northern region* di seluruh *northern region* Malaysia, kepada Perlis, kepada Kedah dan juga Perak. Jadi... dan di sebelah sana adalah Kelantan dan Terengganu.

Jadi, saya rasa adalah penting hasil itu mesti diagih dengan adil. *Specifically* yang saya hendak katakan bahawa berkenaan projek pembesaran Empangan Mengkuang di mana dia dekat di dalam kawasan saya dan juga dekat dengan Permatang Pauh. Kerajaan amat sedar dan...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat. Sebelum pergi ke Mengkuang, minta penjelasan sedikit. Tadi Yang Berhormat Shah Alam, sebelum terlanjur.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Tapi, tapi...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini soalan yang sedikit sahaja, sedikit sahaja. Oleh sebab Yang Berhormat menyentuh fasal Jambatan Kedua Pulau Pinang ini, saya tertarik...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Saya... nanti, nanti, nanti, nanti, nanti Yang Berhormat Putatan. Saya sokong...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ini bercanggah dengan ucapan Yang Berhormat tadi bahawa kerajaan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat...

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Nanti Yang Berhormat Putatan, saya akan bagi penjelasan nanti selepas saya habis ini.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Okey.

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Yang Berhormat Putatan, saya memang setuju dengan kerajaan sekiranya Kerajaan Barisan Nasional memberi peruntukan yang lebih besar kepada Sabah dan Sarawak. Sekiranya Pakatan menjadi Kerajaan Pusat kita akan bagi tetapi rakyat dan juga Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak mesti menolong diri sendiri juga, meminta...

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ya, setuju Yang Berhormat kalau betul-betul Yang Berhormat prihatin dengan negeri Sabah dan Sarawak bolehkah Yang Berhormat setuju supaya Kerajaan Barisan Nasional *scrap* jambatan kedua di Pulau Pinang, bawa duit itu kepada kedua-dua negeri ini. Setuju tidak?

**Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]:** Duduk, duduk, duduk Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kita tidak perlu memilih bahawa sama ada *we take away this and give yang scrap*, iaitu jambatan kedua dan beri kepada Sabah. Memang hasil kita ada cukup untuk Sabah dan juga untuk Pulau Pinang dan juga Perak dan Perlis sekiranya tidak ada *corruption* dan juga boleh mengagihkan dengan baik-baik, menggunakan sumber dengan cara yang baik, dengan cara yang berkesan. Jangan kita ada kroni dan hendak mengayakan sebilangan kecil sahaja sekiranya tidak ada *corruption*, sekiranya ada cara yang berkesan, kita ada cukup, hasil cukup. Kita memang kaya untuk semua.

Saya hanya hendak minta supaya kita teruskan pembesaran Empangan Mengkuang kerana air merupakan satu keperluan yang asas untuk semua rakyat tidak kira mereka adalah penyokong Barisan Nasional ataupun Pakatan. Mereka berhak untuk mendapat bekalan air pada tahun-tahun yang akan datang. Kerajaan yang bertanggungjawab mesti memastikan rakyat mendapat bekalan air pada masa yang akan datang.

Projek ini melibatkan pelaksanaan dua komponen utama, iaitu pembinaan empangan dan kerja-kerja aliran air mentah dengan stesen pam. Projek ini senang dilaksanakan secara... dahulu dia kata dia sudah mengambil alih tanah untuk melaksanakannya tetapi sekarang Kerajaan Pusat mengatakan tidak cukup wang peruntukan. Jadi, ia sudah dihentikan. Sekiranya ia dihentikan dan tidak sempat disiapkan pada tahun yang akan datang atau 2011, pembekalan air akan terjejas dan saya rasa ini bukan sebuah kerajaan yang bertanggungjawab sekiranya kita tidak mahu meneruskan projek ini hanya kerana Barisan Nasional bukan kerajaan di negeri Pulau Pinang.

■ 1550

Barisan Nasional mesti ingat bahawa mereka masih merupakan Kerajaan Pusat dan mereka yang kutip cukai daripada rakyat Pulau Pinang. Mereka mestilah terus dengan projek ini. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kota Belud.

**3.51 ptg.**

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil peranan dalam membahaskan pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995. Pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali dalam kegawatan ekonomi sekarang ini, saya rasa perlu bagi kerajaan untuk memantau perjalanan agensi-agensi yang penting dalam struktur kerajaan.

Terutamanya seperti agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, yang telah diberi tanggungjawab untuk mengutip hasil-hasil kerajaan. Bagi melonggarkan prosedur-prosedur mesyuarat Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, seolah-olah kerajaan terpaksa menyesuaikan

perjalanan mesyuarat, pentadbiran kerajaan dengan jadual ketat Ahli-ahli Lembaga Hasil Dalam Negeri ini.

Saya tidak berapa faham kerana apa yang diterangkan oleh Menteri tadi ialah untuk melonggarkan ataupun mengadakan mesyuarat sebanyak dua bulan sekali daripada satu bulan sekali. Saya rasa masanya tidak begitu sesuai Menteri untuk mengubah peraturan ini. Saya ingin bertanya kepada Menteri pertama sekali, akta ini digubal pada tahun 1995.

Apakah perjalanan mesyuarat sebelum ini telah dilakukan sebanyak sebulan sekali sejak tahun 1995? Itu soalan saya yang pertama. Kalau ianya berlaku sebulan sekali sejak tahun 1995, saya berpendapat masa sekarang ini bukan masa untuk mengubahnya. Malah kalau boleh mesyuarat ini mesti dilakukan lebih kerap lagi.

Dalam keadaan kita mahu menangani isu-isu ekonomi negara ini kita mahu Lembaga Hasil Dalam Negeri bermesyuarat seperti mana yang disarankan oleh Perdana Menteri. Supaya agensi-agensi kerajaan memantau pendapatan dan juga perbelanjaan kerajaan. Jadi untuk mengubahnya kepada dua bulan pada masa sekarang ini..., kegawatan ekonomi ini, agaknya tidak begitu bijaklah. Keduanya, Tuan Yang di-Pertua ialah tentang sebab yang disebut oleh Menteri tadi iaitu Ahli-ahli Lembaga Pengarah ini terlalu sibuk.

Jadi daripada kita melonggarkan Peraturan Mesyuarat ini, apa salahnya kita melantik alternatif Ahli Lembaga sepertimana yang kita lakukan dalam agensi-agensi ataupun syarikat-syarikat dan juga GLC yang lain. Di mana kita ada alternatif-alternatif *director* yang boleh menjalankan tugas-tugas *director* ataupun pengarah yang tidak datang, tidak sempat ataupun tidak mampu datang ke dalam mesyuarat yang dilakukan. Jadi ini amat penting kerana agensi ini begitu penting dalam struktur kerajaan dalam memantau *income* ataupun pendapatan negara...

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Penjelasan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Yang Berhormat Tuaran.

**Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]:** Terima kasih Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat. Selain daripada perkara Yang Berhormat Kota Belud sentuh mengenai dengan kekerapan, *the frequency of meeting* Lembaga ini daripada sekali sebulan kepada sekali dua bulan. Satu perkara yang saya dengar daripada penerangan Menteri tadi ialah cara untuk bermesyuarat iaitu dibenarkan mesyuarat ataupun persetujuan Mesyuarat Lembaga melalui dengan *resolutions by secular*.

Saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua, lembaga ini adalah satu badan yang terpenting di negara ini. Kenapa pula Mesyuarat Lembaga ini dibenarkan seperti mesyuarat Syarikat-syarikat Sendirian Berhad sahaja. Ini kerana, saya kira isu-isu yang diperbincangkan ataupun disampaikan kepada lembaganya amat penting.

Misalnya kompelin mengenai dengan *over taxation* dan sebagainya kerana modus operandi Lembaga Hasil Dalam Negeri ini, *you pay the tax first than we talk later*, dengan izin. So perkara seperti ini sangat penting kenapa pula kerajaan membenarkan mesyuarat ini melalui cara

*resolution by secular*. Ini sangat penting dan saya minta pendapat Yang Berhormat mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sangat dengan Ahli Parlimen Tuaran. Ini kerana kalau kita menggunakan *secular resolution* ini dengan izin, kita mengurangkan ataupun seolah-olah Lembaga Hasil Dalam Negeri ini dijalankan seperti syarikat-syarikat biasa. Sedangkan agensi ini begitu penting sekali dalam struktur kerajaan kita. Saya setuju, jadi saya minta kalau boleh ucapan Yang Berhormat Tuaran itu dimasukkan dalam ucapan saya untuk dijawab oleh Menteri.

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, kalaulah masalah jadual ini menjadi satu masalah pokok untuk mengadakan mesyuarat sekerap mana yang boleh. Apa yang penting kepada saya ialah, kalaulah masyarakat ini tidak boleh dijalankan dengan adanya *presence* ataupun kehadiran Ahli-ahli Lembaga ini. Kita juga mempunyai sistem selain daripada *secular resolution* yang mungkin tidak begitu penting, tidak begitu sesuai. Kita ada *audio conferencing*, kita ada *video conferencing*, teknologi-teknologi yang membolehkan mesyuarat dijalankan menggunakan teknologi ini. Apa yang penting kepada saya ialah untuk mengubahnya kepada dua bulan dalam kegawatan ekonomi, *two months is too long*, dengan izin.

Banyak perkara-perkara yang berlaku dalam ekonomi dunia dan ekonomi negara kita dalam masa dua bulan ini. Kita sudah tahu, kita faham kegawatan ekonomi yang ada sekarang ini berpunca daripada pengurangan *monitoring* dengan izin oleh Kerajaan Amerika terhadap industri *derivative* mereka, *financial problem* mereka dan juga dengan *sub prime* mereka. Jadi ini adalah masa kerajaan untuk lebih cekap, lebih banyak memantau perjalanan agensi-agensi kerajaan terutamanya agensi Lembaga Hasil Dalam Negeri ini. Sekian, terima kasih.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Machang.

**3.57 ptg.**

**Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi diberi kesempatan untuk mengambil bahagian dalam perbahasan. Pindaan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri 1995. Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa agensi ini penting sebagai satu badan yang bertanggungjawab bagi keseluruhan pentadbiran cukai langsung di bawah beberapa akta.

Termasuk di bawahnya adalah Akta Cukai Pendapatan, Akta Petroleum Cukai Pendapatan 1997, Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976, Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Setem 1949, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990. Bagi tujuan perbahasan di peringkat dasar pindaan akta ini, saya memilih tiga perkara.

Pertama, ialah berkenaan kedudukan kadar cukai peribadi dan cukai korporat yang tinggi. Tuan Yang di-Pertua, jika berbanding dengan Singapura dan Hong Kong misalnya kadar

cukai di negara kita masih berada di paras yang tinggi. Saya percaya ini menjejaskan sedikit banyak daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa. Sekali gus ia agak bertentangan dengan hasrat kerajaan untuk menarik pakar-pakar profesional ke Malaysia sementara ketika kegawatan ekonomi.

Singapura misalnya telah menurunkan kadar cukai korporatnya sebanyak 9% sejak tahun 2000. Manakala Malaysia mengekalkan cukai korporat 1998, 28% diturunkan kepada 26% tahun 2008 dan sekarang 25%. Isu kadar cukai yang tinggi ini saya katakan tadi, sedikit sebanyak memberi kesan kepada daya saing negara.

Kedua, isu yang berkaitan juga ialah berkenaan dengan keselamatan maklumat. Sekarang lembaga Hasil Dalam Negeri ada sistem yang dipanggil *e-filing*. Saya ucapkan tahniah kerana Lembaga Hasil Dalam Negeri bergerak seiring dengan tuntutan zaman. Seperkara yang berlaku walaupun saya cuba untuk mempercayai sebagai kes terpencil tetapi masih berlaku ialah terdapat insiden di mana maklumat akaun pembayar cukai itu bocor atau boleh diakses dengan izin oleh pengguna lain.

#### ■ 1600

Ini telah dibuat aduan khusus misalnya pada 7 April 2007, seorang pengguna sistem *e-filing* yang saya tidak hendak sebut namanya di sini terkejut apabila mendapati bahawa dia dapat melihat maklumat akaun pembayar cukai orang lain semasa menjalani proses pembayaran secara *online*. Apabila dia menekan arahan *save* itu, dia dapat akses atau melihat maklumat orang lain. Saya percaya bahawa perlindungan maklumat peribadi ini Tuan Yang di-Pertua adalah kriteria yang penting untuk meyakinkan pengguna. Jika isu sebegini tidak dapat ditangani dengan baik, bayangkanlah apakah perasaan seorang pembayar cukai. Isunya ialah keselamatan maklumat pembayar cukai. Lembaga Hasil Dalam Negeri juga saya ikuti melalui laporan media pada 5 Jun 2009 meminta penerima cek bayaran balik cukai pendapatan yang dikeluarkan pada 27, 28 dan 25 Mei serta 1 dan 2 Jun 2009 dikembalikan semula kepada Lembaga Hasil berikutan masalah teknikal.

Dalam kenyataan medianya Lembaga Hasil berkata, pihak bank juga telah diminta untuk menghentikan bayaran bagi cek berkenaan. Manakala cek gantian akan dipos kepada pembayar cukai selewat-lewatnya 10 Jun ini. Isunya Tuan Yang di-Pertua ialah kenapakah Lembaga Hasil dengan pengalamannya yang sudah cukup lama dan satu badan yang begitu penting boleh melakukan kesilapan sebesar ini yang sudah tentu ia akan melibatkan perbelanjaan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, peranan Lembaga Hasil dalam menyumbang kutipan cukai kepada kerajaan cukup besar. Saya teliti melalui angka *revenue* ataupun pendapatan Kerajaan Pusat misalnya:

Jenis Cukai	Peratus (%)
Cukai Pendapatan	9
Cukai Korporat	25
Pendapatan Lain @ <i>other revenues</i>	25
Cukai Petroleum	42

Kira-kira 15 tahun dahulu Tuan Yang di-Pertua, pendapatan daripada cukai petroleum ini untuk negara kita cuma sekitar 16%. Hari ini angka ini melonjak kepada 42% dan ini menunjukkan kadar kebergantungan yang berlebihan kerajaan terhadap satu hasil yang sebenarnya mengalami penyusutan dan ini sangat tidak sihat dari segi ekonomi negara. Selama 14 tahun dahulu pendapatan-pendapatan lain menyumbang hampir 50%. Hari ini pendapatan lain cuma menyumbang sekadar 25%. Tuan Yang di-Pertua, apabila menyebut tentang cukai petroleum ini, berulang kali di dalam Dewan ini sebagai wakil dari negeri Kelantan. Saya pernah bertanyakan soalan bertulis dan soalan lisan di dalam Parlimen ini berkenaan dengan pengeluaran industri petroleum di negara ini. Apakah royalti yang layak diterima oleh negeri Kelantan?

Jawapan menteri yang bertanggungjawab bagi EPU pada waktu itu dan Menteri Kewangan Kedua pada waktu itu yang saya masih simpan catatan jawapannya ialah Kelantan tidak termasuk dalam negeri pengeluar industri petroleum. Ini memaksa untuk saya membuat sedikit bacaan dan *alhamdulillah* siang tadi pagi tadi di Perpustakaan Parlimen ini saya ingin merujuk bahawa jawapan yang diberikan oleh kerajaan sebelum ini mempunyai kesilapan yang sangat nyata. Saya ingin merujuk kepada Buku Jangkaan Perangkaan Bank Data Malaysia Negeri dan Daerah Tahun 2007 di bawah tajuk Perangkaan Utama Industri Petroleum Mengikut Negeri di Malaysia Tahun 2004. Di sini disebut negeri yang menghasilkan pengeluaran petroleum ataupun terlibat dalam industri petroleum.

- (i) Sarawak;
- (ii) Kelantan;
- (iii) Sabah; dan
- (iv) Terengganu.

Tidak disebut Perak, tidak disebut Perlis, tidak disebut Kedah. Kedah tidak ada minyak, minyak gamat ada sedikit di Langkawi, Pahang juga tidak disebut. Melaka tidak disebut, Negeri Sembilan tidak disebut. Yang disebut di sini Sarawak, Kelantan, Sabah, Terengganu. Jelas dan amaunnya, nilai output kasar, Sarawak RM14.7 bilion, Kelantan, Sabah, Terengganu anehnya data ini disatukan sahaja. Ketiga-tiga negeri ini Yang Berhormat Menteri disatukan dia tidak ada pecahan mengikut negeri. Akan tetapi total keseluruhannya ialah RM47 bilion, ini bagi tahun 2004. Bagi membantu Yang Berhormat Menteri meneliti kembali izinkan saya mengulang rujukan saya ialah Jabatan Perangkaan Malaysia Bank Data 2007.

Saya semak lagi Jabatan Perangkaan Bank Data Malaysia 2006 muka surat 187 yang menyebut dengan jelas di bawah *table* yang sama iaitu perangkaan utama industri petroleum mengikut negeri Sarawak, Kelantan, Sabah, Terengganu. Baik, bila sebenarnya Kelantan ini terlibat sebagai *players* ataupun pemain dalam industri petroleum? Bila? Saya semak dalam buku yang sama, bagi statistik tahun 2003 Yang Berhormat Menteri, tidak ada negeri Kelantan. Maknanya sebelum ini Kelantan tidak termasuk. Sudah tentu ini adalah melibatkan apabila saya semak dalam laman Petronas, dia menyebut ada empat telaga minyak:

- (i) Kekwa;
- (ii) Cakrawala;
- (iii) Bunga Raya;
- (iv) Seroja,
- (v) Bintang; dan
- (vi) Lawen.

Maknanya fakta yang saya hendak tekankan di sini ialah berdasarkan kepada Jabatan Perangkaan, maklumat di hadapan kita yang tidak boleh kita bohongi ialah empat negeri di Malaysia yang terlibat dalam industri petroleum dan ini membabitkan kutipan cukai pendapatan petroleum yang dikuatkuasakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri termasuk Kelantan. Di mana barangkali di enam telaga minyak ini. Saya semak lagi. Di GDA blok A18, rizabnya gas, *RM2.8 trillion standard cubic feet per day*. Mula pengeluaran Mac 2005, banyak mana dihasilkan? *RM390 million standard cubic feet per day*. April 2007 *RM590 million standard cubic feet per day*. Pada tahun 2008, *RM790 million standard cubic feet per day*. Blok B17, pengeluarannya akan bermula pada hujung 2009 dijangkakan sebanyak *270 mcf per day* dan 50% pengeluaran ini adalah milik negara kita. Ertinya ada aktiviti petroleum di sini.

Tuan Yang di-Pertua, kalaulah kita semak balik di dalam Parlimen yang mulia ini berulang kali wakil-wakil daripada Kelantan bukan sahaja sesi ini bahkan sesi yang lepas berulang kali bertanyakan apakah rasional kerajaan untuk tidak memasukkan Kelantan sebagai negeri penerima bayaran royalti? Kalaulah empat negeri ini terlibat menghasilkan petroleum, kenapa hanya Terengganu, Sabah dan Sarawak yang menerima bayaran royalti sedangkan ini adalah satu jaminan di dalam Perlembagaan Persekutuan. Di dalam Parlimen ini waktu angkat sumpah kita berjanji dan berikrar akan menjunjung mempertahankan Perlembagaan negara kita.

Terkandung dalam semangat dan prinsip Perlembagaan itu adalah negeri-negeri ini boleh menerima bayaran royalti minyak dan kalau begitu apa alasan Kelantan tidak menerima bayaran royalti minyak ini? Ini persoalan. Ini persoalan pokoknya. Saya menjangkakan daripada maklumat yang saya difahamkan hasil daripada eksplorasi petroleum di Kelantan ini menyumbang kepada *RM1.7 bilion* setahun. Oleh kerana data tahun 2003 sebelumnya tidak ada. Saya anggarkan tahun 2004 ke atas, 2004 *onwards*, katalah saya ambil lima tahun 2004, 2005, 2006, 2007 dan 2008. Ini sudah lima tahun. Dikalikan dengan *RM1.7 bilion* dan dikalikan

dengan 5% kadar royalti, Kelantan sebenarnya layak menerima royalti hampir RM500 juta. Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, kenapakah Kerajaan Pusat tidak melaksanakan perkara yang termaktub di dalam Perlembagaan? Tadi saya dengar ada rakan-rakan saya berkata bahawa, "tunjukkan bukti, tunjukkan bukti". Nah, sekarang saya bagi buktinya. Saya perlukan jawapan yang jujur dan bertanggungjawab. Kalau betul-betul hendak bela orang Melayu, Kelantan itu 96% orang Melayu.

■1610

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Minta laluan sedikit, Yang Berhormat.

**Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]:** Sila.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Yang Berhormat kerana memberi peluang kepada saya dan membuktikan dengan fakta yang terperinci bagaimana diskriminasi dan ketidakadilan layanan Kerajaan Persekutuan terhadap rakyat Kelantan. Apa yang saya hendak minta pandangan Yang Berhormat ialah berkenaan dengan bagaimana perjanjian yang telah dibuat oleh Kerajaan Malaysia dengan Thailand apabila pendaratan gas telah dibuat di Thailand dan jawapan bertulis saya dapat semasa saya berada di luar negara ialah 50% daripadanya diberi kepada Kerajaan Thailand sedangkan rakyat negeri kita sendiri dianaktirikan, satu sen pun tidak diberi di Kelantan atas royalti ini. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]:** Terima kasih rakan saya dari Rantau Panjang. Tuan Yang di-Pertua, tempat sumber gas di kawasan sempadan bersama itu, jaraknya ke Songkhla ialah 278 kilometer. Jaraknya ke perairan Tumpat ialah 100 kilometer, tetapi sanggup dia bawa sanggup sampai ke Songkhla sana, 278 kilometer, akan melibatkan kos yang lebih besar kerana terpaksa bayar bila hendak letak paip gas itu di bumi Thailand, kena bayar lagi finya, kena bayar lagi yurannya kepada Thailand.

Di Kelantan ini, cuma 100 kilometer, berbanding 278 kilometer ke Songkhla tetapi sampai hati Kerajaan Barisan Nasional melalui Kerajaan Pusat ketika terpekik terlolong hendak bercakap baik, hendak buat baik, hendak suarakan *one government*, "*One Malaysia*", rakyat didahulukan, terang-terang berdasar kepada statistik dan perangkaan ini, tidak ada istilahnya. Melainkan memang dendam politik dan niat jahat politik yang sukar hendak kita lupakan. [Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua, saya tadi membentangkan dan memohon satu jawapan yang bertanggungjawab daripada menteri yang berkenaan. Insya-Allah, akan saya tampilkan lagi beberapa penemuan menarik dalam soal ini, dalam isu ini. Kalau hendak dibandingkan juga, Tuan Yang di-Pertua, hasil kepada Kelantan atau sumbangan Kerajaan Pusat kepada Kelantan, kita cuma perlu menyemak balik jumlah peruntukan di bawah Rancangan Malaysia lima tahun – Rancangan Malaysia Keempat, Rancangan Malaysia Kelima, Rancangan Malaysia Keenam, misalnya, jumlah peruntukan Kerajaan Pusat kepada Kelantan untuk setiap rancangan lima tahun

itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah melebihi RM2,000 juta. Tidak pernah melebihi RM2,000 juta, RM2 bilion.

Pada tempoh yang sama, Rancangan Malaysia Keempat, Kelima dan Keenam untuk negeri-negeri lain – Perak, Selangor, misalnya, Johor, Pulau Pinang di bawah Rancangan Malaysia Keempat, Kelima dan Keenam ini, semaklah data, RM7 bilion, RM9 bilion, RM11 bilion, RM14 bilion – Kelantan RM2 bilion dalam masa lima tahun, peruntukan Rancangan Malaysia. Sebab itu waktu Perdana Menteri, Abdullah Badawi mengambil tempat, maka diberi sumbangan mencecah hingga RM6 bilion. Maka waktu itu baru ditunjukkan bahawa tidak ada pilih kasih. Beginilah kasih dan sayangnya Kerajaan Pusat kepada Kelantan. *[Disampuk]*

Hakikatnya, berpuluh tahun sebelum itu Kelantan terabai. Pada masa yang sama, diserang bertubi-tubi bahawa tidak pandai memerintah, tidak pandai mentadbir, tidak pandai membangunkan rakyat. Kalaulah royalti minyak ini ditunaikan, Timbalan Menteri yang jaga FELDA tidak payah berlakon turun menoreh di Manik Urai. Tidak payah pun sebagai RM500 juta ini bersamaan dengan setahun setengah hasil kerajaan negeri. Kerajaan Negeri Kelantan sekarang, nilai *revenue* sekitar RM350 juta. Bagi sahaja royalti kepada kita, kita tahu macam mana hendak uruskan.

Dalam keadaan pendapatan Kelantan yang tidak seberapa itu pun, Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melaksanakan program kebajikan rakyat. Misalnya, program kebajikan khairat mati warga emas yang kita namakan Skim Perlindungan Sosial Tengku Anis. Kita mulakan dengan peruntukan RM3 juta. Hari ini 96,672 orang Kelantan – Melayu, Cina, India, Siam dan Orang Asli, Islam dan bukan Islam mendapat manfaat daripada skim ini. *[Tepuk]* Alhamdulillah, RM3 juta sahaja kita perlukan untuk memulakannya dan hari ini skim ini diikuti di negeri Selangor dengan sasaran 278,000 warga emas dan insya-Allah kita kembangkan nantinya di Wilayah Persekutuan dengan peruntukan cuma RM20 juta.

Dengan pendapat yang sedikit, kita tahu menilainya. Bayangkanlah kalau sekiranya Kerajaan Pusat betul-betul berlaku amanah dalam memulangkan balik hak rakyat negeri Kelantan seperti mana yang termaktub dalam Perlembagaan, kita boleh buat banyak lagi untuk rakyat, tetapi kerana hal ini tidak berlaku, kita menguruskan perjalanan perbelanjaan negeri secara cermat dan berhemah. Itu pun rakyat memberikan kepercayaan kepada kita sejak tahun 1990 sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tiga perkara yang saya bangkitkan tadi, pertama – soal cukai individu dan korporat yang tinggi menyekat daya saing, yang kedua – soal keselamatan maklumat dan yang ketiga tentang cukai petroleum, penganiayaan terhadap negeri Kelantan, saya mohon mendapatkan reaksi balas jawapan yang bertanggungjawab daripada pihak kerajaan. Sekian, *Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, Pasir Mas.

**4.16 ptg.**

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mewakili Pasir Mas, anak Kelantan jati dan sudah lama berkecimpung dalam politik sejak 25 tahun, jatuh bangun bersama rakyat di Kelantan. Jadi saya mengambil kesempatan di sini untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya hendak minta pihak kerajaan terutamanya pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri. Dahulu pernah saya bangkit iaitu mereka yang diisytiharkan bankrap, secara automatik mereka tidak dibenarkan keluar negara. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, Kementerian Kewangan mengenai dengan cadangan saya dahulu, apakah tidak boleh mereka yang diisytiharkan bankrap, ada hadnya.

Kalau diisytiharkan bankrap, kita katakan yang berhutang kurang daripada RM100 ribu ke RM200 ribu, maka mereka boleh ke luar negeri, tetapi kalau lebih RM100 ribu atau RM200 ribu, tidak boleh. Mungkin alasan bagi pihak kerajaan, kalau sudah bankrap, takkan hendak melawat luar negara. Hutang tidak bayar, tetapi hendak makan angin di luar negara, tetapi pada masa yang sama saya berpendapat walaupun mereka bankrap, mungkin ada yang mengurus untuk perniagaan dan seumpamanya atau mereka hendak ke luar untuk menziarahi anaknya yang sedang belajar.

Saya percaya kalau mereka hutang RM100 ribu atau RM200 ribu ke bawah, tidak mungkin mereka akan lari. Tidak mungkin mereka hendak tinggal Malaysia di mana mereka hendak pergi. Jadi atas sifat perikemanusiaan dan menyusahkan mereka ini untuk ke luar negara, elok sangat cadangan ini dipertimbangkan. Sekarang ini pun dunia globalisasi, dunia tanpa sempadan. Rakyat bergerak mencari makan, berniaga. Hari ini mereka bankrap, mungkin esok mereka dapat peluang baru, termasuklah peluang di luar negara, mereka boleh bayar hutang atas perikemanusiaan. Kalau tidak banyak yang menyusahkan. Ini yang pertama.

Saya harap perkara ini diberi pertimbangan yang serius sebab saya tengok di Imigresen, yang memohon pergi ke luar negara kerana bankrap tidak sedikit – macam-macam sebabnya. Jadi ini saya buat cadangan supaya dapat dipertimbangkan oleh pihak kerajaan.

Yang kedua, dalam soal mengutip cukai. Saya ingin menarik perhatian pihak kementerian, saya percaya pihak kementerian tahu, tetapi saya hendak sebut di sini. Dalam sasaran mengutip cukai individu terutamanya ataupun syarikat, pihak kementerian kena tahu bidang perniagaan yang mana yang orang buat untung ataupun dapat untung banyak. Perniagaan-perniagaan ini ada kaitan dengan kerajaan memberi mereka seperti AP ataupun permit dan seumpamanya. Saya hendak sebut tidak sedikit pemegang-pemegang AP kereta mengaut keuntungan dengan menjual AP sampai RM50 ribu satu buah.

**■1620**

Saya tidak tahu sejauh mana pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri memburu mereka ini. Jangan ada pula yang pemegang AP dapat pendapatan yang begitu lumayan tetapi

menghabiskan ataupun berbelanja dengan begitu besar di luar negara termasuk saya dengar tidak sedikit juga Kekasih Nur dan seumpamanya tetapi cukai tidak dibayar dengan betul.

Yang kedua, selain daripada pemegang AP kereta yang tidak perlu saya ulas lagi, dunia tahu mereka yang mendapat keuntungan dengan AP kereta ini. Begitu juga pemegang permit *haulage*, iaitu permit mengangkut jentera berat daripada pelabuhan-pelabuhan. Saya diberitahu satu permit *haulage* boleh disewa sebanyak RM15,000 sebulan. Kalau dia pegang empat, lima AP, mungkin RM40,000 atau RM50,000 sebulan. Pemegang AP bot laut dalam begitu juga pendapatannya. Saya menyebut perkara-perkara ini supaya mereka yang diberi keistimewaan ini yang orang lain tidak mendapat keistimewaan, mereka mesti bertanggungjawab membayar cukai kepada kerajaan termasuk juga mereka-mereka yang mendapat kelulusan kawasan pembalakan. Kawasan pembalakan, kerajaan mendapat premium hasil lebih sedikit daripada broker-broker yang mengguna kabel atas pengaruh politik termasuk di negeri Kelantan.

Di negeri Kelantan, hasil yang paling besar ialah balak. Pendapatan Kelantan lebih kurang RM300 juta setahun. RM120 juta datang daripada premium balak. Akan tetapi saya mendapat tahu dan pernah ada orang datang berjumpa dengan saya pun minta sokongan, 50 hektar kawasan balak mereka boleh bayar RM250,000 tunai. Berapa ramai yang mendapat kawasan balak ini? Saya percaya mereka-mereka yang mendapat kawasan balak ini termasuk orang-orang politik. Jangan kira soal parti politik.

Saya bercakap atas dasar profesional. Atas dasar hakikat yang sebenarnya. Berapa banyak mereka dapat wang ini yang saya percaya lebih banyak mereka dapat komisen ataupun hasil lebih banyak daripada mereka membayar cukai ataupun premium yang dibayar kepada kerajaan negeri. Saya menyebut perkara ini kerana ini adalah satu perkara yang benar, satu perkara yang hakikat. Kalau hendak, saya tidak hendak, itulah, sebab rezeki orang. Akan tetapi kalau hendak senarai pun boleh saya bagi senarai. Panjang syarikat-syarikat yang dapat. Jadi saya hendak sebut perkara cukai ini sebab tiada siapa yang boleh terlepas daripada cukai. Cukai mesti dibayar dan golongan-golongan yang saya sebutkan tadi golongan yang spesifik, yang dapat kemudahan-kemudahan ini adalah golongan-golongan tertentu. Cukai ini boleh digunakan untuk menolong orang ramai, rakyat, untuk pembangunan dan seumpamanya yang tidak berkesempatan mendapat hasil seumpama ini. Bercakap bolehlah, "*Kata Dulang Paku Serpilh, Kata Orang Kita Yang Lebih*". Itu pepatah Melayu kata.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pihak kerajaan, adakah tumpuan diberi kepada syarikat-syarikat yang mesti ada senarai yang mendapat keistimewaan daripada kerajaan termasuk juga mereka-mereka yang mendapat projek-projek *direct nego*. Saya bercakap baik Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri, tanpa mengira parti, bertanggungjawab! Okey, yang mendapat *direct nego*, yang RM200 juta, RM400 juta, RM500 juta, agen-agennya yang mendapat komisen tidak sedikit. Mungkin RM20 juta atau RM30 juta. Berapa banyak mereka bayar di sini? Saya tegur kedua-duanya, bukan di sebelah pihak.

Saya hendak bercakap perkara yang benar supaya kerajaan mendapat maksimum hasil ini untuk digunakan untuk ramai lagi rakyat yang menderita di kampung. Saya tidak bercakap politik. Yang ini bercakap, dia betul, yang ini bercakap dia sahaja yang betul. Sebenarnya dua kali lima, lima kali dua. Tuan Yang di-Pertua, dalam soal pengagihan pendapatan kepada negeri. Saya kalau atas prinsip merayu di mana Kelantan terutamanya, negeri Kedah, negeri-negeri yang kita lihat penduduknya kebetulan orang-orang Melayu. Bukan saya hendak bangkit soal isu kepentingan Melayu, tetapi dalam Dasar Ekonomi Baru dahulu, dicatat dengan jelas iaitu hendak menyeimbangkan kawasan luar bandar dengan kawasan bandar selain daripada hendak merapatkan jurang pendapatan. Jadi maka patutlah dibantu seberapa yang boleh. Di Kedah, di Kelantan atau di mana sahaja negeri yang kita kira mundur, kaum bumiputera, sebab di bandar kita tengok banyak sangat dah dan macam-macam, kerajaan mengeluarkan perbelanjaan dengan begitu banyak sekali dengan jejambatnya. Betullah untuk kemudahan rakyat kerana ini pusat bandar raya, pusat pentadbiran.

Di sini tempat orang tumpu, di sini tempat perniagaan. Akan tetapi harus diingat yang orang-orang lain juga pembayar cukai. Nikmat ini harus juga dirasai oleh negeri-negeri di luar bandar. Kita tengok di Pulau Pinang, bukan main lagi. Ini hendak dapat jambatan kedua pula. Bagaimana Terengganu? Bagaimana Kelantan? Bagaimana Kedah? Ini negeri-negerinya *base* yang kita lihat majoritinya. Ini adalah sebab kalau di sini maju, mungkin jurang di antara kaum dari segi pendapatan dapat kita imbangkan. Ini asas yang sepatutnya diimbangkan.

Jadi untuk itu, maknanya saya bersetuju usaha ataupun kalau boleh Kerajaan Pusat memberi perhatian, bukan mengira soal negeri ini ditadbir oleh parti pembangkang ataupun tidak. Ini adalah sebab akhir nantinya ialah kita hendak tengok negeri dan rakyat Malaysia membangun. Jadi itu di atas prinsipnya. Cuma saya hendak menarik perhatian di sini, seperti di Kelantan Tuan Yang di-Pertua, selain daripada kita mengharapkan Kerajaan Pusat tolong, selepas itu kita kata Kerajaan Pusat kurang beri perhatian ataupun kurang tolong. Rakyat semua bayar cukai.

Di Kelantan Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli di dalam Dewan ini. Di Kelantan kita tengok, yang paling ramai bekerja ialah kakitangan kerajaan, termasuk guru-guru. Mereka ini ada anak lima, enam orang. Kalau disemak, tidak banyak juga yang membayar cukai pendapatan sebab ada rebat itu dan ini. Cukai hasil lain-lain tidak ada sebab Kelantan tidak membangun. 20 tahun Kelantan sejak saya ingatlah, dahulu ada beberapa kilang di Pengkalan Chepa. Pada hari ini tidak ada langsung kilangnya. Jadi maknanya, apa yang saya hendak sebut ialah selain daripada teguran-teguran kepada Kerajaan Pusat, saya dengar ada yang betul, ada yang tidak betul. Akan tetapi tinggal lagi kena juga *reciprocate*. Kerajaan negeri juga harus berusaha sebab sekarang ini kepimpinan kalau hendak maju kena ada inovasi, kena ada kreativiti, kena ada kesungguhan. Lawatan keluar negara untuk mencari pelabur-pelabur. Kena usaha adakan seminar, ini tidak ada dibuat.

Di Kelantan Tuan Yang di-Pertua ada empat pantai yang cantik. Satu, air terjun. Selepas itu di hulu ada gua, sungai Kelantan cantik. Budaya ada macam-macam budaya. Makanan, semua makanan ada di Kelantan. Rakyat Kelantan rajin. Kenapa tidak maju? Kita tidak maju! Selain daripada kita kritik orang, kita juga harus bertanggungjawab bahawa kita gagal mentadbir negeri Kelantan ini dengan secara yang bertanggungjawab! *[Tepuk]* Ini pandangan saya yang ikhlas iaitu patut berusaha juga, berusaha cari jalan! Di Timur Tengah, kita tahu duit minyak banyak. Cari jalan pergi ke Timur Tengah, bawa pelabur dan kalau benar Kerajaan Pusat halang, benar Kerajaan Pusat halang oleh sebab ada orang hendak melabur tetapi tidak dibenarkan. Saya ikut sama-sama boleh panjat, hendak tunjuk perasaan pun boleh untuk hendak memastikan kalau ada orang hendak melabur datang ke Kelantan, kalau Kerajaan Pusat halang. Ini adalah sebab saya tahu tidak sebegitu sebenarnya. Usaha kena buat. Itu yang saya hendak sampaikan sebab kalau diusahakan sungguh-sungguh, saya percaya Kelantan juga boleh maju. Kalau kita harapkan kepada duit Kerajaan Pusat semata-mata, hasil petroleum kalau kita dapat RM500 juta, kita boleh buat macam-macam, kalau macam ini siapa-siapa pun boleh memerintah. *[Ketawa]* Nanti orang bagi, tolong bagi-bagi, saya pun boleh. Akan tetapi selama ini kita anggap kita lebih baik daripada orang lain. Jadi kita kena usahalah! Tunjuk kepimpinan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Dengar itu Shah Alam!

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Nanti sekejap! Tuan Yang di-Pertua, kita tengok di sesetengah negara kerana kreativiti..

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Ini *one man party*, tidak payahlah.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Pokok, pokok, pokok mereka boleh tanam sayur semacam di Jepun di dalam rumah, di dalam flat kerana tidak ada tanah. Ini adalah sebab ada kreativiti, ada inovasi. Maka maknanya kalau pun tidak ada duit, kalau ada usaha lebih sedikit, insya-Allah boleh berjaya. Ini asyik dok ceramah sahaja 24 jam. *[Dewan riuh][Disampuk]* Ini yang sebenarnya. Saya kena bagi teguran dan teguran ini ikhlas. Saya tidak ada agenda apa-apa dan saya seorang sahaja. Hendak kata apa pun, tidak ada untung apa pun. *[Disampuk]* Tidak ada apa, cuma saya hendak bercakap untuk kebaikan sebab saya rakyat Kelantan dan saya tahu permasalahan Kelantan.

#### ■1630

Saya masih ingat di waktu tahun 1997/1998. Sewaktu itu saya dalam kerajaan – setahun dua bulan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana kesungguhan kita dapat tengok pada zaman pemerintahan PAS memerintah – Kerajaan Kelantan sekarang ini, lapangan terbang naik taraf, Jambatan Sultan Ismail Putra dari Tendong ke Sadong, dan kemudian IKBN saya kira lebih kurang RM600 juta. Masalahnya termasuklah juga pemimpin Barisan dahulu pun sibuk berpolitik di Kelantanlah bukan di pusat. Pihak pimpinan di Kelantan sibuk sangat hal politik sehingga bertanggungjawab untuk hendak mendesak dan membawa balik projek di Kelantan itu terbengkalai.

Ini, sama juga termasuklah kerajaan yang ada sekarang ini pun asyik berceramah 24 jam. Ceramah, ceramah, ceramah, lain tidak ada. Jadi inilah sebenarnya janganlah kita hendak menyalahkan orang sahaja.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya mintalah juga rakan-rakan daripada pembangkang tegurlah juga untuk kebaikan. Saya tengok wakil daripada Barisan Nasional ada juga mereka tegur Kerajaan Pusat. Mereka balon Kerajaan Pusat. Di Kelantan ini langsung tidak ada, betul semua dan balon orang sahaja. Saya beri pandangan ini supaya kita mencari manfaat, kebaikan untuk rakyat semua. Beza pun berbeza. Pilihan raya lawanlah tetapi untuk dalam tempoh tiga, empat tahun selepas pilihan raya kita kena bertanggungjawab.

Ini yang saya hendak sebut. Kalau negeri Kelantan membangun, kalau tidak boleh secara besar-besaran, produk-produk pelancongan boleh dibangunkan. Saya hendak tengok sudah lama *floating restaurant*, ada restoran di Kelantan. Bukan susah sangat SEDC Kelantan ada boleh buat. Kita tengok macam mana negeri Melaka. Kita tengok ada negeri-negeri yang tidak secantik Kelantan, tidak sebesar Kelantan dari segi budayanya kerana kreativiti boleh buat macam-macam. Ini tidak ada. Tidak ada buat apa-apa. Kubur Tok Janggut pun orang tidak tahu. Jadi, tidak ada pelancong, pemandu teksi pun tidak ada penumpang! Orang pun jarang pergi. Selepas itu kita hendak menyalahkan orang. Tengok benda yang kecil-kecil ini. Ia boleh dilakukan. Saya percaya boleh dimajukan rakyat Kelantan sebab rakyat Kelantan ramai berniaga secara kecil-kecilan; hasil kraf tangan, batik. Benda yang kecil-kecil tetapi pendapatan mungkin lumayan kalau ada orang melancong. Ini langsung tidak ada. Hal pelancongan pun diserahkan bulat-bulat kepada Kerajaan Pusat.

Jadi, inilah perkara yang saya hendak zahirkan secara ikhlas supaya saya harap macam Ahli Parlimen Barisan Nasional sebagai *backbencher* bercakap. Saya dengar juga ada beberapa orang macam Yang Berhormat Kinabatangan. Dulu pun Yang Berhormat Batu Pahat waktu belum jadi Timbalan Menteri bercakap pun agak terbuka tegur kerajaan. Tidak ada masalah, bagus dan pembangkang pun macam itu timbal balas. Jadi insya-Allah, kita dapat cari kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya hendak sebut di sini hal minyak.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Beri laluan sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Kenapa tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sila.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Janganlah syok sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah bagi jalan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Saya hendak ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Pasir Mas. Sebenarnya saya pun hendak dia cakap panjang kerana

apa yang dia cakap ini membantu kami untuk Manik Urai. Kerana sikap yang memperlekehkan negeri Kelantan, sikap yang memperlekehkan Kerajaan Negeri Kelantan ini semua akan dapat dijawab bila kita ada pilihan raya kecil di Manik Urai. Rakyat di negeri Kelantan pun memahami keadaan yang sebenarnya. Kalau kamu hendak 'bantai' tidak ada pembangunan sedangkan kita semua lihat penerbangan dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu, di antara penerbangan yang terbanyak adalah ke Kota Bharu. Kalau hendak bandingkan penerbangan pergi ke Pulau Pinang atau ke Johor Bahru kah, kononnya Johor Bahru ini hebat tetapi lihatlah bagaimana kegiatan ekonominya, perjalanan, lawatan orang luar datang ke Kelantan dan sebagainya dan bagaimana di negeri Kelantan ini Tesco itu sendiri ia telah menzahirkan pendapatan sampai RM1 juta sehari pada hari minggu. Ia merupakan satu ekonomi di mana *purchasing power* rakyat di negeri Kelantan diakui di antara yang tertinggi oleh Celcom, di Pantai Timur.

Ini semua merupakan kejayaan-kejayaan yang telah terbukti walaupun "kami" dianaktirikan. "Kami" itu walaupun saya ini daripada Shah Alam. *[Ketawa]* Saya hendak beritahulah kepada Yang Berhormat Pasir Mas mungkin ini merupakan kali terakhir kita hendak dengar. Selepas ini kalau dia hendak bertanding, biar dia bertanding di bawah BN di negeri Kelantan. Kita tengok dia boleh menang atau tidak boleh menang. *[Disampuk][Tepuk]*

Maka saya rasa ini semua merupakan satu ucapan yang kosong seorang parti yang *one man party*. Ahlinya seorang, presiden itulah dia, Setiausaha itulah dia, cakap, bising. Inilah yang orang kata "*empty drum makes the most noise*", bukan? Inilah dia kerana dia seorang. Kosong. Parti kosong, cakap pun kosong. Kalau kita hendak bandingkan negeri Kelantan, sekarang ini kedudukan negeri Kelantan ekonominya sampai satu kadar pembangunan di mana ia telah terlepas daripada nombor 4 yang terbawah kadar kemiskinan yang tertinggi di Malaysia. Kelantan sudah keluar. Hutang kepada Kerajaan Pusat habis dibayar. Janganlah cakap mendabik dada kononnya hebat negeri-negeri lain. Negeri yang ada hasil yang lebih tinggi...

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung. Saya hendak sambung cakap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** ...seperti Sarawak, seperti Sabah tetapi minta maaf...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah cukuplah, Yang Berhormat.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Sudah. Saya hendak sambung bercakap. Selepas ini boleh bercakap. Sudah cukup saya bagi masa.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Terima kasih.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Terima kasih, Yang Berhormat Shah Alam. Saya rasa saya ada adab dan ada sopan.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Oh ya, minta senarai yang disebut tadi itu. Minta senarai itu. Bagilah, bagi, kita hendak tengok senarai itu.

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya sebut Yang Berhormat daripada Shah Alam saya tidak sebut "kamu" sebab saya ada adab. Saya bukan manusia yang tidak sopan. Tolong belajar sikit, Yang Berhormat. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, tidak apalah. Kali ini kali terakhir, Tuan Yang di-Pertua, tidak menjadi hal kepada saya. Saya, membujur lalu melintang patah soal perjuangan untuk kepentingan rakyat, Melayu dan Islam bukan jadi perkakas kepada DAP. *[Disampuk]*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Betulkah?

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya tidak ada. Selepas ini saya tidak ada di Dewan Rakyat pun saya alhamdulillah.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Cukuplah. Selepas ini sambunglah. Saya sudah tidak bagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Tidak, hendak tanya DAP di Kelantan mana ada, Tuan. *[Ketawa]*

**Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]:** Saya tidak bagi. Tidak payah. Saya tidak bagi. Saya tidak ada masalah seorang atau apa pun, gendang kosong pun tetapi saya rasa bangga saya dapat berjuang untuk rakyat. *[Tepuk]*

Tidak apalah saya seorang pun tetapi saya hendak ingatkan kuasa daripada Allah Subhanahu Wataala. Allah yang menentukannya. Saya takut selepas ini Yang Berhormat Shah Alam mati dulu daripada saya. Ini kuasa Allah, kehendak Allah. Kita kena percaya qada dan qadar. Kita kena percaya. Saya anak Kelantan, saya tahu lebih daripada Kelantan, hal Kelantan sebab itu Selangor pun saya tidak sentuh banyak.

Saya tahu negeri saya. Saya tahu kawasan saya. Ini hendak ukur pendapatan rakyat negeri Kelantan - hal penerbangan. Ini bukan soal orang naik kapal terbang, soal hendak meningkat taraf hidup. Orang Kelantan, Tuan Yang di-Pertua, dia miskin pun dia suka belanja. Orang Kelantan ini dia tidak ada duit pun dia boleh berhutang belanja. Saya bukan hendak menghina rakyat Kelantan. Saya bertungkus-lumus berjuang untuk rakyat Kelantan, bermati-matian untuk rakyat negeri Kelantan. Bukan baru boleh semak dalam Hansard saya bercakap. Waktu dalam Barisan Nasional dulu pun saya bercakap perkara yang sama. Saya bercakap di mana-mana sahaja pun sama untuk kepentingan rakyat. Jadi, janganlah angkuh dan sombong. Cerminlah muka diri sendiri, cantik atau tidak cantik. Jadi, sekian terima kasih. Saya sokong.

**Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]:** Jauh lagi cantik daripada Pasir Mas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis, Yang Berhormat? Yang Berhormat Indera Mahkota.

**4.39 ptg.**

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan yang secara ringkas untuk turut membahas di peringkat dasar usaha untuk meminda Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 di peringkat dasar ini.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan kita melihat sama ada Dewan ini harus membuat pindaan terhadap beberapa perkara di bawah akta ibu iaitu Akta 533 yang telah pun dikuatkuasakan pada 1 Mac 1996 di mana mewujudkan Lembaga Hasil Dalam Negeri daripada tugas sebahagiannya dimainkan oleh Jabatan Hasil Dalam Negeri pada ketika itu dengan beberapa tujuan utama. Di antaranya ialah untuk mengkorporatkan sistem pentadbiran Jabatan Hasil Dalam Negeri.

**■1640**

Dalam masa yang sama juga, tujuannya diminta Parlimen pada masa itu untuk meluluskan akta ini ialah untuk melindungi serta mempertingkatkan akauntabiliti lembaga, memberi kuasa atau menambah kuasa kepada pihak lembaga untuk menguruskan proses pelaksanaan undang-undang cukai termasuk dalam usaha untuk mentafsir, memungut dan juga untuk memberi keseimbangan di antara tanggungjawab membayar cukai, pematuhan undang-undang dan juga untuk melindungi integriti serta akauntabiliti sistem di dalam negara kita yang berpaksi di bawah Kementerian Kewangan, yang sebahagiannya pada hari ini telah pun diwakili oleh sebahagian daripada ahli-ahli lembaga yang dilantik di dalam Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Tujuan kita pada hari ini ialah untuk membincangkan sama ada wajar atau tidak Dewan ini meluluskan pindaan atau rang undang-undang untuk membawa beberapa frasa untuk memberi kuasa, meminda kuasa dalam menjalankan tanggungjawab mentadbir sistem percukaian di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, satu perbandingan ringkas kerana antara tujuan kita adalah untuk *empowerment* atau memberi kuasa pertambahan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk lebih efektif dan untuk lebih efisien dalam berfungsi sebagai pengutip atau pentadbir cukai di dalam negara kita. Pada tahun 1995, kita lihat Jabatan Hasil Dalam Negeri pada ketika itu telah berjaya berfungsi sebagai pentadbir cukai, iaitu *contributor* dengan izin kepada *revenue* Kerajaan Pusat sebanyak lebih daripada 32% kepada *revenue* keseluruhan iaitu RM51 bilion pada tahun 1995.

Sementara pada tahun lepas tatkala kita membincangkan untuk meluluskan belanjawan sebanyak RM208 bilion untuk menampung seluruh perbelanjaan kerajaan, Lembaga Hasil telah berjaya menghasilkan kutipan cukai berjumlah lebih kurang RM81 bilion dan anggaran yang terbaru disebut oleh Menteri Kewangan beberapa bulan yang lalu melalui akhbar Berita Harian menyebut, bahawa setelah ditolak jumlah pembayaran balik sebanyak RM6.5 bilion, maka Lembaga Hasil masih lagi mencatat jumlah sebanyak RM81.8 bilion. Ini bermakna jumlah keseluruhan yang dikutip untuk cukai pada tahun 2008 adalah berjumlah hampir RM90 bilion.

Ini juga bermakna kejayaan Lembaga Hasil menghasilkan *revenue* ataupun dana kepada Kerajaan Pusat hampir 50% daripada belanjawan yang diperuntukkan untuk mentadbir pentadbiran negara, untuk sepanjang tahun 2009. Walau bagaimanapun, dari segi peratusannya kita lihat, setelah dilembagakan ataupun setelah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri diluluskan untuk dilaksanakan pada 1 Mac 1996, kita lihat ada penguncupan peratus sumbangan yang dimainkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri ini terhadap *revenue* Kerajaan Pusat secara keseluruhan.

Saya sebutkan tadi pada tahun 1995, seperti juga yang disebut oleh Ahli Parlimen Machang tadi, cukai yang diperolehi atau diraih daripada cukai perseorangan ataupun cukai daripada hasil pengajian adalah sebanyak 12%. Dicampur dengan cukai yang dikutip atau diraih daripada sektor korporat ataupun perniagaan ataupun syarikat adalah sebanyak 25%. Ini menjadikan jumlah tersebut, maaf Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhannya adalah 35% gabungan di antara cukai persendirian dan cukai korporat dan syarikat, 35% pada tahun 1995.

Namun selepas diperbadankan atau dilembagakan, pada tahun lepas tahun 2008, peratus hasil ataupun *revenue* Kerajaan Pusat yang diraih daripada kedua-dua sektor ini, cukai persendirian dan cukai korporat telah menurun kepada 31.2% sahaja. Ini menunjukkan bahawa ada sesuatu yang perlu dijawab atau dihuraikan oleh sama ada pihak lembaga ataupun pihak Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab, juga membawa usul atau membawa cadangan untuk mengkorporatkan atau melembagakan Jabatan Hasil Dalam Negeri pada satu ketika dulu yang telah memainkan peranan begitu baik dalam terutamanya secara ringkasnya sebagai penyumbang terhadap aktiviti meraih *revenue* kepada Kerajaan Pusat pada ketika itu.

Namun ada beberapa faktor yang mungkin juga boleh dilihat secara langsung yang menyumbang terhadap menurunnya peratusan jumlah ataupun peratusan *revenue* yang diraih melalui pentadbiran cukai yang dimainkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri seperti yang disebutkan tadi. Antaranya saya juga ingin menyebut kembali fakta ataupun isu yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh pada ketika sebagai ucapan pertama tadi, berkenaan rang undang-undang ini menyebut tentang aktiviti *illegal business* ataupun *illegal business transaction*, dengan izin.

Perkara ini memang disedari oleh banyak pihak di negara-negara lain, dan perkara ini telah dilihat atau dimasukkan sebagai antara fakta-fakta strategik untuk dibincangkan untuk menutupi ruang-ruang cukai tidak berganda yang boleh diraih oleh sesuatu negara hasil daripada aktiviti-aktiviti *downstream* yang baru. Saya juga bersetuju sebahagian daripada isi kandungan yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi yang menyebut bahawa, kalau saya tidak silap ini adalah maksudnya lebih kurang, "Kita tidak berjaya untuk menghasilkan satu praktis atau satu perencanaan cukai untuk mengelak berlakunya kebocoran yang begitu ketara dalam ekonomi negara kita".

Saya lihat selain daripada mengupayakan Lembaga Hasil Dalam Negeri, kita juga berdepan dengan tanggungjawab ataupun akauntabiliti awam yang perlu dimainkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk menjawab soalan-soalan berkenaan dengan fenomena penurunan dalam peratus sumbangan cukai yang diraih ini.

Ini juga membawa kepada keraguan kebanyakan pemimpin-pemimpin kita termasuk yang ada di dalam Dewan yang mulia ini menyatakan bahawa, kerisauan terhadap ekonomi negara terutama pertumbuhan ataupun kadar pertumbuhan GDP kita yang negatif, kadar eksport kita yang telah dicatat sebagai -26.3% yang tidak pernah berlaku dalam sejarah 35 tahun kebelakangan ini. Dan sudah tentu cukai yang diraih daripada aktiviti ini, sudah tentu dijangka agak merosot dengan teruk sekali kalau kita boleh lihat aktiviti sepanjang tahun 2009 akan datang nanti.

#### ■1650

Pada tahun lepas Menteri Kewangan sendiri secara terbuka menyatakan kebimbangan beliau terhadap kegagalan kita untuk menyekat atau menghasilkan satu formula untuk menyekat aktiviti *illegal remittance* iaitu aktiviti-aktiviti pengiriman wang ke luar negara yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dianggarkan berjumlah RM19 bilion untuk sepanjang tahun 2009. Ini juga adalah salah satu daripada kebocoran yang cukup nyata yang telah disebut dan telah diberi amarannya di peringkat lebih awal daripada kita menghadapi masalah kemelesetan ekonomi yang akhirnya dipersalahkan mengatakan ini adalah fenomena global. Sedangkan kalau kita lihat secara terperinci jumlah yang disebut agak *specific* dalam lingkungan RM19 bilion ini dilihat sebagai satu angka yang memang sudah dijangka kerana ini adalah amalan kebiasaan untuk setiap tahun kewangan berturut-turut sekurang-kurangnya untuk kebelakangan lima tahun yang lalu.

Jumlah *remittance* ini dari segi peratusannya agak mendatar, agak stabil. Ini bermakna sepanjang lima tahun lepas kita tidak berjaya menghasilkan satu mekanisme menghalang atau sekurang-kurangnya mekanisme untuk mengurangkan kadar *remittance* keluar secara *illegal* sebahagian besarnya kalau sudah tentu kita dapat nyatakan dalam Dewan ini menjadi ancaman kepada kebocoran ekonomi negara. Kita lihat antara perkara yang disebutkan paling utama sekali penubuhan atau pewujudan Lembaga Hasil Dalam Negeri ini adalah untuk meningkatkan keupayaan untuk meraih hasil atau *revenue* kepada kerajaan sudah tentu aktiviti-aktiviti *illegal* atau aktiviti haram atau bawah tanah yang disebutkan oleh Permatang Pauh dan rakan-rakan yang lain tadi termasuk juga di ruang lingkup pencukaian yang perlu dikemas kini atau diperbaiki supaya secara langsungnya kebocoran ini tidak berlaku lebih *massive* dengan izin untuk tahun-tahun yang akan datang.

Sudah tentu di antara tujuan kita membahaskan sama ada wajar atau tidak Dewan ini meluluskan rang undang-undang untuk meminda dan memasukkan beberapa perkara terhadap Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri yang akan kita putuskan sebentar lagi sama ada akan

membawa mana-mana perubahan atau kebaikan kepada apa yang telah berlaku selama ini sekurang-kurangnya mengambil kira suasana ekonomi negara yang kian meruncing. Perkara ini telah dinyatakan oleh semua pihak terutama yang lebih *credible*, dengan izin yang telah diberitahu sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan dan disokong oleh beberapa rakan kita Barisan Nasional. Semuanya mengakui kita telah dan sedang menghadapi masalah ekonomi dalaman yang meruncing.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik satu saranan yang telah disebut oleh seorang pakar ekonomi di sekolah ataupun daripada *Faculty Business and Accountancy* Universiti Malaya iaitu Profesor Dr. Mohd Nazri Nazari Ismail. Beliau menyebut tentang aktiviti-aktiviti haram ini juga telah *rip-off* dengan izin, telah mencuri sebahagian besar dari hasil atau *revenue* kerajaan yang sepatutnya disekat atau diambil pendekatan khusus selama ini untuk menghasilkan *revenue* bertambah sedangkan aktiviti-aktiviti ini wujud dengan begitu meluas berpuluh tahun lamanya dan beliau menganggap aktiviti ini sebagai aktiviti-aktiviti yang tidak pernah dilihat sebagai potensi utama untuk melipatgandakan hasil negara selama ini.

Lembaga Hasil Dalam Negeri sudah tentu mempunyai kuasa-kuasa tertentu iaitu pertamanya untuk mengutip cukai ke belakang dan kita lihat keadaan semasa memberi juridiksi atau memberi kuasa kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mengutip sekurang-kurangnya enam tahun kewangan ke belakang. Sekiranya benar kita merasa risau terhadap perkembangan ataupun sekurang-kurangnya kepada pendapatan Kerajaan Pusat untuk sekurang-kurangnya tahun kewangan 2009. Maka sudah tentu cadangan untuk melihat potensi meraih hasil berganda daripada aktiviti-aktiviti bawah tanah atau aktiviti-aktiviti haram ataupun aktiviti yang selama ini tidak dibongkar dan diendahkan oleh Kerajaan Malaysia, kerajaan kita ini mungkin boleh dilihat secara serta-merta.

Profesor ini menyebut bahawa selain daripada yang *specific* tadi, beliau melihat aktiviti meraih keuntungan bersifat *interest* ataupun kadar bunga. Aktiviti-aktiviti peminjaman wang, aktiviti-aktiviti ah long seperti yang disebut kebelakangan ini walaupun dikatakan sebagai sebahagian aktiviti yang tidak berlesen atau separa lesen ataupun walaupun tidak ada lesen masih boleh dilaksanakan kerana masih lagi didalangi oleh pihak-pihak yang sebahagiannya pihak-pihak yang patutnya melaksanakan undang-undang atau menegakkan undang-undang. Akan tetapi mereka dilihat atau dicurigai menjadi sebahagian daripada pelindung kepada aktiviti-aktiviti ini.

Profesor Dr Nazari ini menyebut tentang dengan izin "*Lending must be seen as an opportunity to be benevolent rather than to enrich oneself*". Ini peringatan yang disebut cadangan untuk mengurangkan pergantungan ataupun hidupnya aktiviti-aktiviti ah long dan beliau memberi idea yang bernas mengkritik walaupun agak pedas mengatakan aktiviti keuntungan yang diraih daripada pemberian pinjaman itu berbentuk keuntungan faedah begitu meluas sekali

sehinggakan kita lihat ini membawa kepada minat kepada bank-bank asing untuk datang dan beroperasi di dalam negara kita.

Perkara ini agak benar sekali kerana kebelakangan ini atau baru-baru ini kerajaan kita atau Kementerian Kewangan kita telah meluluskan tujuh pemberian lesen bank asing untuk beroperasi dalam negara kita. Kalau tidak kerana *focus* dengan izin keuntungan yang begitu baik dijangka dapat diraih oleh mereka sudah tentu mereka tidak akan datang sekadar untuk memberi manfaat atau membantu rakyat Malaysia tanpa faedah atau tanpa keuntungan yang begitu baik dijangka didapati atau diperolehi oleh mereka. Jadi ini juga memberi contoh benarnya aktiviti pemberian pinjaman wang sama ada secara *scale* kecil-kecilan atau besar-besaran atau mungkin yang telah dinaungi oleh pihak-pihak tertentu. Ada setengahnya dikatakan *inter-continent*, ada juga yang mengatakan bahawa *inter-state* dan ada juga mengatakan *internationally well organized*, dengan izin aktiviti pemberian pinjaman wang.

Sebagai contoh seorang yang menggunakan khidmat ah long di Kuantan, atau di Pahang sebagai contohnya boleh membuat bayaran bulanan terhadap skim ini walaupun pada ketika itu beliau berada di India atau di Bangladesh, masih lagi boleh dibuat pembayaran. Ini menunjukkan bahawa rangkaian terhadap aktiviti pemberian pinjaman wang ini begitu baik sekali dan jumlah ini juga atau aktiviti pembayaran balik pinjaman ini juga disokong oleh wujudnya pentadbiran *money changer*, rangkaian-rangkaian pentadbiran *money changer* yang begitu *effective* dan *efficient* dalam *backing up* dengan izin kepada aktiviti-aktiviti pemberian wang pinjaman along.

#### ■1700

Saya lihat sekiranya kerajaan kita, kerajaan *of the day* begitu serius untuk sekali gus menangani isu, kebocoran ataupun ketidakefisienan pengutipan cukai. Campur pula dengan seriusnya kita mengatasi masalah aktiviti pemberian wang Ah Long yang kebelakangan ini telah menjadi begitu ganas, dan telah menghasilkan kegiatan-kegiatan jenayah yang menyusahkan pasukan polis.

Maka saya rasa di antara remedi yang paling mudah dan paling cepat untuk kita fikirkan bersama iaitu meminta keefisienan atau meminta pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri supaya melihat secara jelas. Melihat secara spesifik terhadap kegiatan-kegiatan ini. Termasuk juga kegiatan yang disimpulkan kegiatan bawah tanah, atau kegiatan yang dianggap sebagai *illegal*.

Sedangkan mereka ini adalah..., sebahagian daripada aktiviti yang meraih keuntungan yang begitu besar tanpa membayar cukai. Mereka sudah tentu melihat undang-undang sedia ada, adalah sesuatu yang masih lagi meletakkan mereka di dalam keadaan atau di dalam suasana *tax heaven*, dengan izin. Perkara terakhir yang saya nak sebut di sini ialah berkenaan dengan...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** ...Belum-belum sedikit lagi. Selain daripada kebocoran yang disebabkan oleh aktiviti-aktiviti haram tadi Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Hasil

Dalam Negeri juga pada kebelakangan ini, telah melihat aktiviti utama, bukan lagi perlu diraih daripada cukai-cukai yang perlu dikutip pada tahun-tahun semasa, atau tahun-tahun percukaian semasa.

Lembaga Hasil telah begitu aktif untuk melihat cukai-cukai yang tertanggung kebelakangan seperti yang disebutkan oleh banyak pihak. Aktiviti-aktiviti *recovery* melalui proses penyiasatan cukai, telah giat dijalankan dan aktiviti ini telah meraih cukai kepada pihak kerajaan begitu banyak. Sebagai contoh RM90 bilion tahun lepas, sebahagian besarnya datang daripada aktiviti pengutipan cukai, berbentuk penyiasatan cukai.

Potensi ini dilihat kerana 40% daripada perniagaan, ataupun organisasi-organisasi syarikat sebagai mana yang dilaporkan oleh *The Star* pada 5 Mei yang lalu, dianggarkan 40% daripada organisasi perniagaan di negara kita ini. Sedikit sebanyak terlibat dengan unsur-unsur melarikan cukai, sama ada berbentuk pelarian cukai secara langsung, *under declaration*, dengan izin, barangkali *tax evasion* ataupun *omission*, dan juga aktiviti-aktiviti yang melibatkan aktiviti *transfer pricing*, dengan izin.

Perkara ini sudah diteliti dan dilihat dan saya mengucapkan syabas kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri kerana, inilah masanya untuk kita mencapai satu tahap, atau satu *break point*, di mana kita bersihkan tanggungjawab cukai tertanggung oleh kebanyakan institusi yang disebut..., kalau benar sebagai 40%.

Sedikit sebanyak mempunyai elemen mengelak cukai tadi, kita ambil satu pendekatan membersihkan semua perkara ini, terutama yang melibatkan organisasi-organisasi perniagaan berbentuk korporat yang terkandung dalam cukai, undang-undang ataupun peraturan pengutipan cukai berbentuk korporat tadi.

Saya juga berharap dengan wujudnya pindaan kepada Rang Undang-undang yang bakal kita buat sebentar lagi, ini juga akan membawa kepada implikasi-implikasi yang baik, kerana kita juga lihat bahawa kita mempunyai banyak masalah yang melibatkan pihak luar. Bukan sahaja pihak ataupun perkara yang melibatkan *domestic issue*, dengan izin.

Kita juga masih lagi mempunyai banyak perkara yang tertanggung yang dihasilkan oleh implikasi *double taxation agreement*, ataupun perjanjian percukaian dua kali yang banyak diperkatakan bahawa, kita menjadi mangsa kepada manipulasi sistem cukai yang berat sebelah, kerana ada pihak-pihak yang sengaja datang ke negara kita, kononnya membuat atau membawa pelaburan luar.

Akan tetapi sebenarnya, mereka meraih keuntungan yang begitu besar kerana wujudnya manipulasi *double taxation agreement* yang telah kita laksanakan beberapa tahun dahulu. Saya berharap juga rang undang-undang baru ini, walaupun tidak secara langsung merujuk kepada mengupayakan kedudukan ini. Kita harap juga Lembaga Hasil Dalam Negeri, melihat terhadap elemen kebocoran yang juga melibatkan *foreign party* yang secara tidak langsung

memanipulasikan rakan niaga tempatan, atau domestik kita untuk kepentingan mereka. Saya dengan ini mengucapkan terima kasih dan menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Putatan.

**5.07 ptg.**

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut membahaskan Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995. Perkara yang saya ingin bangkitkan adalah perkara yang sikit dan mungkin tidak penting bagi penglihatan kementerian. Akan tetapi ini adalah satu perkara yang selalu diluahkan apabila sebagai Wakil Rakyat, turun berjumpa dengan rakyat dan perkara seperti ini, akan selalu timbul perkara yang tidak...keadilan dari pihak...kutipan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Terutama sekali yang membuat keluhan dan ketidakpuasan hati adalah dari golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Terutama sekali golongan kakitangan awam, yang mempunyai *fixed income*, dengan izin, yang menerima gaji pada setiap bulan. Bukan sahaja itu apabila sudah menerima gaji, potongan sini sana, potongan EPF, potongan hutang pembayaran kereta dan sebagainya dan tidaklah terkecuali pemotongan hasil yang dikutip daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Apa yang berlaku sebenarnya adalah sistem pengutipan di antara korporat yang pembayar korporat, dan satu daripadanya daripada *system fixed income* ini, seperti kakitangan awam. Satu kes yang telah ditimbulkan, dikemukakan kepada saya adalah surat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri yang hendak minta bayar RM130 daripada seseorang pembayar, ataupun seseorang kakitangan kerajaan.

Jadi apabila dikira kos pengutipan ini, mungkin dianggarkan lebih kurang RM300, yang mana disenaraikan sebagai setem atas harga kertas, kos *labour* dan sebagainya. Saya percaya ini akan merugikan pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk mengutip wang yang sejumlah kecil ini.

Apa yang berlaku sebenarnya kalau kita tengok dalam statistik kita. Hutang yang tidak dibayar kepada Lembaga ini, bukan datangnya daripada golongan yang berpendapatan rendah, tetapi hasil daripada korporat-korporat yang sukar menghubungi atau mendapat pembayaran daripada syarikat-syarikat gergasi.

■ 1710

Yang keduanya, sebagaimana yang diujah oleh Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh dan Ahli Yang Berhormat Indera Mahkota baru-baru tadi, saya juga tercatat kegiatan-kegiatan yang dianggap haram seperti penjualan nombor empat ekor yang berleluasa di negeri Sabah dan Sarawak. Memang sudah haram. Perjudian memang sudah haram. Namun diharamkan lagi dengan aktiviti yang saya tidak percaya kenapa pihak penguat kuasa tidak dapat mengesan kegiatan-kegiatan penjualan nombor empat ekor di peringkat-peringkat kampung. Saya tidak tahu

kalah Kelantan ada. Saya rasa di Wangsa Maju ada. Dia selalu beli nombor empat ekor yang haram.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Ini tuduhan liar ini. Kena tarik balik ini.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Saya tahu di Wangsa Maju ada.

**Seorang Ahli:** Tujuh ekor.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Ya.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya tidak pernah beli nombor empat ekor ini.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Ketawa]*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, dia kena tarik balik tuduhan ini.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Ketawa]*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Saya tidak pernah beli nombor empat ekor langsung.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Saya bilang tadi mungkin sahaja. **Tuan**

**Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Tidak boleh!

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Ketawa]*

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Mungkin pun tidak boleh. Itu sangkaan jahat..., 36(6)...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Kena tarik balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, tidak perlulah buat tuduhan seperti itu, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Okey, tarik balik. Okey. Satu perkara yang juga ditimbulkan oleh sahabat Yang Berhormat daripada Indera Mahkota soal transaksi di luar negara ini. Kita semua tahu bahawa terdapat, ini bukan tuduhan tetapi saya rasa inilah perkara yang berlaku pada ketika dahulu di mana banyak antara syarikat-syarikat yang membuat perniagaan yang membuat transaksi di luar negeri terutama sekali di Hong Kong pada ketika itu. Penjualan kayu balak eksport. Transaksi ini juga terdiri daripada kos-kos konsultan, kos-kos insentif dan sebagainya dan saya rasa ramai yang menerima insentif-insentif ini melalui akaun-akaun mereka di luar negeri.

Kalau saya tidak silap, orang-orang yang berkenaan mempunyai kredit kad-kredit kad yang platinum yang digunakan dan dibayar daripada luar negeri. Jadi, saya tidak tahu kenapa pihak lembaga tidak dapat mengesan aktiviti-aktiviti serupa seperti ini. Saya tidak tahu kalau Pengkalan Chepa ada kredit kad yang dikeluarkan di luar negeri. Saya rasa inilah yang kita lihat yang rata-rata berleluasa di negara kita. Jadi, saya harap pihak lembaga dapat mengesan kelakuan-kelakuan seperti ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, wang *inducement* daripada pihak

syarikat-syarikat sebagai *consultant fee* ini pun juga tidak terekod di dalam semua transaksi perniagaan yang kononnya kadang-kadang dikatakan sebagai insentif dan dimanipulasi pula oleh pihak-pihak yang tertentu terutama sekali dari pihak pembangkang sebagai satu kegiatan korupsi terutama sekali Yang Berhormat Ipoh Barat selalu menimbulkan perkara ini. Perkara Port Klang dan sebagainya. Jadi ini juga Lembaga Hasil Dalam Negeri harus melihat *inducement fees* ataupun *consultant fees* seperti apa yang berlaku dengan syarikat-syarikat gergasi yang membeli tanah di sana sini.

Jadi, dengan itu saya tidak memanjangkan lagi kerana apa yang saya hendak katakan di sini Tuan Yang di-Pertua telah pun ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Sekian, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

**5.15 ptg.**

**Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan Rang Undang-undang Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2008. Saya rasa banyak yang telah diperkatakan dari segi keperluan ataupun dasar undang-undang yang hendak dipinda ini. Kalau tidak silap saya, hasil yang dipungut oleh Kerajaan Pusat daripada rakyat Kelantan tidak kurang daripada RM3 bilion. Hasil *income tax* nya, cukai jalannya, Kastamnya, Imigresennya dan juga hasil-hasil yang dikenakan kepada kedai-kedai ataupun barangan yang dijual di Kelantan. Namun pulangnya mungkin tidak sampai RM3 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat yang saya hormati jugalah, sahabat karib saya daripada Pasir Mas kata orang Kelantan, "Gomo kuat sangat!", ...*[Ketawa]* Gomo kuat sangat ini..., hentam cukup hebat. Ini seolah-olah di Kelantan ini tidak ada pembangunan. Takkanlah sebuta itu mata kita? Takkanlah tidak nampak begitu mor. Saya rasa tidak itu. Satunya kerana mungkin sebahagian daripada wakil rakyat kita ini dan juga rakyat di luar Kelantan tidak faham tentang dasar pembangunan di Kelantan. Kelantan ini membangun bersama Islam atas dasar dalam pembangunan ini dia sebut '*dharuriat-dharuriat, hajiat dan itqan, tahsiniah*'. Maknanya kita menumpu kepada perkara-perkara asasi dulu supaya rakyat kita boleh makan. Supaya rakyat kita tidak kelaparan. Ini perkara-perkara '*dharuriat*'. Yang kedua, perkara-perkara keperluan supaya dapat menampung dan membantu rakyat kita hidup dengan sihat dan *wal'afiat*. Yang ketiga barulah, *tahsiniah* perkara-perkara yang dikatakan mega ataupun *luxury*.

Jadi, termasuk Yang Berhormat Pasir Mas ini rakyat kita, rakyat Kelantan. Jadi dalam soal ini, kita tengok tidak adil kalau kita hanya mengecam kerana kita tidak puas hati. Darjah kemajuan yang kita hendak itu tidak sampai seolah-olah kemajuan tidak ada. Itu tidak adil. Yang kedua tidak adil juga kalau kita hanya menyebut perkara-perkara yang buruk. Tidak menyebut perkara-perkara yang dicapai sama ada di Kelantan ataupun di Pusat. Bagi saya, saya tidak

hendak bercakap atas nama politik tetapi saya bercakap atas nama salah seorang pentadbir negeri Kelantan selama 14 tahun bersama Tok Guru dan wakil rakyat sekarang ini.

Kita tengok *cost strength* dulu sama ada Barisan Nasional memerintahkah, PAS memerintah pun dia tidak boleh buat dengan 'lajak' atau maju dengan segera di Kelantan sebab *cost strength* nya tanah di Kelantan ini 97% *Malay Reserve*. Maknanya *Malay Reserve* ialah tidak boleh dibuka kepada orang luar daripada Kelantan kecuali anak-anak Kelantan sama ada Melayu anak Kelantan atau bukan Melayu anak Kelantan. Ini masalahnya. Apakah kita hendak korbankan ini atau tidak? Semasa Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan semasa Tengku Razaleigh Hamzah jadi Menteri Kewangan adalah sama. Dia tidak mahu korbankan ini. Kita tidak mahu kemajuan ini seperti di Langkawi. Orang Singapura pergi beli. Akhirnya rakyat terkapai-kapai. Kita menjadi korban kepada pembangunan. Kita tidak mahu seperti Johor, Iskandar. Sikit-sikit orang luar 3,000 hektar lebih akan jadi milik orang luar secara *freehold*. Kita tidak mahu ini. Di Kelantan tidak boleh. Kita sudah panggil pelabur daripada Singapura semasa saya menjadi Timbalan Menteri Besar dulu yang memegang portfolio ini. Kita panggil. Satu rombongan pelabur dari Singapura mari, mari ke Kelantan. Kita pelawa dia supaya melabur. Dia kata Dato' hendak berapa..., berapa banyak pelaburan? RM3 bilion, RM5 bilion kita boleh bawa mari tapi dengan dua syarat. Dengan dua syarat.

Syarat pertama kawasan yang hendak dimajukan itu mesti *freehold*. 10,000 ekarkah? 30,000 ekar kena *freehold*.

#### ■1720

Maknanya, kita bagi milik kepada syarikat luar negara secara seumur hidup, sampai mati. Maknanya, negeri kita tergadai. Kedua, premium, tanah hanya RM1 token sahaja. Kita tolak kerana kita tidak hendak tanah kita tergadai kerana mengejar kemajuan. Kita tengok sini di Kuala Lumpur, maju tetapi harta Bumiputera 8%. Kita tidak hendak macam ini. Kita hendak kemajuan tetapi kemajuan keseimbangan. Kita tidak hendak tanah kita tergadai terutama kepada orang luar, orang asing, orang luar negara tetapi rakyat kelaparan, rakyat menjadi korban kepada kita.

Ini polisi yang mesti kita terap. Saya teringat waktu kita membuat polisi. Tun Razak suatu masa dahulu dia memesan kepada Kerajaan Kelantan di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Asri, Menteri Besar pada masa itu. Dia kata jangan buat bangunan yang tinggi sehingga orang-orang tempatan tidak boleh beli. Kalau kita buat pencakar langit, orang tempatan tidak boleh beli. Sekarang ini, kalau kita buat begitu rakyat akan menjadi korban pembangunan. Buatlah pembangunan seimbang dengan kemampuan rakyat yang boleh membeli supaya kemajuan dapat, rakyat kita pun tidak jadi korban.

Ini polisi kita. Jadi, polisi macam ini tidak difahami. Kita hendak kemajuan tetapi kita tidak sanggup gadai tanah ini kepada *foreigner* selama-lamanya. Kalau kita kejar kemajuan, kita bagi. 30,000 ekar, boleh. Orang Singapura hendak, orang Taiwan mari hendak, Hong Kong pun

hendak. Untuk rakyat bukan bumiputera, Malaysia okey. Kita boleh bagi. Kita buka daripada 100% premium rizab ini kepada 30% bukan bumiputera dan 70% bumiputera.

Ini polisi kita. Baik Barisan Nasional dahulu yang memerintah, sama. Baik PAS kita tidak sanggup lagi. Kalau kita hendak cuba ubah dasar pembangunan ini, kita akan jadi seperti Langkawi. Kita akan jadi seperti Iskandar. Kita akan jadi seperti Kuala Lumpur di mana-mana. Di mana orang asing, orang luar dari negara boleh beli dengan tidak pun dapat cukai bangunan yang hendak dibeli itu, yang dahulunya kena RM250,000, sekarang *free*. Kita tidak hendak itu. Kita hendak jaga supaya kemajuan ini dapat dicapai tetapi tidak mengorbankan orang tempatan.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Ya, boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Jasin.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin hendak berkongsi pendapat Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

Pertamanya, apabila Yang Berhormat sebut tadi tentang pulangan yang diberikan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri berdasarkan daripada pungutan cukai yang dipungut oleh negeri Kelantan. Saya pun hendak berkongsi pendapat.

Untuk maklumat Yang Berhormat, negeri Melaka menyumbang cukai sebanyak RM1.9 bilion setahun. Untuk Rancangan Malaysia Kesembilan, jumlah cukai yang akan kita akan dapat kutip adalah sebanyak RM9.5 bilion. Akan tetapi, kami hanya mendapat peruntukan untuk RMK-9 RM3.9 bilion sahaja. Ini kerana, kita sedar bahawa Kerajaan Pusat mempunyai obligasi masing-masing.

Saya telah membuat perbandingan sebenar. Walaupun negeri Melaka kecil tetapi jumlah cukai yang kita dapati mengatasi negeri Kelantan bahkan jumlah yang kita dapat untuk RMK-9 kita lebih bawah daripada negeri Kelantan.

Keduanya Yang Berhormat, apabila Yang Berhormat menyebutkan tadi tentang tanah rizab Melayu, saya cukup menyokong. Kita mesti mempertahankan pemilikan tanah rizab Melayu tetapi apa yang kita buat di negeri Melaka, tanah-tanah Melayu ini kita majukan, kita carikan tanah ganti yang sama nilai atau pun sama luasnya, tanah ini dibangunkan.

Di Melaka tidak ada kita berikan milik kekal ke mana-mana pelabur. Sebenarnya, kita mempunyai sasaran, pada setiap tahun kita mesti mendapatkan pelaburan sebanyak RM3 bilion. Sampai sekarang pun pelabur masih datang. Kita mempunyai tanah yang kita majukan khas untuk dijadikan kawasan perindustrian. Mungkin satu masa dahulu tanah itu adalah tanah milik rizab Melayu tetapi kita ambil tanah tersebut yang mempunyai potensi, kita gantikan dengan

tanah yang lain, dengan nilai yang sama dan mungkin luas yang sama. Jadi, kita boleh bangunkan negeri tersebut supaya kita dapat memberikan pulangan ekonomi dan memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat. Terima kasih.

**Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sebahagiannya saya setuju. Mungkin Melaka ini satu negeri yang kecil di mana tanah-tanah itu boleh dikatakan nilai harganya agak sama. Akan tetapi, di Kelantan, tanah yang tinggi nilainya di sebelah utara. Di sebelah selatan ini, RM7,000 satu ekar sahaja. Jadi, kalau kita ambil kaedah ini, kita ganti di hulu Kelantan, dan kita majukan di sini mungkin tidak seimbang seperti di Melaka. Itu situasi yang berlainan.

Kedua, kita belum bersedia. Saya rasa kalau Dato' Awang Adek, mungkin suatu masa nanti menjadi Menteri Besar dia pun tidak sanggup untuk mengorbankan tanah rizab Melayu ini. Tidak sanggup. Siapa yang sanggup berkorban ini, mesti kalah dalam pilihan raya. Rakyat Kelantan belum boleh menerima hakikat ini. Jadi, pembangunan yang seimbang ini lah yang kita buat walaupun tidak selaju Pulau Pinang, tidak selaju Johor, tetapi kita masih *maintain*, masih tidak terkebelakang.

Ketiga, dari segi hak asasi daruriyat tadi. Kita tengok dalam tahun 1990, waktu Kerajaan PAS mengambil alih pemerintah. Kadar kemiskinan 29% lebih di negeri Kelantan sahaja mengatasi Sabah. Akan tetapi, selepas 18 tahun, 20 tahun ini data dari kementerian sendiri. Negeri Kelantan sekarang ini telah turun kepada 7.4%. Cuba Yang Berhormat fikir, kejayaan untuk membasmi dengan kerjasama Kerajaan Pusat membasmi kemiskinan ini, mengurangkan ini satu kejayaan yang besar mengatasi di Sabah, sekarang ini 26.3% kadar kemiskinan. Terengganu, 9.3%; Perlis, 8.3%, Kelantan 7.4%.

Kejayaan ini tidak ada di atas meja tetapi graf ini adalah satu kejayaan dalam memerintah Kelantan selama 20 tahun kita telah membasmi lebih daripada 21% kemiskinan. Cuma tinggal sedikit lagi. Insya-Allah, dalam masa tidak berapa lama lagi, kita akan dapat membasmi dengan kerjasama daripada Kerajaan Pusat.

Keempat, untuk membangun. Saya tidak lah hendak menuduh banyak. Ada perkara-perkara yang Kerajaan Pusat memberi pinjaman seperti air. Dia bagi RM600 juta yang membolehkan kita membuat pengembangan loji-loji, *supply* kepada rakyat, dan sebagainya. Akan tetapi, dalam pembangunan fizikal yang lain Kerajaan Pusat tidak membantu banyak. Misalnya, saya hendak katakan pembangunan tanah di bawah kerajaan negeri iaitu kita buat rumah di bawah kerajaan tempatan.

Kita pinjam RM24 juta sahaja dan lulus, rumah sudah bangun. Akan tetapi dengan sertamerta dia tarik balik. Tarik balik dengan tidak ada sebab. Ini berlaku kira-kira 10 tahun dahulu. Kita hendak kata tidak ada diskriminasi, tidak tahu lah tetapi pada masa itu berlaku. Ini boleh tengoklah dalam data kerajaan dan saya percaya masa Pak Lah ini dan masa sekarang ini mungkin tidak berlaku lagi.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Boleh, terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Pengkalan Chepa. Saya mendengar hujah Yang Berhormat Pengkalan Chepa sungguh baik sekali didengar oleh kami. Apa pendapat Yang Berhormat jika cadangan untuk menubuhkan kerajaan perpaduan itu diwujudkan dengan serta-merta? Ini kerana saya rasa ramai di antara kawan-kawan, sahabat daripada sana bersetuju dengan cadangan Presiden Parti PAS ini.

■1730

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa boleh sambung esok untuk mengulas pertanyaan itu.

**Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Okey, insya-Allah. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Kita ada usul daripada Yang Berhormat Menteri.

### USUL

#### **MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH P.M. 16(3)**

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Chor Chee Heung]:** Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan,

“Bahawa mengikut peraturan mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Saya mohon menyokong

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Silakan Yang Berhormat.

### UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

#### **Arahan Jemaah Menteri Harus Dilaksanakan Secara Adil Berhubung Isu Pemelukan Agama**

5.30 ptg.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Terima kasih. Keputusan Jemaah Menteri harus dilaksanakan dengan pentadbiran secara adil berhubung isu pemelukan agama. Isu ini sudah ditimbulkan beberapa kali tetapi Kerajaan tidak pernah mencadangkan untuk meneliti keseriusan isu ini. Negara kita adalah sebuah negara sekular dan kerajaan harus mengambil satu keputusan yang sah dari segi undang-undang untuk mengelakkan ketidakpuasan hati

segolongan rakyat di negara ini. Apakah yang terjadi kepada jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Kabinet baru-baru ini serta apakah yang dilakukan oleh jawatankuasa tersebut setakat ini?

Arahan Jemaah Menteri pada 23 April 2009 berhubung isu pemelukan tidak bergigi dan dari segi undang-undang, secara umumnya keputusan itu dibuat secara membuta tuli demi kepentingan agenda politik semasa oleh kerajaan. Pada masa yang sama, arahan yang dikeluarkan oleh Jemaah Menteri itu sememangnya memeranjatkan serta tidak sampai pada hakikat yang sebenarnya. Sehingga hari ini, tidak ada apa-apa perubahan dilakukan selepas arahan itu dikeluarkan. Kritikan demi kritikan dikeluarkan tetapi kerajaan tidak dapat membuat penjelasan dan pendirian terhadap arahan tersebut. Arahan sudah dikeluarkan tetapi sistem pelaksanaan masih belum diputuskan. Inilah selalunya berlaku di negara ini. Bilakah kerajaan akan kotakan dapat dilihat di negara ini?

Sehingga hari ini, kerajaan masih belum menubuhkan jabatan bukan Islam bagi mengendalikan segala isu-isu yang berkaitan bukan Islam termasuk isu pemelukan agama. Kerajaan sehingga hari ini tidak berhasrat atau pun serius berhubung isu pemelukan agama. Apa yang menyebabkan kerajaan bersikap sambil lewa dalam hal sebegini? Pada pandangan saya, kewujudan isu sebegini adalah disebabkan oleh kegagalan kerajaan dalam menubuhkan jabatan bukan Islam dan tidak mahu menghormati kehendak rakyat.

Sudah berpuluh-puluh tahun kerajaan Barisan Nasional mentadbir negara ini dan mengapakah kewujudan jabatan bukan Islam menjadi satu soal yang begitu tidak upaya. Apakah kerajaan tidak berupaya atau pun berniat untuk menjadikan bukan Islam sebagai kurang upaya di negara ini. Suara dan tangisan bukan Islam dalam isu pemelukan agama setiap kali diketepikan dan untuk berapa lamakah keadaan akan diteruskan dan bilakah perubahan daripada Perlembagaan akan dilaksanakan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.  
**5.34 ptg.**

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan sesuatu arahan Jemaah Menteri mestilah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang yang sedang berkuat kuasa. Mengenai isu penentuan agama anak yang berumur di bawah 18 tahun, apabila salah seorang ibu atau bapanya memeluk agama lain, Jemaah Menteri telah bersetuju bahawa penentuan agama anak itu mestilah dibuat selaras dengan Fasal (4) Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan. Menurut Fasal (4) Perkara 12 itu, agama seseorang anak yang di bawah umur 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapanya iaitu perkataan *parent* dalam bahasa Inggeris '*parent*' atau penjaganya.

Dalam kes Subashini a/p Rajasingham lawan Saravanan a/l Tangatori 2008 (2) MLJ 147, Mahkamah Persekutuan telah mentafsirkan perkataan *parent* sebagai mufrad iaitu *singular* dan bukannya jamak *plural*. Oleh itu, seseorang ibu atau bapa yang memeluk agama lain

mempunyai hak di bawah Perlembagaan Persekutuan untuk menetapkan agama anaknya yang berumur di bawah 18 tahun. Kerajaan memang sentiasa memandang serius isu pemelukan agama dan penubuhan suatu jawatankuasa kecil oleh Jemaah Menteri yang terdiri daripada beberapa orang menteri untuk menangani isu berkenaan dengan penukaran agama ialah bukti keseriusan kerajaan dalam menangani isu ini bukan macam Yang Berhormat sebutkan tadi ya.

Sebelum jawatankuasa kecil ditubuhkan oleh Jemaah Menteri untuk menangani isu penukaran agama, draf Rang Undang-undang untuk meminda tiga akta iaitu:

- (i) Akta Membaharui Undang-Undang iaitu Perkahwinan dan Penceraian 1976;
- (ii) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993;
- (iii) Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 198.

Akta-akta ini telah disediakan pada tahun 2007. Antara pindaan yang dicadangkan menyentuh pembubaran perkahwinan, *resolution marriage*, dengan izin, hak jagaan anak, nafkah anak-anak dan isteri serta pembahagian aset perkahwinan. Jawatankuasa kecil ini telah ditaklimatkan tentang cadangan pindaan kepada akta-akta yang berkenaan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara pada 5 Mei 2009.

Jadi pindaan sedang dilakukan kepada ketiga-tiga undang-undang yang berkenaan dan kita sasarkan untuk pembentangan di Parlimen pada Mesyuarat Kedua yang berlangsung sekarang. Saya harap Yang Berhormat dengan geng-geng semua sokonglah ya kalau hendak selesaikan masalah ini. Okey. Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan bahawa negara ini adalah negara sekular, Yang Berhormat sebut tadi negara ini negara sekular Perlembagaan Persekutuan secara jelas mengiktirafkan di bawah Fasal (1) Perkara 3 bahawa Islam adalah agama bagi Persekutuan. Ini berbeza dengan negara sekular yang lain seperti Amerika Syarikat, India dan Turki yang secara jelas memperuntukkan di bawah Perlembagaan mereka bahawa negara itu ialah sebuah negara sekular.

Dalam Perlembagaan Persekutuan, perkataan sekular ini langsung tidak disebut di mana-mana bahagian Perlembagaan. Selain itu, kedudukan istimewa agama Islam di bawah Perlembagaan Persekutuan juga turut disebut di bawah Fasal (4) Perkara 11 iaitu berkenaan dengan penyekatan pengembangan apa-apa doktrin atau kepercayaan agama di kalangan penganut agama Islam oleh undang-undang negeri atau Persekutuan. Fasal (2) Perkara 12 iaitu tentang hak berkenaan dengan pendidikan di mana sah bagi Persekutuan atau satu negeri menubuhkan atau menyenggarakan atau membantu dalam menubuhkan atau menyenggarakan institusi Islam atau mengadakan atau membantu dalam mengadakan ajaran dalam agama Islam dan melakukan apa-apa perbelanjaan yang perlu.

Fasal (1A) Perkara 121 berkenaan dengan bahawa Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara bidang kuasa Mahkamah Syariah. Butiran 1 senarai negeri Jadual kesembilan Perlembagaan Persekutuan iaitu yang antaranya termasuk hukum syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam dan mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang-orang yang menganut agama Islam dan juga dalam ikrar Yang di-Pertuan Agong dalam Jadual Keempat, semua peruntukan tersebut jelas memperkukuhkan kedudukan Islam sebagai agama bagi persekutuan. Di bawah Jadual Keempat, Perlembagaan Persekutuan misalnya Yang di-Pertuan Agong semasa dilantik jawatan itu telah bersumpah untuk memelihara agama Islam di negara ini pada setiap masa dan sumpah itu mestilah diterjemahkan dalam setiap dasar yang dibuat oleh kerajaan.

Kedudukan Islam sebagai agama yang istimewa di bawah Perlembagaan Persekutuan juga telah diiktiraf oleh mahkamah atasan negara dalam kes Kamariah binti Ali lawan Kerajaan Negeri Kelantan iaitu dalam bahasa Inggerisnya Kamariah Ali dan lain-lain *versus* Kerajaan Negeri Kelantan dalam tahun [2004] 3 CLJ 409 FC. Dalam kes Lina Joy *versus* Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan dan yang lain tahun [2007] 3 CLJ 557 FC.

#### ■1740

Ini menunjukkan kedudukan Malaysia sebagai Negara Islam. Kedudukan Islam dalam perlembagaan yang jelas menunjukkan bahawa Islam itu adalah agama Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, kedudukan Malaysia sebagai Negara Islam juga telah diperjelaskan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2001 dan 2007, dalam jawapannya di Parlimen pada 27 Ogos 2007, Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah Ahmad Badawi menyatakan Malaysia bukanlah sebuah Negara sekular ataupun negara autokratik.

Malaysia adalah sebuah negara Islam yang ditadbir berlandaskan prinsip-prinsip Islam, dan pada masa yang sama berpegang teguh kepada prinsip-prinsip Demokrasi Berparlimen yang berpandukan kepada undang-undang tertinggi negara iaitu Perlembagaan Persekutuan dan keadaan ini, tidak berubah. Terima kasih.

### **Jenayah Mengguna Pakai Nama Bank Untuk Tujuan Penipuan**

#### **5.42 ptg.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jenayah mengguna pakai bank dan Bank Negara untuk tujuan penipuan simpanan bank. Sejak kebelakangan ini *consumer* menjadi mangsa penipuan selepas menerima panggilan telefon daripada penyamar wakil bank yang menggunakan nama bank dan Bank Negara untuk tujuan penipuan wang simpanan bank *consumer*. Penyamar menghubungi mangsa atas nama bank

dan meminta mangsa menjelaskan tunggakan bayaran kad kreditnya untuk pembelian komputer bernilai RM4000. Apabila mangsa menafikan mempunyai kad kredit dengan kredit tersebut, penyamar menasihatinya membuat aduan kepada Bank Negara dengan memberi nombor telefon Bank Negara kepadanya.

Akan tetapi ia bukan nombor bank negara tetapi kepada rakan penyamar. Ia akan di sambung kepada peti suara berpesanan "Terima kasih menghubungi Bank Negara", memberikan gambaran bahawa ia adalah Bank Negara. Wakil Bank Negara palsu akan mendengar aduan dan memaklumkan bahawa beliau akan mengambil tindakan memantau urusan transaksi bank mangsa bagi memastikan mangsa bukan membuat aduan palsu, mangsa di minta memberi maklumat peribadi dan lain-lain maklumat bank kecuali nombor pin ATM. Mangsa diminta ke ATM bank nya dan mengikut arahannya kononnya bagi mengaktifkan akaun untuk pemantauan transaksi urusan bank. Di sepanjang masa wakil palsu tidak meminta no pin kad ATM mangsa. Akhirnya kredit dikeluarkan yang mencatatkan transaksi pemindahan sejumlah wang, arahan dan proses ATM adalah di luar amalan biasa bagi transaksi pemindahan wang ke akaun pihak ketiga.

Persoalan pertama, apakah sistem ATM bank adalah selamat dan diperlindungi daripada mudah dicerobohi. Di dalam kes ini, proses urusannya adalah luar biasa daripada amalan biasanya tetapi sistem ATM tidak menghentikan atau menggagalkan urusan itu. Ketika aduan disampaikan, pegawai bank turut terkejut catatan sistem komputer dalamannya yang berbeza daripada urusan biasa. Bukankah *consumer* harus dibayar ganti ruginya kerana sistem bank gagal melindungi kepentingan penggunanya. Ini bukan penipuan menerusi SMS, e-mel atau panggilan telefon dengan tarikan cabutan hadiah atau kemenangan hadiah. Sejauh mana tindakan telah diambil oleh bank dan Bank Negara. Jika mangsa menghubungi nombor telefon penyamar yang tertera di telefon bimbitnya, sambungan akan ke peti suara nama sebuah bank. Apa yang mengejutkan adalah nombor *hotline* telefon yang hampir sama dengan sebuah bank itu kecuali tambahan satu digit kosong di depannya sahaja.

Berapakah aduan dan nyatakan nama bank yang telah disalahgunakan? Pada 20 April 2009, *New Straits Times* telah melaporkan keseriusan penipuan berunsur jenayah komersial ini. Berapakah tangkapan telah dibuat dan dituduh? Terdapat satu kes, saya dimaklumkan bahawa polis telah meminta mangsa untuk balik ke tempat di mana cawangan akaunnya di buka untuk memberi kenyataan walhal kejadian laporan polis dan proses transaksi di ATM Kuala Lumpur. Birokrasi ini harus dihapuskan bagi mengurangkan masa siasatan dan kesulitan terhadap mangsa yang berada dalam keadaan trauma.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Sila Yang Berhormat Menteri.  
5.46 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan II, [Dato' Dr. Awang Adek Hussin]:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Gajah, telah membangkitkan beberapa isu berkaitan keselamatan ATM Bank, perlindungan terhadap *consumer* dan langkah-langkah pencegahan yang diambil

oleh Bank Negara Malaysia dan institusi perbankan. Untuk makluman Yang Berhormat, auto *teller machine* atau ATM diperkenalkan bagi kemudahan *consumer* menjalankan transaksi perbankan. Ia di kawal selia oleh setiap institusi perbankan yang memiliki ATM berkenaan, dan perkhidmatan ini adalah selamat, sekiranya digunakan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh institusi perbankan.

Tahap keselamatan penggunaan ATM telah dipertingkatkan lagi melalui penggunaan kad pintar dengan menggunakan cip beberapa tahun yang lalu. Walau bagaimanapun Bank Negara Malaysia telah memandang berat terhadap peningkatan kes-kes penipuan kad ATM kebelakangan ini.

Bagi membendung masalah ini dan memelihara kewibawaan sistem ATM, Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan beberapa garis panduan berkaitan kawalan keselamatan perbankan elektronik, termasuk standard keselamatan minima bagi mesin ATM, kepada institusi-institusi perbankan. Garis panduan tersebut bertujuan untuk memastikan agar penggunaan ATM adalah selamat dan sentiasa dilindungi daripada dicerobohi oleh pihak tertentu. Garis panduan ini wajib dipatuhi oleh setiap institusi perbankan. Namun begitu adalah sukar untuk menyekat transaksi yang dijalankan oleh *consumer* ke atas akaun mereka di ATM, dan kelalaian para *consumer* dalam memastikan keselamatan dalam penggunaan perkhidmatan ini, boleh menyebabkan para *consumer* mengalami kerugian atau menghadapi masalah-masalah lain.

Dalam transaksi pemindaan wang di ATM, sistem sedia ada tidak dapat membezakan sama ada satu transaksi pemindaan adalah sah atau palsu, sekiranya transaksi pemindaan wang berkenaan dilakukan oleh pengguna itu sendiri. Walau bagaimanapun pihak Bank Negara Malaysia akan berbincang dengan institusi perbankan, kemungkinan proses transaksi pemindaan wang yang lebih ketat seperti yang diutamakan, diamalkan di dalam perkhidmatan perbankan *internet*, diperluaskan untuk perkhidmatan ATM.

Secara umumnya, sebarang pemindaan wang secara tidak sah jika tidak disebabkan oleh kelemahan sistem ATM itu sendiri akan diberi ganti oleh pihak Bank. Secara prinsipnya juga pihak bank boleh dikehendaki membayar ganti rugi jika pemindaan atau pengeluaran wang berkenaan adalah disebabkan oleh kesilapan pengguna itu sendiri. Apabila satu laporan di terima daripada *consumer* terhadap kegagalan sistem ATM institusi perbankan, maka satu siasatan akan dilakukan oleh satu institusi perbankan terbabit, bagi mencari punca kegagalan tersebut. Sekiranya siasatan mendapati ia berpunca dari kegagalan ATM, maka *consumer* akan di bayar ganti rugi dengan kadar segera. Sekiranya siasatan mendapati kesilapan *consumer* seperti memindahkan dana kepada pihak ketiga oleh pemegang akaun sendiri, mendedahkan nombor pin kepada pihak ketiga dan memberikan kad ATM dan pin kepada pihak ketiga, maka pihak institusi perbankan tidak boleh dipertanggungjawabkan dan kerugian haruslah di tanggung oleh *consumer* itu sendiri. *Consumer* disarankan agar sentiasa menyimpan pin mereka dengan selamat, dan tidak mendedahkan kepada sesiapaupun. Pihak institusi perbankan serta Bank

Negara Malaysia tidak pernah meminta agar pin-pin dikemukakan kepada sesiapa pada bila-bila masa. *Consumer* juga di minta berhati-hati dan tidak tertipu dengan skim penipuan oleh pihak yang ketiga, yang menjanjikan pulangan yang lumayan sekiranya *consumer* membayar yuran atau fi kepada akaun pihak tertentu melalui ATM.

■1750

Bank Negara Malaysia menasihatkan *consumer* untuk melaporkan segera sebarang masalah tentang penggunaan mesin ATM kepada institusi perbankan terbabit. Jika *consumer* masih tidak berpuas hati tentang hasil siasatan oleh institusi perbankan berkenaan, *consumer* bolehlah mengumumkan aduan kepada Biro Perantaraan Kewangan, *Financial Mediation Bureau*. Dalam tahun 2008 pihak biro telah menerima 120 aduan, berhubung pengeluaran tanpa kebenaran daripada ATM dan telah dapat menyelesaikan sebanyak 111 kes yang bernilai kesemuanya RM220,789.

Yang Berhormat Batu Gajah juga mempersoalkan sejauh mana tindakan telah diambil oleh bank dan Bank Negara Malaysia. Bank Negara Malaysia telah banyak menerima aduan dari orang ramai berhubung kewujudan pusat pengurusan kad kredit palsu yang didakwa ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia. Modus operandi yang diterima oleh Bank Negara Malaysia adalah sama seperti yang diterangkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah tadi. Pengadu-pengadu terbabit telah terpedaya untuk mendedahkan maklumat peribadi mereka seperti nombor kad pengenalan, butiran kad kredit dan akaun simpanan serta diminta untuk membuat pindahan wang ke akaun tertentu.

Dalam menangani kes-kes seperti ini Bank Negara Malaysia telah mengambil tindakan seperti berikut:

- (i) menjalankan siasatan seperti membuat carian alamat syarikat di Syarikat Telekomunikasi dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta pemantauan ke atas premis terbabit;
- (ii) membuat laporan polis pada 29 Januari 2009 dan 6 Mac 2009 di Balai Polis Dang Wangi Kuala Lumpur;
- (iii) membuat kenyataan akhbar melalui media massa pada 7 April 2009 untuk mengingatkan orang awam mengenai sindiket penipuan yang menggunakan nama Bank Negara Malaysia;
- (iv) meminta bantuan stesen televisyen dan pengendali perkhidmatan telekomunikasi untuk memberi amaran awal kepada orang ramai dan menguar-uarkan modus operandi penipuan sebegini. Bahkan ada SMS yang dihantar pesanan daripada Bank Negara Malaysia, "Berwaspadalah terhadap penipuan melalui SMS, e-mel atau panggilan telefon, lindungi maklumat peribadi perbankan anda";

- (v) mengadakan pertemuan dengan institusi perbankan pada 8 April 2009, Jabatan Penguatkuasaan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia dan cawangan khas PDRM pada 10 April 2009, dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersial pada 27 April 2009, bagi membincangkan tentang sindiket penipuan yang menggunakan nama Bank Negara Malaysia;
- (vi) pihak bank juga telah memberi peringatan mengenai skim penipuan sebegini melalui pesanan-pesanan yang terpamer di ATM, laman web rasmi dan premis cawangan perbankan mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah menerima 73 aduan dari orang ramai berkenaan penipuan menggunakan nama institusi perbankan dan Bank Negara Malaysia. Aduan terbabit melibatkan penipuan menggunakan nama Bank Negara Malaysia dan beberapa institusi perbankan lain seperti berikut:

<b>Nama Bank</b>	<b>Jumlah Aduan</b>
Bank Negara Malaysia	5
Ambank Berhad	64
Maybank Berhad	2
Public Bank Berhad	1
Lain-lain	1
	<b>73</b>

Kes penipuan ini adalah di bawah siasatan Polis Diraja Malaysia. Pihak polis memaklumkan bahawa seramai 10 individu telah pun ditahan bagi membantu pihak polis menjalankan siasatan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Rabu, 17 Jun 2009.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.53 petang.***